Bil. 64 **Isnin**
18 November 1996

MALAYSIA

PENYATA RASMI PARLIMEN
DEWAN RAKYAT

PARLIMEN KESEMBILAN
PENGGAL KEDUA
MESYUARAT KETIGA

KANDUNGAN

JAWAPAN-JAWAPAN MULUT BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN (Ruangan 1)

RANG UNDANG-UNDANG DIBAWA KE DALAM MESYUARAT (Ruangan 12)

RANG UNDANG-UNDANG:
Rang Undang-undang Perbekalan 1997 (Ruangan 12)
Jawatankuasa:
Jadual -
Maksud B.1, B2, B.3, B.4, B.5, B.6, B.7, B.8, B.9, B.10, B.11, B. 12 dan B.13. (Ruangan 13)

USUL:
Anggaran Pembangunan 1997
Jawatankuasa:
Maksud P.7 dan P.8 (Ruangan 13)

Diterbit Oleh:
CAWANGAN DOKUMENTASI
PARLIMEN MALAYSIA
1998

Dicetak Oleh:
CAWANGAN CETAK
PARLIMEN MALAYSIA
1998

Oktober, 1996.

AHLI-AHLI DEWAN RAKYAT

Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, Tan Sri Dato' Mohamed Zahir bin Haji Ismail, P.M.N., S.P.M.K., D.S.D.K. J.M.N.

Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dan Menteri Dalam Negeri, Dato' Seri Dr. Mahathir bin Mohamad, D.K.I., D.U.K., S.S.D.K., S.S.A.P., S.P.M.S., S.P.M.J., D.P., D.U.P.N., S.P.N.S., S.P.D.K., S.P.C.M., S.S.M.T., D.U.N.M., P.I.S. (Kubang Pasu)

Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri dan Menteri Kewangan, Dato' Seri Anwar bin Ibrahim, D.U.P.N., S.S.A.P., S.S.S.A., D.G.S.M., S.P.N.S., S.P.D.K., D.M.P.N. (Permatang Pauh)

Yang Berhormat Menteri Pengangkutan, Dato' Seri Dr. Ling Liong Sik, D.G.S.M., S.P.M.P., D.P.M.S., D.P.M.P. (Labis)

" Menteri Kerja Raya, Dato' Seri S. Samy Vellu, S.P.M.P., S.P.M.J., D.P.M.S., P.C.M., A.M.N. (Sungai Siput)

" Menteri Perusahaan Utama, Dato' Seri Dr. Lim Keng Yaik, S.P.M.P., D.P.C.M. (Beruas)

" Menteri Tenaga, Telekom dan Pos, Datuk Leo Moggie anak Irok, P.N.B.S. (Kanowit)

" Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Dato' Seri Rafidah Aziz, S.P.M.P., D.P.M.S., A.M.N. (Kuala Kangsar)

" Menteri Pertanian, Datuk Seri Amar Dr. Haji Sulaiman bin Haji Daud, S.I.M.P., D.A., D.S.S.A., P.N.B.S, J.B.S. (Petra Jaya)

" Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, Dato' (Dr.) Haji Abu Hassan bin Haji Omar, S.P.M.S., D.P.M.S., S.M.S., S.M.T. P.I.S. (Kuala Selangor)

" Menteri Pendidikan, Dato' Seri Haji Mohd. Najib bin Tun Haji Abdul Razak (Orang Kaya Indera Shahbandar), S.S.A.P., S.I.M.P., D.P.M.S., D.S.A.P., P.N.B.S. (Pekan)

" Menteri Penerangan, Dato' Mohamed bin Rahmat, S.P.M.J., S.I.M.P., S.S.S.A., S.S.I.J., D.P.M.J., D.P.M.S., P.N.B.S., K.M.N., P.I.S., B.S.I. (Pulai)

" Menteri Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan, Dato' Sabbaruddin Chik, S.I.M.P., D.P.M.S., D.S.A.P., S.M.S. (Temerloh)

" Menteri Sumber Manusia, Dato' Lim Ah Lek, S.I.M.P., D.S.A.P., S.M.T., J.P. (Bentong)

" Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Dato' Abang Abu Bakar bin Datu Bandar Abang Haji Mustapha, D.S.A.P., P.N.B.S., D.P.T.J., J.M.N. (Kuala Rajang)

" Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar, Datuk Law Hieng Ding, P.N.B.S., K.M.N., P.B.S., P.B.J. (Sarikei)

Yang Berhormat Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Dato' Dr. Ting Chew Peh, D.P.M.P. (Gopeng)

" Menteri Pertahanan, Dato' Syed Hamid bin Syed Jaafar Albar, D.P.M.J., S.M.J., A.M.N. (Kota Tinggi)

" Menteri Pembangunan Luar Bandar, Dato' Haji Annuar bin Haji Musa, S.I.M.P. (Peringat)

" Menteri Luar Negeri, Datuk Abdullah bin Haji Ahmad Badawi, D.S.S.A., D.M.P.N., D.J.N., K.M.N., A.M.N. (Kepala Batas)

" Menteri Tanah dan Pembangunan Koperasi, Datuk Osu bin Haji Sukam, P.G.D.K. (Papar)

" Menteri Belia dan Sukan, Tan Sri Dato' Haji Muhyiddin bin Haji Mohd. Yassin, P.S.M., S.P.M.J., P.I.S., B.S.I. (Pagoh)

" Menteri Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat, Datin Paduka Hajah Zaleha binti Ismail, D.P.M.S., S.M.S., K.M.N. (Gombak)

" Menteri Kesihatan, Datuk Chua Jui Meng, D.I.M.P., S.M.J., P.I.S. (Bakri)

" Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Dato' Dr. Haji Abdul Hamid bin Haji Othman, D.S.D.K., J.S.M., K.M.N., P.P.T. (Sik)

" Menteri Pembangunan Usahawan, Dato' Mustapa bin Mohamed, D.P.M.S. (Jeli)

" Timbalan Yang di-Pertua, Tuan Ong Tee Keat, S.M.S. (Ampang Jaya)

" Timbalan Yang di-Pertua, Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin, P.G.D.K (Kinabatangan)

" Timbalan Menteri Dalam Negeri, Datuk Seri Megat Junid bin Megat Ayob, D.P.C.M., D.S.A.P., A.M.P., A.M.K. (Pasir Salak)

" Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Dato' Mohd. Tajol Rosli bin Mohd. Ghazali, D.P.M.P., A.M.P. (Gerik)

" Timbalan Menteri Kesihatan, Dato' Dr. Siti Zaharah binti Haji Sulaiman, D.I.M.P. (Paya Besar)

" Timbalan Menteri Belia dan Sukan, Dato' Loke Yuen Yow, D.P.M.P., A.M.P. (Tanjong Malim)

" Timbalan Menteri Kerja Raya, Datuk Railey bin Haji Jaffrey, P.G.D.K., J.M.N. (Silam)

" Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Raja Dato' Ariffin bin Raja Sulaiman, D.S.D.K., S.M.S. (Baling)

" Timbalan Menteri Pendidikan, Dato' Haji Mohd. Khalid bin Mohd. Yunus, D.S.N.S. (Jempol)

" Timbalan Menteri Luar Negeri, Datuk Dr. Leo Michael Toyad, P.G.B.K., J.B.S. (Mukah)

Yang Berhormat	Timbalan Menteri Pertahanan, Dato' Dr. Abdullah Fadzil bin Che Wan, D.P.C.M., P.C.M. (Bukit Gantang)
"	Timbalan Menteri Penerangan, Dato' Drs. Suleiman bin Mohamed, D.P.M.S. (Titiwangsa)
"	Timbalan Menteri Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan, Dato' Teng Gaik Kwan, D.I.M.P., A.M.N., P.P.N. (Raub)
"	Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Tuan Peter Chin Fah Kui, P.B.S., A.B.S. (Miri)
"	Timbalan Menteri Sumber Manusia, Dato' Abdul Kadir bin Haji Sheikh Fadzir, D.S.D.K., A.M.K. (Kulim-Bandar Baharu)
"	Timbalan Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Tuan Kerk Choo Ting (Taiping)
"	Timbalan Menteri Pertanian, Dato' Dr. Haji Tengku Mahmud bin Tengku Mansor, D.P.M.T., K.M.N., P.J.C., J.P., P.J.K. (Setiu)
"	Timbalan Menteri Kewangan, Dato' Wong See Wah, D.S.N.S. (Rasah)
"	Timbalan Menteri Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat, Datuk Peter Tinggom anak Kamarau, P.N.B.S., J.B.S., K.M.N., P.B.S., A.M.N., P.P.C. (Saratok)
"	Timbalan Menteri Pendidikan, Datuk Dr. Fong Chan Onn, D.M.S.M. (Selandar)
"	Timbalan Menteri Tenaga, Telekom dan Pos, Dato' Chan Kong Choy, D.S.A.P., .D.P.M.S. (Selayang)
"	Timbalan Menteri Dalam Negeri, Tuan Ong Ka Ting (Pontian)
"	Timbalan Menteri Pembangunan Luar Bandar, Dato' K. Kumaran, D.P.M.P., K.M.N., J.S.M., P.M.P., P.P.T., J.P. (Tapah)
"	Timbalan Menteri Kewangan, Dato' Dr. Affifudin bin Haji Omar, D.S.D.K., J.S.M., K.M.N., B.C.K. (Padang Terap)
"	Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Dr. Ibrahim bin Saad, D.M.S.M. (Tasek Gelugor)
"	Timbalan Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar, Dato' Abu Bakar bin Daud, D.S.M.T., D.S.A.P., D.P.M.T., J.M.N., P.J.C., P.J.K. (Kuala Terengganu)
"	Timbalan Menteri Pengangkutan, Datuk Wira Mohd. Ali bin Mohd. Rustam, D.C.S.M., D.M.S.M., D.S.M., P.B.M. (Batu Berendam)
"	Timbalan Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, Dato' S. Subramaniam, D.S.N.S., D.P.M.J., S.M.J. (Segamat)

Yang Berhormat	Timbalan Menteri Tanah dan Pembangunan Koperasi, Dr. Goh Cheng Teik (Nibong Tebal)
"	Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Haji Mohamed Nazri bin Abdul Aziz, D.M.S.M., A.M.P., B.K.T. (Chenderoh)
"	Timbalan Menteri Perusahaan Utama, Cik Siti Zainab binti Abu Bakar, S.M.J. (Tebrau)
"	Timbalan Menteri Pembangunan Usahawan, Tuan Idris bin Jusoh, P.J.K. (Besut)
"	Setiausaha Parlimen Kementerian Kesihatan, Dato' M. Mahalingam, D.P.M.S., J.M.N., J.P. (Subang)
"	Setiausaha Parlimen Kementerian Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan, Dato' Mohd. Noh bin Rajab, D.S.N.S. (Tampin)
"	Setiausaha Parlimen Kementerian Pembangunan Luar Bandar, Tuan Douglas Uggah Embas, A.B.S., P.B.S. (Betong)
"	Setiausaha Parlimen Kementerian Kerja Raya, Tuan Yong Khoon Seng (Padawan)
"	Setiausaha Parlimen Kementerian Tanah dan Pembangunan Koperasi, Dato' Haji Fauzi bin Haji Abdul Rahman, D.I.M.P., A.M.P., P.P.N. (Kuantan)
"	Setiausaha Parlimen di Jabatan Perdana Menteri, Dato' Haji Muhamad bin Abdullah, D.I.M.P., S.M.P., P.J.K. (Maran)
"	Setiausaha Parlimen di Jabatan Perdana Menteri, Dato' Azmi bin Khalid, D.P.M.P., S.M.P., P.J.K. (Padang Besar)
"	Setiausaha Parlimen Kementerian Kewangan, Dr. Haji Shafie bin Mohd. Salleh, S.M.S., S.S.A., K.M.N. (Kuala Langat)
"	Setiausaha Parlimen Kementerian Pengangkutan, Tuan Chor Chee Heung (Alor Setar)
"	Setiausaha Parlimen Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Dato' Hishamuddin bin Tun Hussein, D.P.M.J. (Tenggara)
"	Setiausaha Parlimen Kementerian Pertanian, Dato' Abu Bakar bin Taib, D.S.D.K., K.M.N., B.C.K., P.J.K. (Langkawi)
"	Setiausaha Parlimen Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, Datuk Tan Chai Ho, P.J.N., K.M.N., A.M.N. (Bandar Tun Razak)
"	Setiausaha Parlimen Kementerian Penerangan, Datuk Mohd. Shafie bin Haji Apdal, P.G.D.K. (Semporna)
"	Setiausaha Parlimen Kementerian Belia dan Sukan, Dato'Shahrizat binti Abdul Jalil, D.I.M.P. (Lembah Pantai)
"	Setiausaha Parlimen Kementerian Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat, Tuan G. Palanivel, P.J.K. (Hulu Selangor)

Yang Berhormat	Tuan Abdol Mulok bin Haji Awang Damit (Labuan)
"	Tuan Abdul Aziz bin Mohd. Yassin (Muar)
"	Tun Abdul Ghafar bin Baba, S.S.M. (Jasin)
"	Tuan Haji Abdul Hadi bin Haji Awang (Marang)
"	Tuan Haji Abdul Hamid bin Abdul Rahman (Sungai Benut)
"	Tuan Abdul Rahin bin Dato' Mohd. Said (Kuala Nerus)
"	Tuan Abdul Rahman bin Haji Sulaiman, S.S.A., A.M.N., A.M.S., A.M.P., A.D.K. (Parit Buntar)
"	Datuk Patinggi Tan Sri Haji Abdul Taib Mahmud, D.P., D.A., S.P.M.J., P.G.D.K., S.S.A.P. (Kota Samarahan)
"	Datuk Abu Seman bin Haji Yusof, D.M.S.M., J.P., B.K.T. (Alor Gajah)
"	Dato' Haji Abu Zahar bin Dato' Nika Ujang, D.S.N.S., A.M.N. (Kuala Pilah)
"	Tuan Ahmad Husni bin Mohd. Hanadzlah, P.P.T., A.M.P. (Tambun)
"	Tuan Ahmad Kamaruzaman bin Mohamed Baria, P.J.K. (Jerantut)
"	Datuk Ahmad Zahid bin Hamidi, D.M.S.M., P.P.T., P.J.K. (Bagan Datok)
"	Puan Ainon Khariyah binti Dato' Mohd. Abas, P.M.P., A.M.P. (Parit)
"	Tuan Akbarkhan bin Abdul Rahman (Libaran)
"	Tuan Amihamzah bin Ahmad (Lipis)
"	Datu Amirkahar bin Tun Datu Haji Mustapha (Marudu)
"	Tuan Asmat Nungka (Beluran)
"	Dato' Haji Badruddin bin Amiruldin, D.S.D.K., B.K.M., P.J.K. (Yan)
"	Tuan Haji Badrul Hisham bin Abdul Aziz, A.S.A. (Hulu Langat)
"	Tuan Billy Abit Joo (Hulu Rajang)
"	Tuan Haji Buniyamin bin Yaakob (Bachok)
"	Tuan Chang Kon You (Ipoh Timor)
"	Che Ibrahim bin Mustafa, P.J.K. (Sungai Petani)
"	Tuan Chia Kwang Chye (Bukit Bendera)
"	Tuan Chiew Chiu Sing (Bintulu)

Yang Berhormat	Dato' Joseph Chong Chek Ah, D.S.P.N. (Batu)
"	Puan Chua Soon Bui (Tawau)
"	Tun Daim bin Haji Zainuddin, S.S.M., D.H.M.S., S.S.A.P. (Merbok)
"	Tuan Fu Ah Kiow (Mentakab)
"	Tuan Hamzah bin Ramli (Sri Gading)
"	Dato Haji Hanafi bin Ramli, D.S.D.K., S.M.S., K.M.N., A.M.K., A.M.N., P.P.N., P.J.K., J.P. (Jerlun)
"	Tuan Hashim bin Ismail, P.P.N., P.I.S. (Ledang)
"	Tuan Henrynus Amin, A.D.K. (Kinabalu)
"	Dato' Hew See Tong, D.P.M.P., J.P., P.M.P. (Kampar)
"	Tuan Ho Cheong Sing, A.M.N. (Ipoh Barat)
	Dato' Hon Choon Kim, D.S.N.S. (Seremban)
"	Tuan Hoo Seong Chang (Kluang)
"	Tuan Haji Ibrahim bin Mahmood (Kuala Krai)
"	Tuan Ibrahim bin Pateh Mohamad (Tanah Merah)
"	Puan Hajah Ilani binti Dato' Haji Isahak (Kota Bharu)
"	Tuan Jacob Dungau Sagan, P.P.B. (Baram)
"	Dato' Dr. Haji Jamaluddin bin Dato' Mohd. Jarjis, D.I.M.P., S.A.P. (Rompin)
"	Tuan James Jimbun Anak Pungga, P.B.S. (Kapit)
"	Tuan Jawah Anak Gerang (Lubok Antu)
"	Tuan Jimmy Lim @ Jimmy Donald (Sri Aman)
"	Tuan Joseph Mauh Anak Ikeh (Selangau)
"	Datuk Joseph Pairin Kitingan (Keningau)
"	Dato' Dr. Kamal bin Salleh, D.S.P.N., K.M.N., P.K.T., J.M.N. (Wangsa Maju)
"	Tuan Kamarudin bin Ahmad (Arau)
"	Tuan R. Karpal Singh (Jelutong)
"	Dr. L. Krishnan, P.M.C., A.M.N. (Telok Kemang)
"	Tuan Lau Ngan Siew, A.D.K. (Sandakan)

Yang Berhormat	Dr. Lee Chong Meng (Bukit Bintang)
"	Dr. G. Leelavathi, A.M.N. (Kapar)
"	Tuan Liew Ah Kim (Seputeh)
"	Tuan Lim Guan Eng (Kota Melaka)
"	Tuan Lim Hock Seng (Bagan)
"	Tuan Lim Kit Siang (Tanjong)
"	Tuan Vincent Lim Kuo Phau (Petaling Jaya Utara)
"	Puan Lim Lay Hoon, P.P.N., B.K.M. (Padang Serai)
"	Tuan Lim Si Cheng, P.I.S. (Senai)
"	Tuan Lim Siang Chai (Petaling Jaya Selatan)
"	Dato' Haji Mahbud bin Haji Hashim, D.S.S.A., A.S.A., P.J.K. (Sabak Bernam)
"	Tuan Mansor bin Masikon (Batu Pahat)
"	Dr. Maximus Johnity Ongkili, A.S.D.K., J.P. (Bandau)
"	Tuan Md. Isa bin Sabu (Kangar)
"	Tuan Michael Lisa Kaya, B.B.S. (Bukit Mas)
"	Tuan Haji Mohamad bin Sabu (Kubang Kerian)
"	Tuan Haji Mohamed bin Haji Abdullah (Pasir Puteh)
"	Tuan Mohamed Khaled bin Nordin P.I.S. (Johor Bahru)
"	Datuk Mohd. Salleh bin Tun Said, P.G.D.K. (Kota Belud)
"	Dato' Haji Mohd. Zihin bin Haji Mohd. Hassan, D.I.M.P., P.M.P., A.M.P., J.P. (Larut)
"	Tuan Mokhtaruddin bin Wan Yusof (Dungun)
"	Tuan Haji Mustafa bin Muda, A.M.N., A.M.T., P.P.N., P.J.K. J.P. (Hulu Terengganu)
"	Tuan Haji Nik Mohd. Amar bin Haji Nik Abdullah (Pengkalan Chepa)
"	Tuan Noh bin Omar, P.J.K. (Tanjong Karang)
"	Dr. Nungsari bin Ahmad Radhi (Balik Pulau)
"	Datuk Nurnikman bin Abdullah (Beaufort)

Yang Berhormat	Tuan Ong Tin Kim (Teluk Intan)
"	Dato' Othman bin Abdul, D.S.S.A., A.M.P., P.P.T. (Pendang)
"	Dr. Patau Rubis, P.B.S. (Mas Gading)
"	Tuan Paul Noutin, A.D.K. (Penampang)
"	Tuan Philip Yong Chew Lip, A.D.K. (Gaya)
"	Dato' Haji Qamaruz Zaman bin Haji Ismail, D.P.M.P., P.C.M., K.M.N., B.C.K., P.J.K. (Bagan Serai)
"	Tuan Radin Malleh (Tenom)
"	Dr. Ramli bin Taib (Kemaman)
"	Mulia Tengku Tan Sri Razaleigh Hamzah, D.K., P.S.M., S.P.M.K., S.S.A.P., S.P.M.S. (Gua Musang)
"	Tuan Richard Riot Anak Jaem (Serian)
"	Tuan Robert Lau Hoi Chew (Sibu)
"	Puan Rohani binti Abd. Karim, P.P.B. (Santubong)
"	Tuan Ruhanie bin Haji Ahmad, P.I.S. (Parit Sulong)
"	Dato' Salamon bin Selamat, D.P.M.S., S.S.A., A.M.S., P.J.K. (Shah Alam)
"	Dr. Sanusi bin Daeng Mariok (Rantau Panjang)
"	Puan Seripah Noli binti Syed Hussin (Sepang)
"	Datuk S'ng Chee Hua, D.S.N.S., P.G.D.K. (Julau)
"	Datuk Song Swee Guan, P.G.D.K. (Bandar Kuching)
"	Cik Sukinam Domo (Batang Sadong)
"	Dato' Haji Sukri bin Haji Mohamed, D.J.M.K., J.P. (Machang)
"	Dr. Tan Chong Keng (Bukit Mertajam)
"	Dr. Tan Kee Kwong (Segambut)
"	Tuan Tan Kok Wai (Cheras)
"	Dr. Tan Seng Giaw (Kepong)
"	Dr. Tan Yee Kew (Kelang)

Yang Berhormat	Tuan Tiong Thai King (Lanang)
"	Tuan Tue Si @ Chang See Ten, P.I.S. (Gelang Patah)
"	Wan Hanafiah bin Wan Mat Saman, B.K.M. (Pokok Sena)
"	Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar, P.B.S. (Batang Lupar)
"	Tuan Haji Wan Mohd. Jamil bin Wan Mahmood (Tumpat)
"	Tuan Wong Kam Hoong, K.M.N. (Bayan Baru)
"	Dato' Yap Pian Hon, D.M.P.S., A.M.N., P.J.K. (Serdang)
"	Dr. Yap Yit Thong, A.M.P., A.M.N. (Lumut)
"	Dr. Yee Moh Chai (Tanjong Aru)
"	Tuan Yeong Chee Wah (Batu Gajah)
"	Tuan Yunof Edward Maringking (Tuaran)
"	Tuan Yunus bin Rahmat (Jelebu)
"	Dr. Haji Yusof bin Haji Yacob, A.D.K. (Sipitang)
"	Tuan Zainal Abidin bin Osman (Mersing)
"	Tuan Haji Zainuddin bin Haji Mohamad Nor, S.M.K. (Pasir Mas)
"	Dato' Haji Zakaria bin Mohd. Said, D.S.D.K., S.M.K., K.M.N., P.J.K. (Kuala Kedah)

PEGAWAI-PEGAWAI KANAN PARLIMEN MALAYSIA

Setiausaha Dewan Rakyat	:	Dato' Haji Abdul Rahman bin Haji Ali, D.P.M.T., A.M.N., P.J.K., A.M.S., S.M.T., A.S.D.K.
Ketua Penolong Setiausaha	:	Said bin Sidik
Penolong Setiausaha Kanan	:	Zamani bin Haji Sulaiman
Penolong Setiausaha	:	Haji Mustakin bin Selamat

CAWANGAN DOKUMENTASI

Pegawai Penerbitan	:	Azhari bin Hamzah Monarita binti Mohd. Hassan
Pelapor Perbahasan Parlimen	:	Hajah Shamsiah binti Mohd. Yusop, P.P.N. Haji Suhor bin Husin Mohd Saleh bin Mohd. Yusop Hajah Supiah binti Dewak Mohamed bin Osman Hajah Norishah binti Mohd. Thani Zaharah binti Naim Norwahidah binti Azizi Jainah binti Sakimin Shamsina binti Janor
Pembaca Pruf	:	Abu Bakar Hasan

CAWANGAN BENTARA

Bentara Mesyuarat	:	Lt Kol (B) Haji Rahimuddin bin Abdul Mutalib Mejar (B) Zakaria bin Salleh

MALAYSIA

DEWAN RAKYAT

Isnin, 18 November 1996

Mesyuarat dimulakan pada pukul 2.30 petang

D O A

[Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan Mesyuarat*]

JAWAPAN-JAWAPAN MULUT BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN

EMAS - KAWALAN MUTU

1. **Tuan Abdul Rahin bin Dato' Mohd. Said [Kuala Nerus]** minta Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna menyatakan sama ada kementerian dapat mengawal mutu emas di seluruh negara setelah pertukaran Standard Piawaian Emas dikuatkuasakan. Sejauh manakah keberkesanannya, sejauh manakah peniaga emas atau pekedai emas mematuhi arahan dari kementerian ataupun kompaun yang telah dikenakan terhadap pekedai.

Setiausaha Parlimen Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna [Datuk Tan Chai Ho]: Tuan Yang di-Pertua, semenjak Peraturan-peraturan Perihal Dagangan (Artikel-artikel Yang Dibuat Daripada Logam Berharga) 1994 dikuatkuasakan pada 1 Ogos 1995, kementerian telah membuat pemeriksaan ke atas 2,000 kedai emas di seluruh negara. Dari pemeriksaan tersebut, hanya 3 kes sahaja yang berbangkit yang melibatkan peniaga yang tidak mematuhi peraturan-peraturan ini. Kesemua kes ini masih menunggu perbicaraan. Bilangan kes yang kecil ini menggambarkan penguatkuasaan peraturan-peraturan tersebut dapat menangani penyelewengan berhubung dengan mutu artikel-artikel yang dibuat daripada logam berharga.

Pada keseluruhannya, kementerian berpuas hati dengan kerjasama yang telah diberikan oleh semua pihak yang terlibat dalam industri logam berharga untuk menentukan peraturan-peraturan tersebut dipatuhi.

Tuan Hoo Seong Chang: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Mengenai mutu emas ini, dahulu kalau tidak salah saya, pekedai emas menggunakan mutu 24K, 22K, 18K dan sebagainya. Jadi, sekarang ini apakah gred yang digunakan oleh pekedai emas di mana yang diluluskan oleh kementerian? Dan saya cuma hendak tahu sama ada emas pound ini masih dijual oleh pekedai emas? Kalau jawapannya ialah ya, bila emas pound ini tidak dibenarkan untuk dijual di pasaran?

Datuk Tan Chai Ho: Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, standard ketulenan emas yang dibenarkan serta wajib ditandakan pada artikel berkaitan di negara ini adalah seperti berikut, iaitu 999, 950, 916.6, 875, 835, 750, 585 dan 375.

Tuan Yang di-Pertua: Emas pound ini adakah atau tidak?

Datuk Tan Chai Ho: Emas pound memang ada, cuma di luar bandar atau di kawasan pedalaman. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, kementerian telah memutuskan bahawa mulai dari 1 Januari 1997 (tahun depan), hanya artikel-artikel yang menepati standard ketulenan yang telah ditetapkan boleh dibuat atau dijual selepas tarikh itu. Ini bermakna, selepas 1 Januari 1997, emas pound tidak boleh dijualkan.

Dato' Haji Hanafi bin Ramli: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Bolehkah Yang Berhormat Setiausaha Parlimen terangkan berapa pihakkah yang diberi kebenaran untuk mengecop emas ini kerana kita dapati ada peniaga-peniaga emas bumiputera yang lambat mendapat pengiktirafan daripada syarikat yang dilantik itu dan ini menyebabkan banyak kedai emas bumiputera tidak dapat hendak jualkan emas itu?

Datuk Tan Chai Ho: Tuan Yang di-Pertua, setakat ini dua syarikat yang telah dibenarkan menjalankan pengujian ketulenan emas, iaitu:

(i) RM Acid Office M Sdn. Bhd.;

(ii) FebMas Access Office.

PUSPAKOM - MASALAH KESESAKAN DAN MASA MENUNGGU DI STESEN PEMERIKSAAN

2. **Tuan Yunus bin Rahmat [Jelebu]** minta Menteri Pengangkutan menyatakan perkara berikut:

(a) apakah masalah yang dihadapi PUSPAKOM yang menyebabkan bilangan kenderaan diperiksa masih gagal mematuhi jadual pemeriksaan berkala; dan

(b) faktor kesesakan dan masa menunggu di stesen PUSPAKOM begitu ketara dan lama walaupun pemeriksaan berkomputer dilaksanakan, apa sebabnya.

Timbalan Menteri Pengangkutan [Datuk Wira Mohd. Ali bin Mohd. Rustam]: Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat:

(a) Pada peringkat awal aktiviti penswastaan pemeriksaan kenderaan perdagangan, memang terdapat kegagalan ramai pemilik kenderaan mematuhi jadual pemeriksaan kenderaan berkala mengikut masa dan tarikh yang ditetapkan. Ini disebabkan oleh beberapa perkara seperti berikut:-

(i) terdapat kebimbangan pemilik-pemilik kenderaan bahawa kenderaan mereka akan gagal dalam pemeriksaan;

(ii) kelonggaran syarat membaharui lesen kenderaan motor (cukai jalan) di mana kenderaan perdagangan boleh membaharui cukai jalan tanpa dikaitkan dengan kelulusan pemeriksaan berkala; dan

(iii) kurangnya pusat pemeriksaan yang disediakan pada ketika itu.

(b) Kesesakan dan masa menunggu yang lama di Pusat Pemeriksaan Berkomputer (PUSPAKOM) hanya berlaku pada peringkat awal pelaksanaan sistem. Ini adalah disebabkan oleh perkara-perkara seperti berikut:-

(i) kurangnya pusat pemeriksaan yang disediakan oleh pihak PUSPAKOM. Ini menyebabkan kenderaan-kenderaan tertumpu kepada satu pusat pemeriksaan sahaja;

(ii) kakitangan yang mengendalikan peralatan berkomputer kurang mahir; dan

(iii) pemilik-pemilik kenderaan tidak mematuhi tarikh dan masa pemeriksaan yang telah ditetapkan.

Bagaimanapun, pada ketika ini PUSPAKOM telah pun menjalankan kerjanya dengan memuaskan. Kini pemilik-pemilik kenderaan mula yakin dengan keupayaan PUSPAKOM yang menghasilkan pemeriksaan yang lebih tepat dan cepat.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat juga, bahawa sebanyak 21 pusat pemeriksaan telah disiapkan dan beroperasi sepenuhnya, manakala 10 lagi akan siap dan boleh beroperasi pada hujung tahun ini.

Tuan Yunus bin Rahmat: Tuan Yang di-Pertua, daripada jumlah 21 buah Pusat Pemeriksaan PUSPAKOM Sdn. Bhd., yang telah didirikan, saya ingin tahu berapakah jumlah peruntukan yang telah dibelanjakan bagi membina bangunan, pembelian alat-alat komputer dan sebagainya termasuk sewaan kepada bangunan-bangunan lama? Daripada 21 pusat itu berapakah jumlah yang menjalankan pemeriksaan secara manual, selain daripada automatik yang telah dilaksanakan oleh pihak PUSPAKOM? Adakah cadangan Tuan Yang di-Pertua, PUSPAKOM menjalankan pemeriksaan ke atas kenderaan-kenderaan persendirian, umpamanya yang melebihi 15 tahun, untuk memastikan kenderaan-kenderaan tersebut selamat digunakan di atas jalan raya?

Datuk Wira Mohd. Ali bin Mohd. Rustam: Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, oleh kerana butir-butir tadi itu agak spesifik, kalau diberi 'hint' pada saya, saya mungkin membawa sedikit maklumat itu. Jadi, saya minta notislah berkaitan dengan kos-kos yang telah dibelanjakan.

Berkaitan sama ada PUSPAKOM hendak membuat pemeriksaan atau tidak kenderaan yang melebihi 15 tahun, perkara ini belum ada lagi cadangan.

Dato' Haji Hanafi bin Ramli: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Adakah Yang Berhormat Timbalan Menteri sedar bahawa akibat dari penswastaan pemeriksaan ini kepada PUSPAKOM di mana PUSPAKOM ini dia periksa kemudian apabila lulus dia beri certificate - kita pergi bayar di JPJ. Inforcement itu dijalankan oleh JPJ, tetapi kelulusan diberikan oleh PUSPAKOM - inforcement dijalankan oleh JPJ, akibatnya kadang-kadang ada personal clash antara orang di PUSPAKOM dengan orang di JPJ, yang menjadi mangsa ialah tuan punya kenderaan terutama mereka yang mempunyai bas. Sila jawabkan. *[Ketawa]*

Datuk Wira Mohd. Ali bin Mohd. Rustam: Ini soalan daripada tauke bas! *[Ketawa]* Memang yang periksa PUSPAKOM untuk makluman Tuan Yang di-Pertua, dan Ahli Yang Berhormat. Tetapi hendak semak sama ada yang periksa ini JPJ, jadi bila kenderaan perdagangan telah menjalani pemeriksaan di PUSPAKOM dia akan diberi sijil. Jadi, sijil itu kena disimpanlah. Sekiranya JPJ tahan di tengah jalan, ditanya 'sudah check dengan PUSPAKOM atau belum?' Kalau dia kata 'sudah' dia hendak tengok sijil itu, ditengok tarikhnya. Kalau masih belum lagi, perlu diperiksa balik, maka tidak ada kena saman, tetapi kalau dikatakan sudah, apabila ditengok sudah terlebih tempoh, maka akan dikeluarkan kompaun.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Tuan Lim Si Cheng.

Tuan Lim Si Cheng: Tuan Yang di-Pertua, soalan saya yang ke-3 dan ingin saya memohon supaya angka '40,000' yang tersebut dalam soalan (a) ini ditukar ke '4,000'. Saya mohon maaf di atas kesilapan ini.

Tuan Yang di-Pertua: Ya.

KURSUS PENGAJARAN BAHASA CINA DI MAKTAB PERGURUAN - PENYELEWENGAN DALAM PENTADBIRAN

3. **Tuan Lim Si Cheng [Senai]** minta Menteri Pendidikan menyatakan:

(a) adakah terdapatnya penyelewengan dalam pentadbiran di peringkat Kementerian Pendidikan Negeri dan Daerah memandangkan selepas penyelarasan gaji guru baru-baru ini, jumlah pemohon kursus pengajaran bahasa Cina di maktab-maktab perguruan tahun ini telah meningkat ke 11,000 orang berbanding 4,000 orang pada 1995, tetapi jumlah yang diambil pula merosot ke 450 orang berbanding lebih kurang 1,000 orang tahun lepas. Jika tidak mengapa; dan

(b) bilangan murid bumiputera dan India yang menuntut di SRJK(C) di seluruh negara kian bertambah sehingga jumlahnya telah mencatat 50,000 murid tahun ini, adakah kementerian berhasrat mengadakan temuduga serta-merta (walk-in interview) dan resolusi lain bagi mengatasi masalah kekurangan guru di seluruh SRJK(C) di negara ini.

Menteri Pendidikan [Dato' Seri Haji Mohd. Najib bin Tun Haji Abdul Razak]: Tuan Yang di-Pertua,

(a) Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, tidak berlaku sebarang penyelewengan dalam pentadbiran sama ada di peringkat kementerian, negeri atau daerah dalam pengambilan calon guru pelatih. Sebanyak 800 tempat telah disediakan untuk Pengkhususan Pengajian Cina bagi program Diploma Perguruan Malaysia pada sesi Ogos 1996 (480 untuk Pengkhususan Pengajian Cina sebagai major pertama; dan 320 untuk Pengkhususan Pengajian Cina sebagai major kedua). Seramai 824 calon telah dipanggil temuduga; dan 576 calon telah ditawarkan untuk mengikuti kursus tersebut di maktab-maktab perguruan. Kementerian Pendidikan tidak dapat mengisi kekosongan atas sebab-sebab berikut:

(i) calon tidak hadir termuduga;

(ii) calon menolak tawaran ke maktab sebab telah menerima tawaran ke universiti dan institusi-institusi pengajian tinggi yang lain; dan

(iii) calon tidak lulus temuduga.

(b) Kementerian Pendidikan tidak bercadang untuk mengadakan temuduga serta-merta untuk tujuan pengambilan calon ke maktab perguruan. Ini disebabkan mulai tahun lepas iklan telah dibuat sebelum keputusan peperiksaan SPM/SPVM/SPM(V) diumumkan bagi membolehkan ramai calon memohon.

Dato' Haji Badruddin bin Amiruldin: Tuan Yang di-Pertua, baru-baru ini Yang Amat Berhormat Perdana Menteri apabila merasmikan sebuah sekolah menengah persendirian di Alor Setar, Kedah. Beliau telah mencetuskan idea untuk mengadakan sekolah bersepadu, integrated school dengan izin. Jadi, adakah pihak kementerian akan meneruskan cadangan ini supaya kita dapat memupuk semangat muhibbah di antara kaum di negara ini di mana sekolah-sekolah ini berada dalam satu kawasan?

Dato' Seri Haji Mohd. Najib bin Tun Haji Abdul Razak: Tuan Yang di-Pertua, ini memang cadangan Kementerian Pendidikan dan beberapa buah projek dalam Rancangan Malaysia Ketujuh akan dilaksanakan berasaskan kepada konsep sekolah bersepadu ataupun sekolah wawasan.

Dato' Dr. Haji Jamaluddin bin Dato' Mohd. Jarjis: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Saya hendak bertanya sedikit kepada Dato' Menteri iaitu mengenai tuduhan DAP baru-baru ini, dia mengatakan bahawa SRJK(C) ini dari segi kemudahannya amat teruk. Memang tidak ada isu lainlah DAP ini, jadi saya ingin bertanya sama ada perkara ini benar? Jika kita bandingkan dengan sekolah-sekolah luar bandar, di luar bandar sebagaimana kita tahu tidak ada bekalan elektrik, jadi bagaimana pandangan Dato' Menteri tentang tuduhan DAP ini?

Dato' Seri Haji Mohd. Najib bin Tun Haji Abdul Razak: Tuan Yang di-Pertua, memang tuduhan DAP merupakan buruk sangka dan tidak berasas, sebab Sekolah-sekolah Jenis Kebangsaan (Cina) ada yang lebih baik kemudahannya daripada sekolah kebangsaan.

UNDANG-UNDANG SYARIAH ISLAM DALAM MASYARAKAT MADANI

4. **Tuan Haji Ibrahim bin Mahmood [Kuala Krai]** minta Perdana Menteri menyatakan apakah konsep masyarakat madani yang kerajaan ingin terapkan sama ada dari contoh Rasulullah sendiri atau daripada pandangan Barat atau tafsiran sendiri. Apakah kerajaan ingin melaksanakan undang-undang syariah Islam sepenuhnya sepertimana yang diamalkan dalam konsep masyarakat madani.

Setiausaha Parlimen di Jabatan Perdana Menteri [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Tuan Yang di-Pertua, kerajaan memang bercita-cita untuk melahirkan masyarakat Malaysia yang berkonsepkan masyarakat madani. Ini adalah bertepatan dengan wawasan negara menuju abad ke-21, yang inginkan masyarakat yang berketerampilan di dalam semua bidang sama ada di sains dan teknologi serta akhlak. Perkara-perkara ini amat digalakkan oleh Islam. Kombinasi di antara kedua-dua bidang inilah yang kita harapkan dapat membentuk generasi yang benar-benar bercirikan konsep masyarakat madani.

Berhubung dengan pelaksanaan Undang-undang Syariah Islam di dalam masyarakat madani, kerajaan berpandangan bahawa usaha-usaha yang telah dijalankan menerusi program-program mengislamisasikan sistem kewangan, pentadbiran, urusniaga secara Islam dan pengukuhan pentadbiran mahkamah syariah mendapat sambutan baik oleh masyarakat.

Usaha-usaha akan diteruskan untuk memberikan kefahaman kepada masyarakat mengenai isu-isu tertentu berhubung dengan Islam. Dengan pencapaian ilmu pengetahuan yang tinggi sudah tentu masyarakat Malaysia dapat membezakan dan kefahaman yang jelas mengenai Islam di antara kebaikan dan keburukan.

Tuan Yunus bin Rahmat: Tuan Yang di-Pertua, saya ingin bertanya kepada Dato' Setiausaha Parlimen, adakah pada pandangan kementerian di bawah pimpinan Kerajaan PAS Kelantan telah wujudnya masyarakat madani? Kalau belum, adakah bentuk pimpinan Kerajaan PAS di Kelantan pada hari ini telah gagal untuk membentuk masyarakat mereka di dalam golongan masyarakat madani dan adakah dengan berlakunya krisis pentadbiran di dalam Kerajaan PAS itu menunjukkan bahawa masyarakat tidak percaya dengan kepimpinan PAS sendiri?

Dato' Haji Muhamad bin Abdullah: Tuan Yang di-Pertua, Abdul Rahman bin Muhamad Khaldun Al-Thabrani atau pun Ibnu Khaldun menjelaskan bahawa yang dimaksudkan masyarakat madani ialah, *"al-insanu madaniyun bittabii"*, iaitu manusia itu politikal secara semula jadinya, iaitu manusia tidak boleh hidup tanpa sosial yang diistilahkan oleh ahli falsafah sebagai kota.

Apabila kita sebut masyarakat madani ia meliputi banyak aspek iaitu peradaban daripada segi kekuasaan, pemerintahan, mata pencarian kehidupan dan ilmu pengetahuan. Mana-mana negara yang kedudukan perkara-perkara yang saya sebutkan tadi kedudukannya baik, maka itu merupakan sebuah negara atau masyarakat madani. Di Kelantan, saya tidak nampak perkara-perkara yang sebutkan ini tahapnya tinggi.

Jadi, saya tidak mengatakan semua itu tidak wujud, tetapi tahapnya tidaklah boleh dikatakan sebagai masyarakat madani. Jadi dengan sendirinya ia masih belum merupakan negara atau pun kota yang dikatakan 'madani'. Mana-mana kerajaan yang tidak dapat ketaraf ini, bererti kerajaan itu masih gagal. Jadi, dengan sendirinya kita tidak menafikan bahawan PAS sendiri gagal untuk menjadikan Kelantan sebuah negara yang madani. Barisan Nasional, insya-Allah. Kita telah merupakan satu negara yang madani dan kita menuju ke arah itu, insya-Allah kita akan tercapai.

Tuan Haji Wan Mohd. Jamil bin Wan Mahmood: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan, terima kasih. Adakah Yang Berhormat Setiausaha Parlimen tidak sedar, bahawa Kelantan sekarang telah diisytiharkan merupakan salah satu bandar yang paling aman dalam dunia? *[Ketawa]*

Seorang Ahli: Mimpi di siang hari.

Tuan Haji Wan Mohd. Jamil bin Wan Mahmood: Jadi dia bercakap tadi tidak ada asasnya, Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua: Apa soalannya itu ya!

Tuan Haji Wan Mohd. Jamil bin Wan Mahmood: Apakah Yang Berhormat sedar bahawa ciri-ciri terpenting masyarakat madani itu menurut Ibnu Khaldun dalam buku *Mukadimah* ialah keamanan dan Kelantan memenuhi ciri-ciri yang pertama yang dimaksudkan itu. *[Ketawa]* . Soalannya, Tuan Yang di-Pertua,

Tuan Yang di-Pertua: Cukup satu sahaja Yang Berhormat.

Tuan Haji Wan Mohd. Jamil bin Wan Mahmood: Soalan, Tuan Yang di-Pertua. *[Disampuk]* Jangan ganggu. Soalannya, apa hubungan di antara mana yang lebih dahulu di antara masyarakat madani dengan Islamisasi?

Tuan Yang di-Pertua: Yang mana yang terlebih dahulu?

Tuan Haji Wan Mohd. Jamil bin Wan Mahmood: Mana yang terlebih dahulu dan mana merupakan induk? Kalaulah madani adalah merupakan induk, kenapa Islamisasi lahir dahulu? Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Ya, macamana Yang Berhormat.

Dato' Haji Muhamad bin Abdullah: Tuan Yang di-Pertua, saya tidak pernah mendapat maklumat yang tepat mengatakan Kelantan merupakan negeri yang aman di dunia. *[Tepuk]* Kecuali sudah menjadi mainan politik, sesiapa yang terlibat di sana, yang mendukung kerajaan di sana sentiasa mendewa-dewakan bahawa Kelantanlah negeri yang paling aman.

Tuan Yang di-Pertua, masyarakat madani ini pemimpinnya mestilah berusaha pertama mengatasi masalah kemiskinan dan dia tidak mengatakan kemiskinan itu adalah semata-mata takdir. Kita mesti berikhtiar mengatasi perkara ini kerana apabila masyarakat itu menjadi miskin maka kita takut mereka akan jatuh kepada kufur *[membaca sepotong Hadis]*. Ini hadis. Sebab itu kita berusaha untuk menguatkan Islam itu sendiri, antaranya ialah menentukan masyarakat itu tidak fakir dan insya-Allah sekiranya mereka tidak fakir, mereka akan kuat berpegang kepada Islam. Tetapi sekiranya berpandangan demikian berertinya pemimpin itu menggalakkan supaya rakyatnya menjadi kufur.

Yang kedua, di dalam Al-Quran sendiri menjelaskan, *[membaca sepotong ayat Quran]* saya pernah mendengar seorang pemimpin yang tinggi di Kelantan mengatakan bahawa, pergaduhan itu memang biasa. Ini jelas dalam TV sendiri bercakap, dia kata, "pergaduhan itu memang biasa, beritahu saya mana negeri yang tidak ada bergaduh", bererti pemerintahan dia menggalakkan supaya bergaduh. Apabila ada pergaduhan menjadi berpecah belah dan jadi, dengan sendiri bererti pemimpinnya menggalakkan supaya masyarakat berpecah belah. Adakah ini memperjuangkan Islam? Terima kasih.

GANGGUAN ELEKTRIK DI SABAH - USAHA-USAHA MENGATASI

5. **Tuan Akbarkhan bin Abdul Rahman [Libaran]** minta Menteri Tenaga, Telekom dan Pos menyatakan apakah gangguan elektrik tidak dapat diatasi sepenuhnya di Sabah memandangkan di negeri tersebut purata 8 hingga 10 gangguan utama tenaga berlaku di bandar-bandar utama setiap hari selain daripada kes kecil seperti kebakaran fius di alat pengubah.

Timbalan Menteri Tenaga, Telekom dan Pos [Dato' Chan Kong Choy]: Tuan Yang di-Pertua, untuk maklumat Ahli-ahli Yang Berhormat, gangguan-gangguan bekalan elektrik yang berlaku di seluruh negeri Sabah adalah diakibatkan oleh kerosakan utama dan kerosakan kecil. Gangguan adalah berpunca dari kerosakan talian, kabel, pemutus litar, 'pelantik', fius terputus dan lain-lain lagi pada mana-mana bahagian dalam seluruh rangkaian kuasa seluruh negeri Sabah.

Sebarang kerosakan yang berlaku kepada mana-mana komponen di atas akan direkodkan sebagai satu kejadian gangguan. Pada peringkat pembahagian, usaha-usaha telah dibuat untuk meningkatkan rangkaian pembahagian dengan menambahkan secara berperingkat bilangan penyuap stesen penjana kuasa dan pencawang-pencawang 'langkap turun' utama. Auto encloser juga akan dipasang di talian bekalan kawasan luar bandar di beberapa tempat strategi di negeri Sabah.

Dato' Haji Badruddin bin Amiruldin: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Soalan Tambahan. Tuan Yang di-Pertua, sejak kita menghadapi gangguan tenaga elektrik nasional pada satu ketika dahulu baru-baru ini, dan setelah kita mendapat seorang Pengerusi Eksekutif yang baru, apakah jaminan daripada pihak Tenaga Nasional dan juga tindakan-tindakan yang diambil supaya gangguan-gangguan ini tidak akan berlaku sekali lagi, dan apakah jaminan daripada pihak kementerian bahawa kita tidak akan menghadapi masalah elektrik di masa-masa yang akan datang? Apakah tindakan seterusnya dan langkah-langkah yang telah diambil?

Dato' Chan Kong Choy: Tuan Yang di-Pertua, untuk gangguan bekalan elektrik yang kecil, banyak langkah yang telah diambil untuk mempertingkatkan sistem penghantaran dan juga sistem pembahagian dan setelah langkah-langkah tersebut telah diambil, bilangan gangguan bekalan elektrik telah pun dikurangkan dengan kadar yang amat memuaskan.

Mengenai gangguan bekalan elektrik di peringkat kebangsaan, pihak kementerian telah pun menerima satu laporan dari pihak jawatankuasa yang menjalankan siasatan, satu laporan yang sangat menyeluruh dan di dalam laporan berkenaan beberapa cadangan telah pun dikemukakan kepada pihak kerajaan supaya mempertingkatkan sistem pembahagian dan sistem penghantaran pada keseluruhannya. Pihak kementerian pun sedang mengkaji dan meneliti dengan begitu teliti tentang cadangan ini dan selepas itu kita akan

kepada kabinet sama ada kita akan mengambil atau menerima pada keseluruhannya semua cadangan yang dikemukakan oleh jawatankuasa yang dilantik oleh kerajaan ini.

Walau bagaimanapun, pihak kerajaan yakin bahawa dengan beberapa langkah yang telah pun dilaksanakan oleh pihak kerajaan, kemungkinan berlakunya gangguan bekalan elektrik di seluruh negara akan dikurangkan.

Tuan Lim Hock Seng: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Dalam kes-kes gangguan bekalan elektrik, saya ingin tahu sama ada kementerian akan mengarahkan TNB untuk memberitahu pengguna-pengguna jangka masa yang akan diambil untuk membaik pulih bekalan elektrik dan kerja-kerja yang menyebabkan gangguan bekalan elektrik supaya pengguna-pengguna boleh bersedia untuk mengambil tindakan mencegah barang-barang daripada menjadi rosak atau boleh mengarahkan pekerja-pekerja balik dahulu dan sebagainya.

Dato' Chan Kong Choy: Tuan Yang di-Pertua, pihak kementerian memang sudah memberikan arahan kepada pihak TNB supaya melakukan apa yang dicadangkan oleh Ahli Yang Berhormat.

HAK PENJAGAAN ANAK-ANAK - KAJIAN SEMULA UNDANG-UNDANG

6. Tuan Tan Kok Wai [Cheras] minta Menteri Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat menyatakan apakah usaha yang telah diambil oleh kementeriannya berhubung kempen menuntut hak penjagaan anak-anak yang dilancarkan oleh Wanita DAP Malaysia menerusi kiriman-kiriman poskad kepada beliau yang meminta supaya seksyen-seksyen 5 dan 6 Akta tersebut dipinda bagi peruntukan hak penjagaan yang sama rata dan adil kepada ibu dan bapa sedangkan peruntukan yang berkuatkuasa sekarang hanya meliputi bapa sahaja.

Setiausaha Parlimen Kementerian Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat [Tuan G. Palanivel]: Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, kementerian ini sedang mengambil tindakan untuk mengkaji seksyen-seksyen yang difikirkan perlu dipinda di bawah akta ini untuk memberi hak yang saksama kepada ibu-ibu.

Seksyen-seksyen tersebut tidak sahaja terhad kepada seksyen 5 dan 6 seperti yang dicadangkan, tetapi ia juga merangkumi lain-lain seksyen. Usaha-usaha akan dibuat untuk mendapatkan pandangan dan ulasan pelbagai pihak seperti Pertubuhan-pertubuhan Bukan Kerajaan serta nasihat daripada Jabatan Peguam Negara.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, perkara ini masih dalam proses perbincangan dan dijangka akan mengambil sedikit masa untuk diselesaikan.

Tuan Tan Kok Wai: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Peruntukan undang-undang untuk hak penjagaan yang sama rata sudah lama dikemukakan oleh pertubuhan-pertubuhan wanita dan reaksi kerajaan pun adalah baik juga, tetapi tanpa tindakan yang giat. Saya tidak faham mengapa masa yang begitu lama diambil untuk meminda akta-akta yang berkenaan. Bolehkah Yang Berhormat Setiausaha Parlimen memberikan satu jaminan bilakah penggubalan akta baru atau pindaan yang berkenaan dapat dicapai tanpa memberikan satu jawapan yang tidak meyakinkan?

Tuan G. Palanivel: Tuan Yang di-Pertua, kementerian ini tidak boleh memberi satu jaminan berkenaan dengan masa, tetapi kementerian ini akan bertindak dengan tepat dan segera untuk menyelesaikan masalah ini.

Dr. Tan Seng Giaw: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Adakah Yang Berhormat sedar bahawa pihak kerajaan sudah pun lama mengiktiraf CEDAW. CEDAW ialah satu konferensi untuk menentang diskriminasi terhadap wanita, terutamanya dari aspek undang-undang dan pihak kementerian sudah pun berpendapat bahawa mereka boleh menerima CEDAW dan di dalam CEDAW termasuk seksyen-seksyen seperti ini kerana semua rang undang-undang yang mempunyai sifat diskriminasi ini mesti dimansuhkan ataupun dipindahkan.

Dengan masa yang begitu lama yang diakui oleh pihak kerajaan.....

Beberapa Ahli: Soalan! Soalan!

Dr. Tan Seng Giaw: Tuan Yang di-Pertua, Ahli-ahli Yang Berhormat ini kurang mengerti mengenai CEDAW.....*[Disampuk]*

Tuan Yang di-Pertua: Sila teruskan, Yang Berhormat.

Dr. Tan Seng Giaw: Kita diam dahulu. Saya terangkan apakah CEDAW, apakah diskriminasi...*[Disampuk]*

Tuan Yang di-Pertua: Sila Yang Berhormat... ...Sila buat pertanyaan ya.

Dr. Tan Seng Giaw: Yang Berhormat dari Padang Terap patut tolong saya! *[Disampuk]* Tuan Yang di-Pertua, saya ulang.....*[Disampuk]*

Tuan Yang di-Pertua: Tak payahlah. Mereka kata tak payah ya.

Dr. Tan Seng Giaw: Tak payah?

Tuan Yang di-Pertua: Tak payahlah! *[Ketawa]*

Seorang Ahli: Duduk! Duduk!

Tuan Yang di-Pertua: Sila teruskan.

Dr. Tan Seng Giaw: Saya belum habis lagi soalan tadi.

Tuan Yang di-Pertua: Ya.

Dr. Tan Seng Giaw: Pihak kerajaan sudah pun mengakui ada kelemahan selepas mengakui dan mengiktirafkan CEDAW, mengapa kita tidak boleh mempercepatkan perkara ini dan bilakah kementerian Yang Berhormat dapat mengemukakan rang undang-undang untuk maksud yang disebutkan tadi?

Tuan G. Palanivel: Tuan Yang di-Pertua, Kabinet sudah membuat beberapa keputusan dengan resolusi-resolusi terhadap CEDAW dan Yang Berhormat boleh membangkitkan perkara ini semasa perbincangan di peringkat jawatankuasa. Saya boleh memberi jawapan.

SEKOLAH RENDAH/MENENGAH AGAMA RAKYAT - JUMLAH

7. **Tuan Hamzah bin Ramli [Sri Gading]** minta Menteri Pendidikan menyatakan:

(a) jumlah sekolah-sekolah rendah/menengah agama (Arab) rakyat di seluruh Malaysia mengikut pecahan negeri-negeri dan jumlah murid secara keseluruhan; dan

(b) sehubungan dari kenyataan Yang Berhormat Menteri Pendidikan dalam media massa bagi mewujudkan universiti berbahasa Arab (Al-Azhar Mesir) di Malaysia, apakah langkah-langkah kementerian yang telah, sedang atau akan dilakukan bagi merealisasikan program tersebut.

Menteri Pendidikan [Dato' Seri Haji Mohd. Najib bin Tun Haji Abdul Razak]: Tuan Yang di-Pertua,

(a) Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, jumlah sekolah menengah agama rakyat di seluruh negara ialah sebanyak 172 buah. Jumlah murid mengikut pecahan negeri akan saya maklumkan kepada Ahli Yang Berhormat secara bertulis.

(b) Kerajaan sedang mempertimbangkan cadangan untuk menubuhkan sebuah universiti Islam yang menggunakan bahasa Arab sebagai bahasa pengantar. Tindakan-tindakan sedang diambil untuk menggubal kurikulumnya yang tidak diasaskan kepada model Al-Azhar, tetapi kepada model Malaysia dengan tujuan untuk menjana ulama intelek dan intelek ulama. Apabila cadangan ini mendapat kelulusan rasmi kerajaan tidak lama lagi, butir-butirnya akan saya kemukakan.

Datuk Ahmad Zahid bin Hamidi: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Saya hendak bertanya kepada boss lama saya, Yang Berhormat Dato' Menteri pernah menyatakan bahawa Kementerian Pendidikan cuba untuk membuat satu dasar bahawa tidak ada dualisme di dalam Dasar Pendidikan Negara. Jadi, dari kenyataan yang dibuat oleh Yang Berhormat Dato' Menteri di dalam perkara ini tadi, sejauh manakah perkara ini akan dijalankan?

Dato' Seri Haji Mohd. Najib bin Tun Haji Abdul Razak: Tuan Yang di-Pertua, ini adalah merupakan cadangan kita untuk jangka panjang supaya tidak wujud dualisme di dalam sistem pendidikan kita. Buat masa ini kita boleh mempertimbangkan, kalau sekiranya ada hasrat mana-mana pihak untuk menyerahkan sekolah-sekolah agama kepada pihak kementerian, boleh dipertimbangkan.

Tuan Hashim bin Ismail: Tuan Yang di-Pertua, saya inginkan penjelasan tambahan dari Yang Berhormat Menteri iaitu apakah bentuk bantuan dan sumbangan yang diberikan oleh kerajaan kepada sekolah ataupun kepada tenaga-tenaga pengajar yang berkhidmat di sekolah-sekolah rakyat ini?

Dato' Seri Haji Mohd. Najib bin Tun Haji Abdul Razak: Tuan Yang di-Pertua, bagi sekolah agama rakyat, kita beri bantuan modal yang dapat dipertimbangkan dari masa ke semasa.

BSKL - BILANGAN SYARIKAT BUMIPUTERA DISENARAIKAN DI PAPAN PERTAMA DAN KEDUA

8. **Dato' Dr. Haji Jamaluddin bin Dato' Mohd. Jarjis [Rompin]** minta Menteri Kewangan menyatakan berapakah bilangan syarikat milik bumiputera yang disenaraikan di Papan Utama dan Papan Kedua BSKL.

Timbalan Menteri Kewangan [Dato' Dr. Affifudin bin Haji Omar]: Tuan Yang di-Pertua, jawapan mengenai pertanyaan ini telah pun dibuat pada 4hb. November 1996 baru-baru ini, iaitu semasa saya menjawab pertanyaan Ahli Yang Berhormat dari Sungai Benut.

Walau bagaimanapun, untuk menyegarkan ingatan kita, sehingga 30hb. September 1996, sebanyak 128 syarikat bumiputera di Papan Utama dan 48 syarikat bumiputera di Papan Kedua disenaraikan.

Dato' Dr. Haji Jamaluddin bin Dato' Mohd. Jarjis: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Baru-baru ini kerajaan ada mengumumkan satu dasar untuk menggalakkan lagi kemasukan syarikat bumiputera agar disenaraikan di Papan Pertama dan Kedua. Saya hendak bertanya sedikit, setakat mana reaksi dan sambutan daripada syarikat-syarikat bumiputera ini untuk menyenaraikan syarikat mereka selepas syarat-syarat untuk disenaraikan itu dilonggarkan?

Dato' Dr. Affifudin bin Haji Omar: Tuan Yang di-Pertua, sebenarnya bukan dasar tetapi satu prosedur yang akan membolehkan syarikat-syarikat bumiputera kecil-kecilan yang tidak mempunyai syarat-syarat untuk disenaraikan secara individu iaitu pada 27hb. Ogos 1996 yang lalu, pihak Suruhanjaya Sekuriti telah mengeluarkan satu kenyataan bahawa syarikat-syarikat ini boleh menggunakan 'proforma account' yang mana ianya dapat digabung dan disenaraikan secara mengikut syarat-syarat tertentu yang telah ditentukan oleh Suruhanjaya Sekuriti. Setakat ini belum lagi boleh dikatakan tindak balas ataupun 'response' yang baik kerana ianya masih lagi terlalu awal. Insya-Allah, dalam masa sebulan dua lagi, apabila syarikat-syarikat bumiputera mengetahui prosedur-prosedur ini, Insya-Allah, banyak syarikat akan menyambut prosedur ini sebagai satu cara untuk membanyakkan ekuiti bumiputera di kedua-dua papan di BSKL.

Dato' Haji Badruddin bin Amiruldin: Tuan Yang di-Pertua, tadi saya amat gembira apabila Yang Berhormat Timbalan Menteri mengatakan seratus lebih syarikat bumiputera yang telah disenaraikan di BSKL. Adakah Yang Berhormat Menteri dapat mengetahui, daripada tarikh penyenaraian itu, adakah ekuti bumiputera itu masih kekal ataupun ekuiti pegangan bumiputera itu telah hilang dan kalau ya, berapa banyakkah syarikat yang telah pun kehilangan ekuiti pegangan bumiputera dan saya juga difahamkan baru-baru ini bahawa kerajaan menggalakkan syarikat-syarikat asing untuk disenaraikan di BSKL dengan syarat syarikat-syarikat tempatan diberi pegangan sebanyak 30%. Adakah peraturan ini telah dikuatkuasakan dan berapa banyakkah syarikat-syarikat asing yang telah memohon untuk disenaraikan di BSKL?

Dato' Dr. Affifudin bin Haji Omar: Tuan Yang di-Pertua, setakat ini belum ada lagi syarikat yang bertaraf bumiputera yang disenaraikan di dalam BSKL yang hilang kebumiputeraannya. Yang saya jawab minggu sudah iaitu syarikat-syarikat yang bukan bumiputera yang pegangan bumiputera kurang daripada 30% berdasarkan kepada satu kajian yang dibuat oleh pihak BSKL ke atas 20 syarikat-syarikat terbesar di dalam BSKL khususnya di papan utama. Jadi, tiga syarikat ini sedang dikaji dan tindakan-tindakan dari segi kita meminta mereka menepati dasar kerajaan sedang dibuat. Dari segi pegangan ekuiti bumiputera sekarang ini lebih kurang RM140 bilion daripada total volume yang dipegang oleh bumiputera iaitu sebanyak 20.8%.

KES PENCEMARAN ALAM SEKITAR - HUKUMAN

9. **Tuan Abdul Rahman bin Sulaiman [Parit Buntar]** minta Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar menyatakan sama ada betul atau tidak tanggapan bahawa hukuman yang terlalu ringan yang dikenakan oleh mahkamah terhadap beberapa kes pencemaran alam sekitar yang berat di negara ini telah melemahkan semangat atau "resolve" di kalangan pegawai penguatkuasa di kementeriannya.

Timbalan Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar [Dato' Abu Bakar bin Daud]: Tuan Yang di-Pertua, tidaklah benar tanggapan bahawa hukuman yang terlalu ringan yang dikenakan oleh mahkamah terhadap beberapa kes pencemaran alam sekitar yang berat di negara ini telah melemahkan semangat atau 'resolve' di kalangan pegawai penguatkuasa di kementerian.

Tuan Tan Seng Giaw: Soalan tambahan. Jawapan daripada Yang Berhormat tadi itu terlalu singkat yang menunjukkan tidak ada iltizam untuk menyelesaikan masalah berkenaan.

Tuan Yang di-Pertua, adakah Yang Berhormat membuat siasatan, mengapa dengan hukuman yang dianggapkan berat itu, masalah pencemaran seperti sungai yang mati sekarang, bilangannya bertambah, semakin hari semakin bertambah. Kalaulah hukuman dari kementerian begitu berat, mengapa pencemaran itu masih berlaku dengan berleluasa?

Dato' Abu Bakar bin Daud: Tuan Yang di-Pertua, saya menjawab soalan yang dikemukakan oleh Ahli Yang Berhormat dari Parit Buntar. Ahli Yang Berhormat dari Kepong, dia meraba-raba, dia tidak tahu. Biar saya ulangi soalan daripada Ahli Yang Berhormat dari Parit Buntar. Dia "meminta Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar

menyatakan sama ada betul atau tidak tanggapan bahawa hukuman yang terlalu ringan yang dikenakan oleh mahkamah terhadap beberapa kes pencemaran", itu dia tanya. Saya jawab "Tidak benar". Itulah, tepatlah!

Pasal pencemaran sungai ini, dia tidak tahu punca-puncanya. Dia bawa, dia meraba dalam gelap. Saya jawab apa yang disoal. Ini tempat bukan kita hendak meraba-raba di sini, kita jawab kepada 'fact'nya, kenyataan! *[Tepuk]*

Dr.Tan Seng Giaw: Dia belum jawab soalan saya, Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Noh bin Omar: *[Bangun].*

Tuan Yang di-Pertua: Tanjung Karang.

Dato' Abu Bakar bin Daud: Apa soalan Ahli Yang Berhormat dari Kepong?

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, sudah. Ahli Yang Berhormat dari Tanjung Karang hendak tanya soalan yang lain, Yang Berhormat.

Tuan Noh bin Omar: Tuan Yang di-Pertua, saya ingin mendapatkan penjelasan sama ada pihak kementerian berpuas hati dengan hukuman-hukuman yang sedia ada di dalam Akta Alam Sekitar yang kita amalkan pada hari ini dan jika tidak berpuas hati adakah kementerian bercadang untuk meminda hukuman-hukuman tersebut dan juga memasukkan hukuman seperti ada kuasa pada pihak penguatkuasa ini merobohkan mana-mana kilang yang tidak mematuhi akta yang sedia ada ini?

Dato' Abu Bakar bin Daud: Tuan Yang di-Pertua, di dalam dunia ini tidak ada manusia yang berpuas hati. Jadi, Tuan Yang di-Pertua, kita yang menjalankan tugas pentadbir, ada satu kuasa lagi, kuasa mahkamah, kuasa Parlimen ini, division of kuasa. Jadi, kita tidak boleh hendak pergi kacau. Ini mahkamah punya. Kita kena hormat, dia tahu berat atau ringannya kesalahan-kesalahan itu. Jadi, jawapannya juga, kita sedang mengkaji untuk menjatuhkan hukuman yang lebih berat lagi nanti. Insya-Allah.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Puan Chua Soon Bui.

[Soalan No. 10 - Yang Berhormat Puan Chua Soon Bui [Tawau] tidak hadir]

KEWANGAN MAJLIS-MAJLIS DAERAH DI KELANTAN - BILANGAN YANG MENGHADAPI MASALAH

11. **Dato' Haji Sukri bin Haji Mohamed [Machang]** minta Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan menyatakan berapakah jumlah majlis-majlis daerah di negeri Kelantan yang dikatakan tenat iaitu tidak mampu mengumpul kewangan bagi menampung perbelanjaan tahunan.

Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan [Dato' Mohd Tajol Rosli bin Mohd. Ghazali]: Tuan Yang di-Pertua, berasaskan penyata kewangan tahun 1995, terdapat hanya dua buah pihak berkuasa tempatan di Kelantan yang mengalami masalah dalam menampung perbelanjaan tahunan dan mengalami kekurangan, dengan izin, deficit, dalam penyata pendapatan dan perbelanjaan masing-masing. 10 lagi pihak berkuasa tempatan menunjukkan terdapat lebihan, dengan izin, surplus dalam penyata pendapatan dan perbelanjaan. Jumlah keseluruhannya pendapatan, RM53,311,940.03, perbelanjaan RM41,220,889.14 dan lebihan pendapatan daripada perbelanjaan RM12,091,050.89.

Dato' Haji Sukri bin Haji Mohamed: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Ada tuduhan-tuduhan yang berlaku di peringkat negeri Kelantan bahawa pihak Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan menafikan hak bantuan kadar kepada majlis-majlis daerah dan majlis perbandaran di negeri Kelantan. Saya ingin tahu adakah benar tuduhan ini? Adakah benar tuduhan bahawa pihak kementerian tidak memberikan bantuan kadar kepada semua majlis daerah di negeri Kelantan.

Yang kedua, daripada jumlah seluruh majlis daerah yang ada di negeri Kelantan, bolehkah Yang Berhormat beritahu berapa jumlah majlis daerah yang gagal menyiapkan akaun yang diaudit, yang kemas kini sehingga sekarang?

Dato' Mohd Tajol Rosli bin Mohd. Ghazali: Tuan Yang di-Pertua, daripada jumlah 12 majlis daerah di negeri Kelantan, 2 majlis daerah yang menghadapi defisit iaitu Majlis Daerah Machang sebanyak RM455,816.53 dan Majlis Daerah Bachok sebanyak RM45,512.51. Tuduhan yang mengatakan bahawa kementerian tidak menghantar jumlah bantuan bantukadar adalah tidak tepat kerana untuk tahun ini, kita telah pun menyerahkan bantuan ini kepada negeri Kelantan.

RADIO FM SABAH - PENAMBAHAN MASA SIARAN BAHASA BAJAU/KADAZAN/MURUT

12. **Datuk Nurnikman bin Abdullah [Beaufort]** minta Menteri Penerangan menyatakan adakah RTM Sabah bercadang hendak menambah masa siaran dalam bahasa tempatan di Sabah seperti bahasa Bajau, bahasa Kadazan-Dusun dan Murut selain dari siaran dalam bahasa Inggeris dan Mandarin memandangkan bertambahnya pendengar terutama di luar bandar, dan masa siaran sekarang terlalu pendek.

Setiausaha Parlimen Kementerian Penerangan [Datuk Mohd. Shafie bin Haji Apdal]: Tuan Yang di-Pertua, jumlah masa siaran Radio FM di Sabah berbahasa Bajau, Kadazan dan Murut ialah 6 jam 45 minit atau 37.5%. daripada jumlah masa siaran keseluruhan sehari, iaitu hampir setanding dengan jumlah masa siaran berbahasa Inggeris dan Cina iaitu selama 7 jam atau 38.8%. Pembahagian masa siaran radio pelbagai bahasa itu dikaji dari semasa ke semasa berdasarkan kepada beberapa faktor yang antaranya termasuklah peningkatan bilangan pendengar.

PULAU BEBAS CUKAI - GALAKAN KEPADA PELANCONG

13. **Dr. Lee Chong Meng [Bukit Bintang]** minta Menteri Kewangan mengambil langkah untuk tubuhkan lebih banyak pulau bebas cukai untuk menggalak lebih banyak pelancong ke tempat tersebut.

Dato' Wong See Wah: Tuan Yang di-Pertua, selain daripada Labuan dan Langkawi, kerajaan tidak bercadang untuk menubuhkan lebih banyak pulau bebas cukai bagi menggalakkan lebih banyak pelancong ke tempat tersebut. Ini adalah disebabkan oleh kerana kedua-dua pulau ini masih belum dimajukan sepenuhnya. Kerajaan bercadang hendak menumpukan sepenuh perhatian untuk memajukannya. Kerajaan juga telah mengambil langkah untuk menubuhkan kedai bebas cukai di kawasan-kawasan utama kastam, terutamanya di pelabuhan-pelabuhan, di lapangan terbang, sempadan dan juga di bandar raya utama, di mana sekarang terdapat 66 buah kedai bebas cukai di seluruh negara. Dan juga penubuhan lebih banyak pulau bebas cukai akan menimbulkan banyak masalah dari segi kawalan kastam, terutama sekali keperluan mempertingkatkan aktiviti-aktiviti pencegahan mengenai kegiatan penyeludupan.

Tuan Fu Ah Kiow: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Apakah langkah-langkah yang akan diambil oleh Kementerian Kewangan untuk memastikan harga barangan dalam kedai-kedai bebas cukai ini adalah berpatutan dan tidak terlalu tinggi sehingga ia tidak banyak berbeza dengan kedai yang kena bayar cukai, sebab ia akan bercanggah dengan tujuan asalnya, iaitu menarik pelancong ke kedai tersebut.

Dato' Wong See Wah: Tuan Yang di-Pertua, kawalan adalah dijalankan oleh Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, dan saya percaya penyiasatan telah dijalankan dari semasa ke semasa untuk memastikan kawalan harga itu dapat dikawal.

Dr. Lee Chong Meng: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Saya difahamkan dan adakah kementerian sedar bahawa pihak Thailand akan mengumumkan bahawa satu pulau di sempadannya dekat Pulau Langkawi sebagai pulau bebas cukai, dan juga satu kasino pun akan ditubuhkan di pulau itu. Adakah pihak kementerian mengambil langkah-langkah yang sesuai oleh sebab ada sedikit competition dengan negara jiran kita?

Dato' Wong See Wah: Tuan Yang di-Pertua, tiap-tiap negara mempunyai dasar yang berlainan, dan saya percaya Kerajaan Malaysia mempunyai dasar yang tertentu untuk menentukan sama ada hendak ditubuhkan pulau bebas cukai, dan sama ada kita hendak memberi persaingan kepada pihak Kerajaan Thailand itu, adalah soal yang lain. Saya rasa dari segi hendak menubuhkan kasino dan sebagainya sebagai satu persaingan bukanlah soal yang perlu kita bincangkan.

BOT EKSPRES SESAK KETIKA MUSIM PERAYAAN - ATASI MASALAH

14. **Tuan Billy Abit Joo [Hulu Rajang]** minta Menteri Pengangkutan menyatakan sama ada kementerian ini sedar akan kesesakan menggunakan bot-bot ekspres khususnya ketika musim perayaan menjelang tiba. Apakah langkah-langkah yang sedang diambil untuk menangani masalah ini memandangkan ianya memerlukan perhatian segera dan merbahaya.

Timbalan Menteri Pengangkutan [Datuk Wira Mohd. Ali bin Mohd. Rustam]: Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kementerian Pengangkutan sedar akan kesesakan yang berlaku pada bot-bot ekspres terutamanya di musim perayaan kerana ini boleh membahayakan keselamatan penumpang-penumpang disebabkan oleh keadaan overloading. Sehubungan dengan itu, tindakan-tindakan telah dan sedang diambil bagi menangani masalah ini seperti tindakan-tindakan berikut:

(i) meminta operator bot-bot ekspres menambahkan bilangan trip supaya lebih ramai penumpang boleh menggunakan bot untuk semua destinasi;

(ii) membenarkan pelayaran di waktu malam;

(iii) membuat kempen keselamatan melalui media massa tentang bahaya menaiki bot yang membawa lebih penumpang;

(iv) mengadakan operasi penguatkuasaan di seluruh negeri Sarawak, terutama sekali di sungai-sungai yang utama; dan

(v) membawa operator dan nakhoda ke mahkamah jika melakukan kesalahan.

Tuan Jacob Dungau Sagan: Soalan tambahan, Tuan Yang di-Pertua. Apakah langkah-langkah yang telah diambil oleh kementerian untuk membanteras kenaikan harga tambang yang tidak berpatutan oleh tuan punya bot ekspres dari semasa ke semasa?

Datuk Wira Mohd. Ali bin Mohd. Rustam: Jika ada bot-bot ekspres yang mengenakan tambang lebih daripada yang dibenarkan, sudah tentu kementerian ataupun agensi yang dipertanggungjawabkan akan mengambil tindakan mengikut undang-undang yang ada, sama ada menahan bot ini daripada beroperasi ataupun memberi kompaun ataupun membawa mereka ke mahkamah.

BARANG KAWALAN NAIK HARGA DI LUAR BANDAR - LANGKAH MEMBANTERAS

15. **Tuan Haji Mustafa bin Muda [Hulu Terengganu]** minta Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna memandangkan masih lagi terdapat barang-barang kawalan yang naik harga terutama di kalangan pengguna di luar bandar khususnya di kawasan pedalaman, apakah langkah-langkah wajar kementerian dalam membanteras kenaikan harga barang-barang terkawal tersebut agar ianya tidak menjadi mangsa kepada pengguna-pengguna pedalaman.

Datuk Tan Chai Ho: Tuan Yang di-Pertua, kementerian sentiasa berusaha untuk menentukan bekalan barangan keperluan mencukupi dan harganya berpatutan. Pemeriksaan fiskal dan pengawasan secara berterusan dijalankan di seluruh negara termasuk di kawasan-kawasan luar bandar dan pedalaman.

Negara mengamalkan sistem ekonomi bebas, di mana harga barang-barang tidak ditetapkan melalui kuatkuasa undang-undang, tetapi ditentukan oleh pelbagai faktor permasalahan. Namun demikian, kementerian sentiasa berusaha untuk menentukan peniaga tidak menaikkan harga mana-mana barangan dengan sewenang-wenangnya. Di antara langkah-langkah tersebut ialah mengawal bekalan dengan menggunakan Akta Kawalan Bekalan 1961 dan peraturan-peraturan di bawahnya bagi menentukan bekalan mencukupi dalam setiap keadaan. Bekalan yang mencukupi akan dengan sendirinya menstabilkan harga dan mewajibkan penandaan harga ke atas setiap barangan yang dipamerkan untuk jualan runcit.

Tuan Noh bin Omar: Tuan Yang di-Pertua, walaupun setelah pelbagai usaha dibuat oleh pihak kementerian untuk membendung kenaikan harga barang-barang, namun kita tidak boleh menafikan harga barang-barang ini kadang-kadang kita dapati masih naik. Adakah kementerian bercadang untuk membantu pegawai-pegawai penguatkuasa kementerian ini supaya pihak kementerian memberi kuasa untuk melantik kepada sukarelawan-sukarelawan khasnya yang ada di luar bandar seperti JKK sebagai contoh untuk diberi kuasa untuk melapor ataupun hendak mengambil tindakan kepada pekedai-pekedai yang menaikkan harga dengan sesuka hati ini?

Datuk Tan Chai Ho: Tuan Yang di-Pertua, setakat ini bilangan kakitangan penguatkuasaan adalah 508 orang, dan mereka telah menjalankan tugas dengan baik. Oleh itu, setakat ini tiada cadangan untuk badan sukarela menjalankan tugas.

Tuan Yunus bin Rahmat: Tuan Yang di-Pertua, saya ingin bertanya kepada Setiausaha Parlimen Kementerian, apakah cara kementerian mengesan selain daripada siasatan-siasatan melalui penguatkuasaan. Adakah cara lain yang boleh kementerian mengesan pihak peniaga menaikkan harga barang sesuka hati? Jadi, kalau misal katanya mengenai dengan cara aduan, berapa banyakkah aduan yang diterima di dalam sebulan oleh pihak kementerian, dan bagaimanakah aduan-aduan itu dapat diselesaikan dengan baik?

Datuk Tan Chai Ho: Tuan Yang di-Pertua, di samping melaksanakan undang-undang kementerian untuk memastikan harga barangan tidak dinaikkan dengan sewenang-wenangnya, kementerian masih mengkaji satu undang-undang baru dan undang-undang baru ini masih dalam kajian. Jika pengguna-pengguna ada apa-apa aduan bolehlah dirujukkan kepada kementerian ini.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Tuan Asmat Nungka.

[Soalan No. 16 - Y.B. Tuan Asmat Nungka [Beluran] tidak hadir]

GURU BAHASA MANDARIN DARI NEGARA CINA - PENGIKTIRAFAN

17. **Tuan Chiew Chiu Sing [Bintulu]** minta Menteri Pendidikan menyatakan sama ada kerjasama pendidikan antara negara China dan Malaysia akan memudahkan mendapat guru untuk mengajar bahasa Mandarin yang bergaji dari negara China dan memberi pengiktirafan terhadap ijazah universiti negara China.

Dato' Seri Haji Mohd. Najib bin Tun Haji Abdul Razak: Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, pada masa ini belum ada kelayakan-kelayakan dari universiti-universiti di China yang telah diiktiraf oleh kerajaan. Penilaian dan pengiktirafan terhadap kelayakan-kelayakan berkenaan sedang dibincangkan dengan kerajaan China dalam rangka kerjasama pendidikan.
Cadangan kerajaan Negeri China supaya diadakan pertukaran guru-guru Bahasa Melayu dan guru-guru Bahasa Cina sedang dirundingkan.

Tuan Chiew Chiu Sing: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Berhubungan dengan hal ini, bolehkah saya minta Yang Berhormat Menteri memberitahu, apakah masalah fizikal seperti prosedur dan lain-lain yang timbul dari hal ini.

Dato' Seri Haji Mohd. Najib bin Tun Haji Abdul Razak: Tuan Yang di-Pertua, soalnya ialah, perkara ini hanya boleh dilaksanakan kalau ada persetujuan dengan kerajaan Negeri China dan perkara ini perlu dirundingkan terlebih dahulu.

Tuan Yang di-Pertua: Masa sudah cukup.

[Masa untuk pertanyaan bagi Jawab Mulut telah cukup dan Jawapan bagi Pertanyaan No. 10, 16 dan 18 hingga 35 dijilid dalam buku berasingan]

RANG UNDANG-UNDANG DI BAWA KE DALAM MESYUARAT

RANG UNDANG-UNDANG LAPORAN KEWANGAN 1996

Bacaan Kali Yang Pertama

Rang Undang-undang bernama Suatu Akta bagi menubuhkan Yayasan Laporan Kewangan dan Lembaga Piawai Perakaunan Malaysia bagi mengadakan peruntukan tentang fungsi-fungsi dan kuasa-kuasanya dan bagi mengadakan peruntukan tentang perkara-perkara yang berkaitan dengannya; di bawa ke dalam Mesyuarat oleh Timbalan Menteri Kesihatan; dibaca kali yang pertama, akan dibacakan kali yang kedua pada mesyuarat kali ini.

RANG UNDANG-UNDANG

RANG UNDANG-UNDANG PERBEKALAN 1997

Bacaan Kali Yang Kedua

DAN

USUL

ANGGARAN PEMBANGUNAN 1997

Aturan Urusan Mesyuarat dibacakan bagi menyambung semula perbahasan yang ditangguhkan atas masalah "Rang Undang-undang Perbekalan 1997 dibacakan kali yang kedua sekarang" dan "Bahawa Usul yang berikut ini dirujuk kepada Jawatankuasa sebuah-buah Majlis:

"Bahawa Dewan ini, mengikut seksyen 4(3) Akta Kumpulan Wang Pembangunan 1966, membuat ketetapan iaitu satu jumlah wang sebanyak tidak lebih daripada RM17,268,654,900 (Ringgit Malaysia tujuh belas bilion, dua ratus enam puluh lapan juta, enam ratus lima puluh empat ribu, sembilan ratus) dibelanjakan daripada Kumpulan Wang Pembangunan bagi tahun 1997, dan bagi tujuan-tujuan dan butiran-butiran perbelanjaan pembangunan yang dinyatakan di bawah Maksud Pembangunan atau ("P") dalam senarai Belanjawan Persekutuan, 1997 yang dibentangkan sebagai Kertas Perintah 26 Tahun 1996, adalah diuntukkan di bawah Maksud-maksud yang berkenaan jumlah-jumlah yang bersetentangan dengan butiran-butiran itu di ruangan tujuh dan lapan senarai tersebut."
[14hb. November, 1996]

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya kemukakan masalah kepada Majlis bagi diputuskan. Masalahnya ialah bahawa Rang Undang-undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang hendaklah disetujukan.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujukan.

Rang Undang-undang dibacakan kali yang kedua dan diserahkan kepada Dewan sebagai Jawatankuasa.

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, saya kemukakan masalah bahawa Usul di atas nama Yang Berhormat Menteri Kewangan di dalam Aturan Urusan Mesyuarat ini diedarkan kepada Jawatankuasa sebuah-buah Majlis hendaklah disetujukan.

Usul dikemuka bagi diputuskan, dan disetujukan.

Diputuskan,

Bahawa Usul yang berikut ini dirujukkan kepada Jawatankuasa sebuah-buah Majlis:

> "Bahawa Dewan ini, mengikut seksyen 4(3) Akta Kumpulan Wang Pembangunan 1966, membuat ketetapan iaitu satu jumlah wang sebanyak tidak lebih daripada RM17,268,654,900 (Ringgit Malaysia tujuh belas bilion, dua ratus enam puluh lapan juta, enam ratus lima puluh empat ribu, sembilan ratus) dibelanjakan daripada Kumpulan Wang Pembangunan bagi tahun 1997, dan bagi tujuan-tujuan dan butiran-butiran perbelanjaan pembangunan yang dinyatakan di bawah Maksud Pembangunan atau ("P") dalam senarai Belanjawan Persekutuan, 1997 yang dibentangkan sebagai Kertas Perintah 26 Tahun 1996, adalah diuntukkan di bawah Maksud-maksud yang berkenaan jumlah-jumlah yang bersetentangan dengan butiran-butiran itu di ruangan tujuh dan lapan senarai tersebut."

Majlis bersidang dalam Jawatankuasa.

[Tuan Yang di-Pertua ***mempengerusikan Jawatankuasa]***

Setiausaha Parlimen Kementerian Kewangan [Dr. Haji Shafie bin Mohd. Salleh]: Tuan Pengerusi, saya mohon mencadangkan supaya wang sejumlah tidak lebih daripada RM31,047,131,700 yang diperuntukkan dalam Anggaran Perbelanjaan Mengurus 1997 di bawah Maksud-maksud Bekalan B.1 hingga B.52 bagi kementerian-kementerian dan jabatan-jabatan yang berkenaan dijadikan jadual dan wang sejumlah tidak lebih daripada RM17,268,654,900 yang diperuntukkan dalam Anggaran Perbelanjaan Pembangunan 1997 di bawah Maksud-maksud Pembangunan P.7, P.8. P.14, P.16 hingga P.28, P.31, P.34 hingga P.37, P.39, P.40 dan P.42 hingga P.52 bagi kementerian-kementerian dan jabatan-jabatan seperti yang ditunjukkan dalam buku Anggaran Perbelanjaan Persekutuan 1997 yang dibentangkan sebagai Kertas Perintah 26 Tahun 1996 dijadikan Angaran Perbelanjaan.

Saya tidak berhajat untuk memberi ucapan yang panjang dalam peringkat Jawatankuasa ini, oleh kerana Yang Berhormat Menteri Kewangan telah pun menghuraikan tujuan-tujuan utama mengenai peruntukan Anggaran Perbelanjaan yang dicadangkan itu dalam Ucapan Belanjawannya pada 25hb. Oktober, 1996 yang lalu. Di samping itu, penjelasan-penjelasan lanjut mengenai peruntukan Anggaran Perbelanjaan ini boleh juga di dapati di dalam Penyata daripada Kementerian Kewangan mengenai Anggaran Perbelanjaan Persekutuan 1997 yang dibentangkan sebagai Kertas Perintah 25 Tahun 1996.

Tuan Pengerusi, saya mohon mencadangkan.

Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Datuk Dr. Ibrahim bin Saad]: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Maksud B.1, B.2, B.3, B.4, B.5, B.6, B.7, B.8, B.9, B.10, B.11, B.12 dan B.13 [Jadual] - Maksud P.7 dan P.8 [Anggaran Pembangunan, 1997] -

Tuan Pengerusi: Ahli-ahli Yang Berhormat Kepala Bekalan B.1 hingga B.13 dan Kepala Pembangunan P.7 dan P.8 di bawah Jabatan Perdana Menteri terbuka untuk dibahas. Marang.

3.37 ptg.

Tuan Haji Abdul Hadi bin Haji Awang: Tuan Pengerusi, pertama saya ingin menyentuh Butiran 050000, Bahagian Hal Ehwal Agama Islam, Jabatan Perdana Menteri - Program/Aktiviti yang berhubung dengan 050300 -Dakwah dan Latihan dan perkara-perkara yang berikutnya.

Saya ingin menyentuh satu masalah yang berlaku dalam masyarakat kita, walaupun ia sudah lama, tetapi akhir-akhir ini kelihatan suatu keadaan yang membimbangkan, iaitu gejala murtad, di mana masalah murtad ini hendaklah ditangani dengan bersungguh-sungguh. Walaupun ianya bukanlah perkara baru, tetapi akhir-akhir ini berlaku agak

berleluasa dan pihak kerajaan terlalu lambat bertindak, sama ada untuk mencegah ataupun bertindak mengikut bidang kuasa undang-undang yang perlu diadakan.

Kita tidak boleh memandang secara remeh-temeh dan spontan sahaja kerana gejala murtad ini menjadi kemuncak keruntuhan moral yang melanda umat Islam dan peratusan mereka yang sudah mengalami keruntuhan moral dalam hal-hal yang lain seperti penagihan dadah dan lain-lain terlalu tinggi dan sangat mendukacitakan kita, yang lebih tingginya ialah di kalangan umat Islam. Murtad adalah kemuncak daripada keruntuhan moral yang membabitkan akidah.

Murtad ini berlaku sama ada keluar secara rasmi daripada agama Islam dan juga berlaku dengan kenyataan-kenyataan yang menunjukkan tidak percaya kepada mana-mana hukum Islam. Dalam hal ini, dari awal-awal lagi Islam tidak membenarkan paksaan kepada penganut-penganut agama lain supaya masuk ke dalam agama Islam, tetapi apabila sudah masuk Islam, bermakna seseorang itu telah mengadakan perjanjian dengan Allah S.W.T., dengan masyarakat Islam yang bergantung dalam semua aspek yang menyeluruh di dalam ajaran Islam, bukan sahaja dalam aspek agama tetapi melibatkan aspek politik, ekonomi, masyarakat, keselamatan, keamanan negara dan umat Islam seluruhnya. Oleh kerana itu, maka Islam memberi penekanan yang keras dalam masalah murtad.

Pihak yang berkenaan wajib mengambil berat dan memberi perhatian dalam menangani masalah ini dengan beberapa cara.

Yang pertama, untuk mencegah perlu dipertingkatkan lagi pendidikan akidah dan menegaskan perkara-perkara yang menguatkan akidah dan menyebabkan seseorang itu menjadi murtad, terbatal Islamnya. Kerana kita sering kali memberi penekanan dalam perkara-perkara yang membatalkan ibadah tetapi tidak memberi penekanan dalam perkara-perkara yang membatalkan akidah di dalam pendidikan di seluruh negara kita. Maka pihak yang berkenaan perlu memberi penekanan pendidikan sebagai usaha mencegah berlakunya gejala murtad.

Yang kedua, menguatkuasakan undang-undang murtad yang tegas, maka usaha mengatasi halangannya melalui Perlembagaan hendaklah dilakukan kerana negara kita telah mencapai kemerdekaan dalam tempoh yang begitu lama dan kita tidak perlu terikat dengan saki-baki yang diwujudkan oleh penjajahan Inggeris yang mengongkong tindakan bagi mempertahankan Islam.

Seterusnya, di samping kita tidak menafikan perlu memberi penghargaan dan aluan kepada langkah yang diambil oleh Bahagian Hal Ehwal Agama Islam untuk mengemaskini Mahkamah Syariah. Apa yang penting, di dalam Mahkamah Syariah ini juga ialah memperluaskan bidang kuasa hukum syariah bukan sahaja dalam perkara yang berkait dengan rumah tangga, yang barkait dengan harta pusaka, wakaf, tetapi hendaklah berkait dalam perkara akhlak, dalam perkara jenayah dan lain-lain sebagai usaha untuk menangani masalah moral dan keruntuhan akhlak yang berlaku khususnya di kalangan umat Islam sendiri.

Yang kedua, saya ingin menyentuh Butiran 020000 - Jabatan Peguam Negara berhubung dengan Perkhidmatan Nasihat.

Dalam hal ini, kita hendaklah sedar bahawa Kerajaan Pusat sangat bertanggungjawab mempertahankan sistem Demokrasi Berparlimen di semua peringkat dan termasuklah semua parti pembangkang perlu mendukung sistem Demokrasi Berparlimen. Bukan sahaja di peringkat pusat, tetapi termasuklah amalan Demokrasi Berparlimen di peringkat negeri.

Apa yang berlaku di Kelantan hari ini, adalah bercanggah dengan moral dan akhlak Demokrasi Berparlimen. Kita perlu menyedari bahawa menjadi amalan negara kita, mana-mana parti yang mendapat majoriti dalam pilihan raya, merekalah yang menubuhkan kerajaan. Parti yang merupakan golongan minoriti hendaklah menjadi pembangkang. Begitu juga dalam amalan kerjasama di kalangan parti politik, apabila sudah keluar daripada kerajaan, maka dengan sendiri ia menjadi pembangkang. PAS pernah menyertai Barisan Nasional dalam tahun 1974 dan apabila PAS keluar daripada Barisan Nasional dalam tahun 1979, semua menteri di dalam PAS meletakkan jawatan. Begitu juga Exco-Exco di beberapa buah negeri meletakkan jawatan dan inilah juga yang berlaku di Sabah dan inilah juga tindakan yang diambil oleh pihak UMNO, Barisan Nasional apabila mereka tidak mendapat sokongan majoriti daripada rakyat.

Tetapi apa yang berlaku di Kelantan, empat orang Exco tidak mahu meletakkan jawatan. Ini adalah satu sifat dan sikap yang sangat tidak berakhlak dan tidak bermoral dan sekarang mereka sudah menjadi ahli UMNO, saya tidak tahu sama ada sudah

di'confirm' ataupun tidak. Dan mungkin suatu tindakan akan diambil oleh pihak yang berkenaan dalam Barisan Nasional di dalam menangani masalah ini supaya amalan Demokrasi Berparlimen dapat dipertahankan di dalam negara kita, di mana kami bersabar di dalam perkara ini.

Dato' Haji Sukri bin Haji Mohamed: *[Bangun]*

Tuan Pengerusi: Yang Berhormat, ada yang bangun ya? Hendak beri jalan atau tidak?

Tuan Haji Abdul Hadi bin Haji Awang: Siapa? Masih ada lagi? Saya ingat sudah tidak ada! Saya tidak mahu beri jalan!

Tuan Pengerusi: Dia tidak beri jalan, Yang Berhormat.

Tuan Haji Abdul Hadi bin Haji Awang: Tuan Yang di-Pertua, dalam hal ini, kita perlu memelihara moral dan akhlak Demokrasi Berparlimen yang perlu dipertahankan. Kemudian, satu perkara yang merupakan kemalangan di dalam sistem undang-undang dan Perlembagaan di dalam negara kita, apabila Menteri Besar dihalang menemani Raja di dalam Mesyuarat Majlis Raja-raja di mana telah ditetapkan di dalam Perlembagaan Persekutuan 38(3) bahawa Menteri Besar menemani Raja-raja dalam Majlis Mesyuarat Raja-raja yang diadakan. Tetapi di'blah' begitu sahaja. Walau bagaimanapun, pihak Jabatan Peguam Negara telah memberi nasihat dan sehingga orang yang berkenaan tidak hadir di dalam Mesyuarat Majlis Raja-raja.

Kami bagi pihak PAS, sangat menghargai dan mengucapkan berbanyak terima kasih kepada pihak Jabatan Peguam Negara dan pihak Kerajaan Pusat yang telah mengambil tindakan mempertahankan apa yang disebut dengan 'Raja Berperlembagaan' supaya tindakan melulu yang dilakukan oleh Raja tidak berlaku di dalam negara kita ini.

Maka langkah-langkah yang perlu hendaklah diambil oleh kita bersama, bukan untuk menjatuhkan Raja, tetapi apa yang penting ialah supaya kita menjadi lebih bermoral dan lebih mempunyai hubungan yang baik di antara satu sama lain di dalam negara kita ini. Sekian, terima kasih.

Dato' Haji Sukri bin Haji Mohamed: *[Bangun]*

Tuan Pengerusi: Ya, sila. Yang Berhormat, kita dalam jawatankuasa, jangan berucap panjang-panjang ya.

3.45 ptg.

Dato' Haji Sukri bin Haji Mohamed [Machang]: Tuan Pengerusi, ya. Saya ingin menjawab apa yang disebutkan oleh Ahli Yang Berhormat dari Marang sekejap tadi. Saya bersetuju bahawa dalam menguatkuasakan undang-undang di negara ini kita mesti jangan mengira bulu. Kita mesti menguatkuasakan undang-undang itu kepada semua pihak, bukan sahaja kepada penyokong kerajaan tetapi kepada pembangkang juga.

Berhubung dengan masalah kedudukan krisis yang telah dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat dari Marang tadi, kedudukan krisis di antara Kerajaan PAS dengan Raja di Negeri Kelantan. Yang menjadi kehairanan kepada saya ialah, sikap pemimpin-pemimpin PAS sejak akhir-akhir ini. Sejak seminggu yang lampau telah mengamalkan sikap menyerang secara terbuka termasuk melanggar peruntukan Akta Hasutan dan Kanun Keseksaan. Tanpa segan-silu, mencabar secara terbuka memaki-hamun secara terbuka, yang jelas ianya adalah merupakan satu kesalahan di bawah Akta Hasutan 1948.

Tuan Pengerusi, yang saya tidak faham satu lagi ialah mereka bercakap di sebelah atas, mereka ingin bekerjasama, tetapi turun ke bawah di sebelah malam memaki-hamun. Ini yang saya tidak faham! Ternyata sekarang kenyataan Yang Amat Berhormat Menteri Besar beberapa hari lepas, yang ingin bekerjasama dengan UMNO, jelas menunjukkan sekarang bahawa PAS sudah sedar dan insaf bahawa mereka tidak mampu untuk memerintah secara sendiri. Itu jelas! Inilah yang kita katakan selama ini, bahawa PAS tidak mampu untuk memerintah. Kenyataan yang dibuat oleh Menteri Besar beberapa hari lepas telah menunjukkan dengan jelas bahawa dalam mentadbir Kerajaan Kelantan, mereka memerlukan rakan dan sahabat. Sebab itulah sekarang, mereka cuba untuk berdamping dengan UMNO bagi menyelamatkan suasana dan kuasa mereka di negeri Kelantan.

Tuan Pengerusi, itulah masalahnya. Kalau mereka ikhlas, tentulah perkara ini tidak timbul sekarang. Sepatutnya sudah lama timbul! Tetapi sekarang baru masalah ini timbul, kerana mereka sudah terdesak, sudah tidak mampu lagi untuk mentadbir sendiri dan mereka memerlukan rakan untuk menerus dan menyelamatkan kuasa yang ada di negeri Kelantan.

Sepatutnya, cadangan ini timbul sejak lama dahulu, bukan sekarang. Jadi, bila timbul cadangan

sekarang, nampaknya bahawa keikhlasan yang ditunjukkan oleh pemimpin-pemimpin mereka ini tidak begitu ikhlas.

Tuan Pengerusi, dalam menguatkuasakan undang-undang seperti yang dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat dari Marang tadi, saya minta Kementerian Dalam Negeri, terutamanya memerhati tindak-tanduk dan gerak-laku pemimpin PAS yang sedang memaki-hamun Raja secara terbuka sekarang.

Saya percaya beberapa laporan polis sudah dibuat di peringkat negeri Kelantan supaya tindakan segera dapat diambil demi menjaga keharmonian dan penguatkuasaan undang-undang. Jika perkara ini dibiarkan, saya percaya ianya akan mengancam keselamatan bukan sahaja di negeri Kelantan, tetapi orang tidak lagi akan menghormati undang-undang.

Apa maknanya kita mempunyai peruntukan undang-undang kalau orang yang melanggar undang-undang, kita biarkan begitu sahaja. Saya minta Kementerian Dalam Negeri supaya memerhati tingkah laku mereka ini secara serius dan jika perlu, mengambil tindakan undang-undang yang sesuai seperti yang telah termaktub di bawah Akta Hasutan dan Kanun Keseksaan yang diperuntukkan oleh negara kita.

Tidak ada siapa pun yang 'immune' dari segi undang-undang. Tidak ada siapa yang 'immune' .....

Tuan Haji Wan Mohd. Jamil bin Wan Mahmood: *[Bangun]*

Tuan Pengerusi: Ada yang bangun, Yang Berhormat. Ya, sila, dia beri jalan.

Tuan Haji Wan Mohd. Jamil bin Wan Mahmood: Terima kasih. Apa Yang Berhormat dari Machang tidak sedar, bahawasanya beberapa tahun lalu pihak pimpinan UMNO termasuk pimpinan yang tertinggi nombor 2, nombor 3, nombor 4 dan 5, 6 termasuk wakil rakyatnya telah membuat serangan terbuka terhadap Raja-Raja Melayu. Bukan di luar, bukan sahaja di luar bahkan dalam Dewan ini?

Dato' Haji Sukri bin Haji Mohamed: Cukup! Saya sudah dapat point.

Tuan Haji Wan Mohd. Jamil bin Wan Mahmood: Sebenarnya apa yang dikatakan oleh Yang Berhormat dari Machang....

Dato' Haji Sukri bin Haji Mohamed: Saya sudah dapat point, Tuan Pengerusi.

Tuan Haji Wan Mohd. Jamil bin Wan Mahmood: Tuan Pengerusi, itu masih boleh dipertikaikan.

Tuan Pengerusi: Ya, cukuplah.

Tuan Haji Wan Mohd. Jamil bin Wan Mahmood: Jadi, sekarang ini dia masuk UMNO...

Dato' Haji Sukri bin Haji Mohamed: Jangan berucap, saya sudah faham soalan itu.

Tuan Haji Wan Mohd. Jamil bin Wan Mahmood: Sekarang dia masuk UMNO, tetapi dia tidak mahu ikut UMNO.

Dato' Haji Sukri bin Haji Mohamed: Saya sudah faham.

Tuan Haji Wan Mohd. Jamil bin Wan Mahmood: Ini satu macam, jadi macam mana? Saya kira...

Dato' Haji Sukri bin Haji Mohamed: Saya sudah faham.

Tuan Pengerusi: Cukuplah, cukup.

Tuan Haji Wan Mohd. Jamil bin Wan Mahmood: Mungkin Karpal Singh setuju dan lebih faham.

Dato' Haji Sukri bin Haji Mohamed: Sebab itulah saya katakan tadi, Tuan Pengerusi, saya kata bahawa peraturan mesti dilaksanakan kepada semua pihak tanpa mengira mana pihak. PAS tidak boleh menganggap bahawa orang lain mencuri makanan, maka mereka boleh halal mencuri! Ini sikap pemimpin PAS.

Tengok sikap mereka, kalau orang lain mencuri, maka mereka pun berhak mencuri juga. Maknanya, begitulah. Kalau dia mahu bangkitkan perkara tadi, maknanya orang lain mencuri, dia pun boleh mencuri. Undang-undang tidak begitu, mesti dilaksanakan kepada semua pihak sebab saya bimbang, dengan kedudukan di Kelantan sekarang.

Saya tidak berniat untuk membela mana-mana pihak, membela Raja-Raja Melayu, tetapi apa yang saya terangkan ialah supaya peruntukan undang-undang itu berjalan dengan baik dan mesti dihormati oleh semua pihak. Itu point saya, Tuan Pengerusi.

Jadi, saya minta sekali lagi Kementerian Dalam Negeri supaya memerhatikan perkara yang sedang berlaku ini, dengan penuh serius dan dengan penuh hemat supaya keharmonian di negeri Kelantan terus terpelihara. Terima kasih, Tuan Pengerusi.

Tuan Pengerusi: Ya, Tanjong.

3.53 ptg.

Tuan Lim Kit Siang [Tanjong]: Terima kasih, saya sebut maksud B.07 Jabatan Perdana Menteri, butiran 070000 MAMPU dan perkara-perkara lain, pengkomputeran dan lain-lain.

Tuan Pengerusi, Yang Amat Berhormat Perdana Menteri, telah mengumumkan dalam bulan April selepas beliau menyampaikan ucapan utama di persidangan dwitahunan Commonwealth Association for Public Administration and Management (CAPAM) di Malta bahawa Malaysia berhasrat menjadi negara pertama di dunia di mana pasukan perkhidmatan awam kita yang seramai 800,000 orang akan mencapai piawai kualiti ISO 9000.

Inilah apa yang dinyatakan oleh Perdana Menteri dalam ucapan utama beliau di Malta, dengan izin, *"Quality has become a much sought-after target. If goods produced must meet a certain standard, surely services, government services, included, must achieve a certain degree of quality. ISO 9000 should not be for the factories of the private sector alone. Government administration must also vie for the coveted award. A good government administration cannot be of lower quality than its clients - largely the private sector. It must complement the private sector fully if it is going to serve the country and contribute towards its growth and well-being of the people".*

Bagaimanapun, dalam keinginan untuk menjadi pemimpin sedunia dalam bidang perkhidmatan awam, kerajaan Malaysia telah mengabaikan satu bidang yang sungguh penting sekali iaitu berkenaan dengan soal pengurusan maklumat atau "information management" demi membekalkan kerajaan yang lebih berkesan kepada rakyat jelata.

Pembaharuan sektor awam yang baik bermakna pengurusan sumber secara paling berkesan. Sebarang program pembaharuan sektor awam yang menyeluruh dan berkesan dalam era digital kini perlu memberikan keutamaan yang sewajar kepada empat bidang keberkesanan pengurusan utama iaitu:

(a) Pengurusan sumber manusia

(b) Pengurusan kewangan

(c) Pengurusan aset modal

(d) Pengurusan maklumat.

Sungguhpun maklumat merupakan sumber utama kerajaan, setakat ini kerajaan Malaysia nampaknya telah gagal memberikan perhatian yang sewajarnya kepada bidang pengurusan maklumat supaya dapat membekalkan maklumat dan perkhidmat yang murah, sama rata dan mudah diakses kepada rakyat Malaysia. Perkara ini telah disahkan baru-baru ini oleh Setiausaha Suruhanjaya Teknologi Maklumat Kebangsaan, Tengku Datuk Dr. Mohd. Azzman Shariffadeen, yang juga merupakan pegawai eksekutif utama MIMOS Berhad yang telah dikorporatkan baru-baru ini.

Izinkan saya memetik dari laporan *The Sun* yang bertarikh 9hb. November 1996 di bawah tajuk "Top government officials can't careless about IT". Laporan berkenaan berbunyi:

"Kuala Lumpur, Fri: Senior government officers are a great disappointment to the National Information Techonogy Council (NITC) as they seem to be indifferent to seminars of information technology (IT), NITC permanent secretary Tengku Datuk Dr. Mohd. Azzman Shariffadeen said.

"This attitude was not good for the future of multi-media supercorridor. The people who should be listening are not attending', he added, lamenting that many IT conferences and seminars only attract the converted or people who are already into IT.

"Officials like directors-general or secretaries-general prefer to send their system administrators to these functions, he said.

"The chiefs should also be present. System administrators cannot change things in the whole department. It is people at the top, the decision makers. We are talking about radical transformation especially with the coming of the multimedia supercorridor (MSC)' Azzman said.

"Systems administrators have already been converted. We want the policy makers to be next,' he said, adding the same goes for chied executive officers (CEO) of companies, he added".

Tuan Pengerusi, Tengku Azzman telah mengesan masalah dengan tepat sekali. Kita telah dengar mengenai rancangan untuk mengorak langkah besar memasuki era masa depan melalui multi-media supercorridor, mengenai smart card, smart school, tetapi apa yang paling penting tetapi kekurangan kini, adalah kerajaan yang lebih pintar atau smarter government.

Sebagai contohnya, rakyat telah dijanjikan bahawa kerajaan elektronik akan diperkenalkan pada tahun 1998 apabila Jabatan Perdana Menteri dipindahkan ke Putrajaya dan menjadi pejabat tanpa kertas (paperless) - dan melalui cara ini, diharapakan

bahawa semua kementerian akan digalakkan supaya memajukan kementerian mereka masing-masing supaya menjadi tanpa kertas juga kerana mereka akan perlu berinteraksi dengan Jabatan Perdana Menteri.

Ini merupakan cara yang sungguh aneh dan luar biasa untuk memperkenalkan kerajaan elektronik di Malaysia. Pada hakikatnya, soalan yang perlu ditanya adalah mengapakah kerajaan perlu menunggu sehingga Pejabat Perdana Menteri pindah ke multimedia supercorridor sebelum satu kerajaan elektronik dapat diperkenalkan kepada rakyat Malaysia?

Kerajaan telah membelanjalakan wang berbilion-bilion ringgit dalam program-program pengkomputerannya sejak tahun 60-an dan tiada sebarang sebab yang dapat menjelaskan mengapa kerajaan tidak berupaya memulakan pembekalan perkhidmatan online kepada rakyat jelata, sebagaimana yang telah dilaksanakan oleh banyak kerajaan lain, termasuk mereka yang tidak pernah menyuarakan hasrat untuk mendapat anugerah piawai kualiti ISO 9000 untuk bidang perkhidmatan awam mereka.

Fakta bahawa Malaysia tidak dapat mula membekalkan perkhidmatan online kerajaan bukannya disebabkan oleh kekurangan teknologi, masalah bukan teknologi, tetapi disebabkan oleh kekurangan komitmen, semangat dan kepimpinan dalam pihak pemimpin-pemimpin politik dan birokrasi.

Homepage Parlimen merupakan satu contoh yang paling baik. Ia telah dilancarkan pada 21hb. Mei tahun ini, bukannya kerana Parlimen kini berada di baris depan revolusi digital, tetapi hanya kerana hendak menutup mulut saya yang berulang kali mengadu di Dewan Rakyat bahawa tidak wujudnya website Parlimen di Internet.

Homepage Parlimen bukan sahaja tidak ada fungsi interactive, tidak interactive, malah ia tidak mengandungi sebarang berita terkini, tidak aktif, tidak currently. Homepage Parlimen kebanyakan negara lain yang dapat dilihat di Internet adalah dibahagikan kepada dua bahagian - current topic, satu mengenai tajuk-tajuk semasa, dan lain bahagian arkib. Homepage Parlimen Malaysia pula hanya mempunyai arkib sahaja. No home, no current topic, archive cable, museum piece.

Apabila homepage Parlimen dilancarkan pada bulan Mei, ia hanya dalam versi Bahasa Malaysia. Versi Bahasa Malaysia ini telah dikemas kini kali terakhir pada 10hb. Julai last up-dated 10hb. Julai dalam Internet, masa Internet up-date hari-hari, di sini 6 bulan belum up-date, apa homepage ini? Versi bahasa Inggeris hanya wujud selepas 2 bulan kemudian dan inilah semuanya yang ada dalam homepage Parlimen kita.

Sungguhpun Parlimen memiliki server ia sendiri dengan leaseline selaju 128 kilobit per second, tetapi terminal Internet di Perpustakaan Parlimen sering dipadamkan dan tiada sesiapa pun di dalam Perpustakaan Parlimen yang dapat menjelaskan apa yang telah terjadi, pergi ke Parlimen terminal tidak boleh guna. Kenapa? Di Pejabat Ketua Pembangkang Parlimen adanya satu terminal Internet, tetapi telah dua minggu kita tidak dapat akses ke Internet. Masalahnya telah dikaitkan dengan soal sambungan telefon, tetapi tiada seorang pun di Parlimen yang nampaknya tahu cara membaikinya.

Mungkin saya harus bangkitkan juga di sini mengenai keadaan terminal komputer yang diletakkan di Pejabat Ketua Pembangkang Parlimen. Komputer yang diagihkan ke pejabat saya bukan sahaja merupakan set komputer yang paling lambat, malah yang paling lama di Parlimen, set komputer lama yang kini tidak lagi diperlukan oleh mana-mana pejabat di Parlimen dan ini telah menyebabkan akses ke Internet melalui komputer era lama ini satu kerja yang sungguh menyeksakan 'agentnizing'.

Saya ingin membangkitkan di sini bahawa homepage Parlimen bukan sahaja tidak mendatangkan faedah, kalau tidak up-date, kalau tidak interaksi, kalau tidak current topic, malah telah memalukan Parlimen Malaysia dengan keadaannya yang tidak up-to-date dan tidak wujud sebarang fungsi interaksi. Melainkan wujudnya komitmen dan semangat pada pucuk pimpinan peringkat tinggi untuk memuatkan homepage Parlimen dengan bahan-bahan terkini dan bersifat interaktif, maka demi reputasi Parlimen Malaysia, mungkin adalah lebih baik sekiranya kita menutup homepage Parlimen - tidak guna, kalau akibatnya ialah reputasi terjejas. Kita tutup homepage Parlimen semua sekali.

Penyakit disease teknologi maklumat ini sepertimana yang berlaku pada homepage Parlimen ini juga sama dihidapi oleh banyak kementerian dan agensi-agensi kerajaan yang melancarkan homepage di Internet bukannya kerana mereka hendak membekalkan maklumat dan perkhidmatan online yang lebih baik, tetapi hanya kerana mahu mengelakkan dari dilihat sebagai IT illiterate atau

backward, ketinggalan zaman langsung tidak memiliki pemikiran dan pemahaman yang diperlukan dalam sebuah masyarakat maklumat.

Dalam sebuah masyarakat maklumat, sebagai peraturan amnya, maklumat kerajaan harus dapat diakses oleh rakyat kerana ia sebenarnya dimiliki oleh rakyat, ini memerlukan peralihan dari falsafah tradisi di mana maklumat kerajaan dianggap oleh kerajaan malah sering kali oleh rakyat sendiri sebagai hak milik kerajaan dan tidak ada kena mengena dengan rakyat jelata.

Kerajaan sebenarnya memegang maklumat ini bagi pihak rakyat dan harus memastikan bahawa kualiti, integriti, authenticity maklumat kerajaan ini dijaga dengan baik. Akses kepada maklumat yang dipegang oleh kerajaan merupakan syarat utama bagi sebuah masyarakat demokratik untuk berfungsi dengan baik. Tanpa maklumat rakyat tidak dapat melaksanakan hak dan tanggungjawab mereka ataupun membuat pilihan berdasarkan maklumat yang tepat dan benar. Maklumat adalah diperlukan untuk memastikan kerajaan berakauntabel. Maka pemindahan fokus secara am ini adalah wajib - dari sikap tidak mendedahkan maklumat melainkan memang perlu, mendedahkan maklumat sekiranya tidak ada sebab yang baik untuk tidak berbuat demikian.

Saya akan membangkitkan satu lagi contoh untuk menunjukkan bahawa apa yang kekurangan bukannya teknologi, tetapi komitmen dan semangat dari kepimpinan politik dan birokrasi peringkat atasan untuk menggunakan dengan sebaiknya kemudahan teknologi maklumat demi membekalkan perkhidmatan dan maklumat yang lebih baik kepada rakyat Malaysia.

Sebagai contohnya, kerajaan telah mengumumkan bahawa ia telah siap sedia untuk membentangkan di Parlimen pakej pertama empat undang-undang siber untuk membuka jalan bagi Malaysia memasuki era siber dan bahawa jika dibandingkan dengan undang-undang siber yang diperkenalkan di lain-lain negara, undang-undang siber di Malaysia adalah lebih komprehensif.

Kini dua bulan telah berlalu sejak pengumuman mengenai siapnya draf undang-undang siber pakej pertama dibuat, tetapi kandungan mereka masih belum diumumkan.

Saya ingin bertanya mengapakah kerajaan tidak berupaya mempamerkan keempat-empat undang-undang siber ini ke atas Internet untuk mempelawa maklumat balas dari masyarakat umum?

Sekiranya kerajaan kekurangan teknologi berkenaan, DAP bersedia menawarkan perkhidmatan secara percuma untuk mempamerkan semua perundangan yang dicadangkan itu ke atas Internet, free of charge, syaratnya kerajaan perlu memberikan kerjasama yang sewajarnya.

Memandangkan hampir semua maklumat yang dicipta oleh kerajaan adalah kini dicipta dalam bentuk elektronik, maka kos dissemination maklumat-maklumat ini kepada orang ramai melalui Internet adalah paling marginal, paling rendah sekali.

Sekiranya kerajaan tiak berupaya mempamerkan undang-undang siber serta lain-lain rang undang-undang ke atas Internet, maka DAP bersedia melakukan perkhidmatan awam secara percuma dan mempamerkan rang undang-undang ini ke atas Internet, syaratnya agensi-agensi kerajaan yang berkenaan membekalkan bahan-bahan dalam bentuk elektronik yang telah siap sedia.

DAP bukan sahaja bersedia mempamerkan kesemua perundangan yang dicadangkan itu ke atas Internet secara percuma, malah kita sanggup memikul kos mendapatkan website bagi semua kerja itu.

Saya harap saya telah berjaya menjelaskan bahawa kerajaan sebenarnya berupaya dengan segera memperkenalkan perkhidmatan dan maklumat online tanpa perlu menunggu sehingga siapnya multimedia super corridor.

Internet - rangkaian akses maklumat dan komunikasi digital merupakan satu pembangunan, perkembangan yang paling utama, penting bagi kerajaan. Ia menawarkan potensi untuk pengaturan semula kerajaan (re-engineering the government) dan pembekalan perkhidmatan kerajaan dalam dekad-dekad yang akan datang.

Atas sebab ini, saya cadangkan supaya kerajaan membentuk sebuah Suruhanjaya Kerajaan Online (Online Government, online commission) yang bermula dengan membekalkan perkhidmatan-perkhidamtan kerajaan secara online mulai tahun depan selaras dengan hasrat kerajaan untuk menjadikan perkhidmatan awam Malaysia pemimpin dalam arena dunia dari segi pentadbiran kerajaan serta memenuhi syarat piawai kualiti ISO 9000 pada tahun 2000.

Suruhanjaya Kerajaan Online ini harus menggunakan dengan sebaiknya teknologi-teknologi yang membolehkan wujudnya satu 'entry point' perkhidmatan ulung yang rasmi bagi Kerajaan Malaysia, di mana alamat Internetnya adalah http www.gov.my.

Perkhidmatan-perkhidmatan elektronik online yang dibekalkan oleh Kerajaan Malaysia bagi memajukan keupayaan penyampaian perkhidmatan kerajaan dengan lebih efektif harus setanding dengan persembahan-persembahan prestasi-prestasi yang ditunjukkan oleh lain-lain kerajaan yang paling baik.

Teknologi online membolehkan perkhidmatan dicapai dari berbagai lokasi dengan serentak, tujuh hari seminggu, 24 jam sehari itulah online service, online government service - 24 jam sehari, tujuh hari seminggu. Sudah ada dalam banyak negara tetapi belum dalam Malaysia. Adalah juga penting untuk membekalkan cara-cara alternatif bagi orang ramai mendapat perkhidmatan supaya mengelakkan jurang kelemahan atau 'disadvantage information', wujud di masyarakat kita.

Suruhanjaya Kerajaan Online harus membentangkan laporan tahunan kepada Parlimen mengenai kejayaan-kejayaan dan rancangan-rancangan dalam tugas menyebarkan perkhidmatan dan maklumat secara online, dan dalam proses yang sama, mendedahkan mana-mana agensi yang berada di baris depan dan agensi mana yang ketinggalan di belakang dalam kerja-kerja perancangan pengurusan maklumat, dan penggunaan teknologi-teknologi Internet untuk pentadbiran dan pembekalan perkhidmatan mereka sama ada agensi yang 'leading', atau agensi yang 'lagging' dalam IT.

Akhir sekali, pendedahan oleh Tengku Azzman bahawa pegawai-pegawai kerajaan tertinggi tidak mementingkan teknologi maklumat harus diberi perhatian yang serius. Ini menunjukkan bahawa rancangan pengkomputeran kerajaan yang memakan kos berbilion-bilion ringgit sejak tahun 60-an telah gagal, sekiranya ia tidak dapat memastikan bahawa pegawai-pegawai seperti para ketua pengarah ataupun ketua setiausaha hari ini menjadi celik-komputer dan memahami dengan sebaik-baiknya tentang pentingnya teknologi maklumat.

Mungkin apa yang harus mula dilakukan oleh kerajaan untuk masa ini adalah memberikan satu komputer notebook kepada setiap orang pegawai kerajaan kanan dan mengkehendaki mereka menggunakannya dalam tugas harian mereka serta mendapat akses ke Internet untuk membantu memajukan pengetahuan teknologi maklumat masing-masing.

Tuan Pengerusi, rakyat Malaysia sekarang mahu datang ke Parlimen, rakyat Malaysia pasti merasa terperanjat pagi ini apabila mereka terbaca di dalam laporan *New Straites Times* di bawah tajuk, dengan izin, "Ling: Don't question my absence in Parliament".

Laporan berkenaan memetik kata-kata Yang Berhormat Menteri Pengangkutan sebagai mengumumkan dari Pattaya bahawa ketidakhadirannya di mesyuarat-mesyuarat Parlimen tidak patut dipersoalkan kerana beliau mempunyai banyak tugas rasmi yang perlu dikendalikan.

Beliau berkata bahawa tidak perlu baginya menghadiri Parlimen setiap masa selagi kuorum ada cukup. Beliau berkata: "Sebagai seorang menteri, saya perlu membahagikan masa saya di kementerian, pelabuhan-pelabuhan, lapangan terbang dan stesen-stesen keretapi. Saya juga perlu mengendalikan sebuah parti politik. Pergi ke Parlimen hanya merupakan salah satu dari tugas-tugas saya sahaja".

Tuan Pengerusi, itulah jenis kenyataan sombong, keangkuhan yang dikeluarkan oleh sesetengah menteri hasil dari kemenangan besar Barisan Nasional dalam pilihan raya umum tahun lepas, yang bila ditambahkan dengan mereka yang menyertai Barisan selepas itu, telah menyebabkan Barisan Nasional menguasai hampir 90% dari kerusi di Parlimen. Hampir 90%! Lepas itu angkuhlah, tidak payah menteri untuk datang menghadiri ke Parlimen - arrogance of power.

Bagaimanapun, sekiranya wujud pemimpin Barisan Nasional yang sangka bahawa oleh sebab mereka telah menguasai hampir 90% dari kerusi di Parlimen, maka mereka tidak lagi perlu akauntabel terhadap tingkah laku mereka, sebagaimana yang dipertunjukkan oleh Yang Berhormat Menteri Pengangkutan dalam kenyataan sombongnya, angkuhnya dari Pattaya ini, maka mereka tentu akan terkejut dengan hasil pilihan raya umum seterusnya.

Rekod Parlimen menunjukkan bahawa Yang Berhormat Menteri Pengangkutan merupakan salah seorang dari dua menteri kanan yang menduduki baris depan di Dewan Rakyat yang tidak pernah menghadiri Parlimen, dalam masa soal jawab untuk menjawab pertanyaan-pertanyaan berkenaan dengan kementerian mereka masing-masing dalam tahun ini. Menteri kanan yang seorang lagi adalah Menteri Perusahaan Utama, dua-dua menteri kanan yang duduk di baris depan tidak pernah datang ke Parlimen dalam tahun ini untuk jawab soalan.

Menteri Kerja Raya merupakan menteri yang paling rajin di antara tujuh menteri kanan yang

menduduki baris pertama di bahagian kerajaan kerana menghadiri mesyuarat Parlimen sebanyak sepuluh kali untuk menjawab sendiri pertanyaan-pertanyaan yang ditujukan oleh kementerian dalam masa soal jawab dalam tahun ini. Diikuti oleh Perdana Menteri, Timbalan Perdana Menteri dan Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri di mana masing-masing pernah menghadiri Parlimen dan menjawab pertanyaan mengenai kementerian masing-masing sebanyak dua kali dalam tahun ini.

Yang Berhormat Menteri Tenaga, Telekom dan Pos pula pernah menghadiri sekali pada tahun ini ke Parlimen untuk menjawab pertanyaan.

Sekiranya Yang Berhormat Menteri Kerja Raya dapat meluangkan masa sekurang-kurangnya sepuluh kali dalam empat mesyuarat Parlimen tahun ini untuk menghadirkan diri dan menjawab pertanyaan, mengapa pula Yang Berhormat Menteri Pengangkutan mendakwa yang beliau terlalu sibuk dan tidak dapat serajin Yang Berhormat Menteri Kerja Raya dalam melaksanakan tugas Parlimennya.

Biar macam manapun, Yang Berhormat Menteri Pengangkutan tidak ada sebarang alasan yang munasabah sehingga mempamerkan rekod kehadiran yang lebih buruk dari rekod Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dan Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri - melainkan Yang Berhormat Menteri Pengangkutan berani mendakwa bahawa beliau adalah lebih sibuk dari Perdana Menteri dan Timbalan Perdana Menteri.

Tidak ragu-ragu lagi, Parlimen Malaysia mempunyai rekod paling tinggi di dunia di mana menteri ponteng tugas Parlimen sama ada dalam masa soal jawab mahupun apabila mengemukakan rang undang-undang ataupun menjawab perbahasan dasar para ahli Parlimen.

Ini dibuktikan oleh fakta di mana kerusi-kerusi Parlimen di Parlimen sering kali kosong sama sekali. Hari ini ada seorang menteri, inilah luar biasa, ini baik. Malah saya berani berkata bahawa Parlimen Malaysia kini layak dimasukkan ke dalam Guinness Book of Records atas tajuk 'Kerusi menteri-menteri yang kosong kebanyakan masa'. Ini boleh masuk Guinness Book of Record - 'absence of minister most of the time'.....

Tuan Pengerusi [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Masih panjang ucapan, Yang Berhormat .....

Tuan Lim Kit Siang: .....mengenai kehadiran di Parlimen, apa guna peruntukan berjuta-juta ringgit di mana menteri-menteri tidak datang, ponteng.....

Tuan Pengerusi [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Saya tidak mengatakan tidak relevan. Saya katakan, kalau boleh, masa itu dipendekkan.

Tuan Lim Kit Siang: Dalam perkara ini saya sampai peringkat akhir. Tadi saya mengatakan mengenai Guinness Book of Records dan Malaysia tidak ada sebab merasa bangga dimasukkan ke dalam rekod Guinness Book of Records ini dan saya berharap ...

Dato' Hon Choon Kim: *[Bangun]*

Tuan Pengerusi [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Yang Berhormat, Seremban bangun. Minta jalan, nak bagi jalan?

Tuan Lim Kit Siang: Nanti, nanti, hendak habis ini, saya beri ya. Dan saya berharap bahawa Perdana Menteri akan mengenakan disiplin ketat ke atas para menteri supaya memastikan mereka melaksanakan tanggungjawab Parlimen dengan lebih serius lagi.

Ya, siapa itu? Dari mana?

Dato' Hon Choon Kim: Seremban.

Tuan Lim Kit Siang: Dari Seremban. Okay. *[Disampuk]*

Dato' Hon Choon Kim: Saya minta penjelasan dari Yang Berhormat dari Tanjong. Tadi Yang Berhormat dari Tanjong mengatakan menteri-menteri jarang datang untuk menjawab soalan. Tetapi saya hendak bertanya, mengapa, seperti yang dituturkan oleh Yang Berhormat bahawa menteri ini tidak melaksanakan tanggungjawab?

Soalan yang saya hendak tanya ialah, kalau mereka tidak melaksanakan tanggungjawab, mengapa negara kita Malaysia boleh mencapai pertumbuhan ekonomi yang begitu baik dan masyarakat kita begitu stabil dan mengapa ada dua orang penyokong kuat Yang Berhormat dahulu, sekarang telah masuk menyertai Barisan Nasional?

Tuan Lim Kit Siang: Negara Malaysia mencapai pertumbuhan ekonomi yang pesat dan kuat "despite" kita ada menteri-menteri yang cuai....

Seorang Ahli: Yang malas!

Tuan Lim Kit Siang: Yang malas! Ini oleh kerana komitmen kerja rajin rakyat Malaysia. Kalau kita ada menteri-menteri yang berkomited, ada Menteri Pengangkutan yang lebih baik dan lebih rajin, kita boleh dapat pertumbuhan ekonomi yang lebih baik dari apa yang kita ada.

Malapetaka kepada rakyat dan kepada Malaysia ialah kita tidak ada semua menteri-menteri yang baik! Kita ada menteri-menteri yang mana kadar mereka yang ponteng sangat tinggi di dunia. Boleh masuk *Guinness Book of Record.*

Dato' Mustapa bin Mohamed: Tuan Pengerusi .....

Tuan Lim Kit Siang: Tetapi.....

Tuan Pengerusi [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Ya.

Tuan Lim Kit Siang: Nanti, saya habiskan dahulu. Saya habiskan dahulu. Tetapi, oleh kerana kita ada menteri-menteri yang cuai dan menteri-menteri yang ponteng, masyhur oleh kerana mereka play truant. Sebab itulah negara kita Malaysia boleh mencapai pertumbuhan ekonomi yang lebih baik. Ya, saya belum habis, tetapi saya beri jalan.

Dato' Mustapa bin Mohamed: Tuan Pengerusi, saya mohon penjelasan. Ahli Yang Berhormat Ketua Pembangkang menyebut bahawa menteri-menteri di Malaysia ini malas dan cuai, tetapi kenyataan itu bagi saya agak amat melulu kerana saya minta supaya ditarik balik, kalau bukan semua kerana ini satu tuduhan yang amat berat. Cara Yang Berhormat Ketua Pembangkang mengemukakan hujah seolah-olah semua kami malas, cuai dan semuanya ponteng. Ini tidak tepat.

Saya hendak menyatakan bahawa kami tidak malas dan tidak cuai. Malah, kami dalam *Guinness Book of Record,* bekerja lebih kuat daripada menteri-menteri lain dalam dunia.

Tuan Lim Kit Siang: Saya boleh terima credit oleh kerana bukan ertinya saya berkata semua menteri-menteri yang cuai dan ponteng. Saya ada sebut angka ada menteri-menteri yang cuai dan saya boleh endorse bahawa Yang Berhormat Menteri sangat rajin, hardworking, sangat creditworthy dan ada juga menteri-menteri yang lain tetapi ada black sheep. Ada black sheep dalam Kabinet! Ini boleh dilihat daripada rekod ponteng-ponteng!

Yang Berhormat Menteri pun setuju.....

Dato' Hon Choon Kim: *[Bangun]*

Tuan Chia Kwang Chye: *[Bangun]*

Tuan Pengerusi [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Yang Berhormat, ada dua Ahli Yang Berhormat yang bangun.

Tuan Lim Kit Siang: Nanti, saya belum habis. Saya habiskan dahulu. Okay? *[Disampuk]* Saya habiskan dahulu. On my term, not your term. Dan apa yang sangat sedih ialah kita Ahli-ahli Parlimen yang merasa mereka sangat bertanggungjawab, tetapi tidak berani menegur tingkah laku yang cuai - ponteng ini!

Mungkin bukan dua atau tiga orang, tetapi ini pun penting. Tetapi mereka mahu menjadi followers of sheep. Apa pemimpin-pemimpin mereka buat, betul. Memang ada dua orang meninggalkan DAP dan masuk MCA. Ini bukan kali yang pertama berlaku. Tahun 1970-an pun ada berlaku. Kita rela menghadapi dan menerima risiko-risiko politik semacam ini, tetapi ini bukan menunjukkan bahawa menteri MCA yang ponteng tidak ponteng! *[Ketawa]* Ini tidak bersangkut-paut! Menteri MCA ponteng.....

Seorang Ahli: Tetap ponteng!

Tuan Lim Kit Siang: ...tetap ponteng! Mana dia? Itu hal yang lain. Siapa benar dan siapa salah, masa depan akan menentukan perkara dua orang ini. Itu hal yang lain. Tetapi.....

Dato' Mustapa bin Mohamed: *[Bangun]*

Tuan Pengerusi [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Yang Berhormat Tanjong....

Tuan Lim Kit Siang: Ya, okay.

Tuan Pengerusi [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Yang Berhormat, sekejap ya. Saya suka mengingatkan kepada Yang Berhormat semua, biasanya di dalam jawatankuasa ini kita tidak berbahas begitu panjang sangat kerana banyak perkara yang lain perlu diselesaikan di dalam peringkat Jawatankuasa. Jadi kalau boleh saya berharap Yang Berhormat dari Tanjong dapat menyudahkan ucapannya. 5 minit.

Tuan Lim Kit Siang: Itu oleh kerana ada orang yang mahu interrupt. Kalau mahu interrupt, saya beri.

Tuan Pengerusi [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Itu terpulang kepada Yang Berhormat, beri atau tidak beri.....

Tuan Lim Kit Siang: Kalau berani datang, mestilah berani menerima.

Tuan Pengerusi [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Yang Berhormat dari Tanjong, sekejap ya. Saya beri Yang Berhormat 5 minit, kalau boleh.

Tuan Lim Kit Siang: Okay.

Tuan Lim Hock Seng: *[Bangun]*

Tuan Lim Kit Siang: Ya, mahu beri jalan.

Tuan Lim Kit Siang: Tuan Pengerusi, tadi Yang Berhormat dari Tanjong ada berkata bahawa Menteri Pengangkutan sangat sibuk dalam kerja dan tugas rasmi beliau, tetapi saya nampak ada satu iklan

di *Nan Yang Siang Pau* bertarikh 6hb. November 1996, iaitu hari Rabu semasa kami sedang bermesyuarat di sini, Menteri Pengangkutan telah pergi ke Kuala Lumpur untuk membuka rasmi sebuah kedai bebola ikan.

Seorang Ahli: Restoran makanan.

Tuan Lim Hock Seng: Restoran makanan "Ah Kun Eating Shop Sdn. Bhd.", *[Sambil menunjukkan sebuah iklan di dalam akhbar]* tetapi di dalam bahasa Cina dia kata kedai "Fish Ball". Beliau pergi merasmikan kedai ini sedang kami bermesyuarat di sini. Inikah dikatakan tugas rasmi?

Tuan Lim Kit Siang: Itu penyelewenganlah! Itu penyelewengan dan banyak contoh kita boleh buat!

Dato' Mustapa bin Mohamed: *[Bangun]*

Tuan Pengerusi [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Dia bangun, Yang Berhormat. Hendak beri jalan?

Tuan Lim Kit Siang: Nanti. Saya mahu jawab dahulu! Kita pun tahu. sebenarnya saya tidak mahu sebut peristiwa-peristiwa dahulu. Kita tahu apa tugas rasmi apabila ada kebakaran Subang International Airport, mana menteri? Mana Menteri Pengangkutan? *[Tepuk]* Kita tahu berapa hari baru dia pergi!

Seorang Ahli: Ponteng!

Tuan Lim Kit Siang: Ponteng daripada Parlimen, ponteng daripada Kementerian dan ponteng daripada tugas rasmi! Sebab itulah boleh masuk *Guinness Book of Record.* Kalau Yang Berhormat Menteri bersetuju, kita boleh buat kedua-dua permohonan. Satu mungkin Yang Berhormat kata dia Guinness Book of Record dalam dunia yang rajin sekali, saya boleh go along. Tetapi kita pun mahu seorang yang ponteng di dalam *Guiness Book of Record.* Kita pun masukkan permohonan untuk dimasukkan di dalam *Guinness Book of Record.* Okay?*[Ketawa]*

Dato' Mustapa bin Mohamed: Tuan Pengerusi, penjelasan. Saya tidak nampak Ketua Pembangkang berada di Parlimen minggu lepas. Dia pun ponteng juga.

Tuan Lim Kit Siang: Bagus! Saya tidak kata bahawa kita mahu Yang Berhormat Menteri Pengangkutan atau setiap ahli kabinet datang ke Parlimen setiap minit, setiap hari Parlimen bersidang. Tidak. We are reasonable people. Tetapi di mana beliau ada tanggungjawab, soalan mengenai kementeriannya, bil atau rang undang-undang mengenai kementeriannya dan perbahasan mengenai kementerianannya, sekurang-kurangnya mahulah dia tunjukkan hormat kepada Dewan yang mulia ini dan datang sekurang-kurangnya beberapa kali untuk melayani Parlimen ini.

Tuan Pengerusi [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Yang Berhormat, minta gulung ya.

Tuan Lim Kit Siang: Saya akan gulung. Saya tidak ada di Parlimen tiga hari oleh kerana saya boleh tengok bagaimana satelite launching. Itu pun tanggungjawab. Tetapi tidak payahlah saya terangkan. Saya percaya bahawa mesej saya sudah disampaikan dan saya berharap semua menteri yang ponteng berhenti ponteng.

Oleh kerana masa yang singkat, lagi satu tajuk yang saya mahu sebut ialah Butiran 010500 - Biro Tatanegara.

Hari ini kita baca bahawa Yang Berhormat Timbalan Menteri Dalam Negeri semalam berkata bahawa enam anggota Malaysian People's Action Front yang menunjuk perasaan menentang Persidangan APCET II akan didakwa di mahkamah.

Apa yang paling memalukan adalah penunjuk perasaan oleh 600 orang pemuda UMNO, MCA dan MIC yang mencaci, melontar kerusi dan meja, memecahkan kaca serta memeras ugut para peserta persidangan, sama ada orang asing atau tempatan dengan ancaman kecederaan fizikal, telah mendapat persetujuan sepenuhnya dari Ketua Pemuda UMNO dan para Ahli Parlimen Barisan Nasional.

Tuan Noh bin Omar: *[Bangun]*

Tuan Pengerusi [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Yang Berhormat, dia sudah hampir habis masanya.

Tuan Lim Kit Siang: Kerosakan yang dibawa oleh 600 Pemuda UMNO, MCA dan MIC ke atas reputasi antarabangsa ....

Tuan Pengerusi [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Yang Berhormat, Tanjung Karang bangun.

Tuan Noh bin Omar: Point of order.

Tuan Lim Kit Siang: Point of order, okay.

Tuan Pengerusi [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Apa dia, Yang Berhormat ?

Tuan Noh bin Omar: 36(1). Yang Berhormat Tuan Pengerusi, saya hendak minta Tuan Pengerusi pertimbangkan sama ada hujah yang dikeluarkan

tadi itu kena mengenakah dengan Biro Tatanegara? Kerana 36(1) ini jelas menunjukkan bahawa isi-isi ucapan hanya terhad kepada isu yang kita bincangakan. Jadi, saya hendak tanya ini pasal APCET ini ada kena mengenakah dengan Biro Tatanegara? Kalau kena, saya pun hendak bercakap ni!

Tuan Pengerusi [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Yang Berhormat.....

Tuan Noh bin Omar: Ataupun kita cari satu agenda lain, kita hendak bahas pasal APCET

Tuan Lim Guan Eng: Nanti boleh cakaplah.

Tuan Noh bin Omar: Jadi, jangan ambil kesempatanlah!

Tuan Pengerusi [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Yang Berhormat, masa sudah suntuk.

Tuan Lim Kit Siang: Ada, saya kaitkan.

Tuan Noh bin Omar: Ikut aturan mahu bercakap.

Tuan Lim Kit Siang: Hendak cepat. Sedikit, sekejap sahaja.

Tuan Pengerusi [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Nantilah dia jelaskan.

Tuan Lim Kit Siang: Tetapi benarkan saya kaitkan dengan Biro Tatanegara. Tidak tahu belajar ya. Tidak tahu boleh belajar sekarang.....

Tuan Noh bin Omar: Sebab saya.....

Tuan Lim Kit Siang: Saya tidak mahu beri jalan, saya tidak mahu beri jalan. Dia tidak mahu belajar boleh duduk.

Tuan Noh bin Omar: Tuan Pengerusi, ini Point of order.

Tuan Lim Kit Siang: Saya boleh kaitkan. Sekarang saya kaitkan....

Tuan Pengerusi [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Kita minta dia menjelaskan apa kaitannya.

Tuan Lim Kit Siang: Saya akan kaitkan. Belajarlah....

Tuan Noh bin Omar: Belajarlah, beri masa boleh Tuan Pengerusi beri jawapan. Saya ini point of order.

Tuan Pengerusi [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Yang Berhormat saya telah membenarkan Ahli Yang Berhormat dari Tanjong untuk mengaitkan apa relevannya. Saya hendak dengar ni.

Tuan Lim Guan Eng: Hei, duduklah.

Tuan Lim Kit Siang: Kerosakan yang dibawa oleh 600 Pemuda UMNO, MCA dan MIC ke atas reputasi antarabangsa Malaysia adalah serius sekali, terutama sekali dalam segi membangkitkan persoalan, sama ada kedudukan kedaulatan undang-undang di negara ini yang diragui sebagai di bawah penguasaan pihak pemerintah, dan dimanipulasikan oleh mereka yang berkuasa sesuka hati sebagaimana yang dilihat dalam tindakan 'double standard' di mana 60 peserta Persidangan APCET II ditahan, manakala 6 ketua pemuda yang memimpin Malaysian People's Action Front telah mendapat layanan VIP.

Kesemua 600 Pemuda UMNO, MCA dan MIC yang menyertai penunjuk perasaan memalukan terhadap APCET II ini harus didakwa di mahkamah untuk mendapat pengajaran mengenai erti masyarakat madani. Saya pasti bahawa sekiranya pihak polis mendakwa bahawa ia tidak tahu-menahu tentang 600 penunjuk perasaan ini, masih ada lagi saksi-saksi yang cukup yang bersemangat awam bersedia untuk tampil ke depan untuk membantu pihak polis untuk mengenal pasti orang-orang ini.

Sebenarnya 'masyarakat madani' harus dimasukkan sebagai kurikulum wajib dalam Biro Tatanegara. Masyarakat madani patut menjadi kurikulum dalam Biro Tatanegara untuk mendidik para pemimpin semacam Ahli Yang Berhormat tadi. Untuk mendidik para pemimpin masa depan Barisan Nasional mengenai maksud erti masyarakat madani dan orang pertama yang perlu dihantar untuk mendapat pendidikan wajib ini ada dua orang - Ahli Yang Berhormat dari Tanjong Karang dan Ketua Pemuda UMNO sendiri yang tidak segan tidak malu mengakui telah menghasut Malaysian People's Action Front melakukan demonstrasi ganas terhadap APCET II.

Tuan Pengerusi [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Yang Berhormat.....

Tuan Lim Kit Siang: Dan itulah.....

Tuan Noh bin Omar: Boleh beri penjelasan?

Tuan Lim Kit Siang: Ha?

Tuan Noh bin Omar: Boleh beri penjelasan?

Tuan Pengerusi [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Yang Berhormat.....

Tuan Lim Kit Siang: Tidak tahu masyarakat madani, tidak payah. Belajar dulu. Belajar apa erti.....

Tuan Noh bin Omar: Tidak, saya mahu tanya.

Tuan Pengerusi [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Yang Berhormat....

Tuan Lim Kit Siang: Belajar apa erti masyarakat madani, lepas itu saya beri jalan.

Tuan Noh bin Omar: Hei, soalan pun tidak fahamkah? Saya bukan....*[Pembesar suara dimatikan]*

Tuan Pengerusi [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Yang Berhormat Tanjong, Tanjong Karang. Yang Berhormat Tanjong, masa sudah cukup.

Tuan Lim Kit Siang: Dia mahu jadi lawyer.....

Tuan Pengerusi [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Cukup, cukup ya. Cukup. Cukuplah, Tanjong Karang.

Tuan Lim Kit Siang: Jangan jadi gangster lawyer dalam Dewan yang mulia ini.

Tuan Pengerusi [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Yang Berhormat, masa sudah cukup ya. Tuaran.

4.34 ptg.

Tuan Yunof Edward Maringking [Tuaran]: Tuan Pengerusi, terima kasih. Saya juga ingin turut membahaskan peruntukan yang diberi kepada Jabatan Perdana Menteri. Saya hanya akan membahaskan beberapa peruntukan sahaja iaitu B.1, B.4, B.7, B.9 dan B.11.

Tuan Pengerusi, saya membangkit tentang peruntukan yang diberi kepada Parlimen ini oleh kerana dua perkara iaitu di awal persidangan kita dalam Parlimen ini, Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri telah mengeluarkan satu arahan kepada ahli-ahli Dewan Rakyat supaya datang lebih kerap menghadiri Parlimen. Saya fikir perkara ini kita tidak boleh pandang ringan oleh kerana kalau Yang Amat Berhormat tidak memandang berat tentang perkara ini ataupun kalau perkara ini belum sampai ke satu tahap yang membimbangkan, mustahillah Yang Amat Berhormat akan mengeluarkan surat arahan seperti yang sedemikian.

Maka yang demikian, saya amat menghargai keprihatinan Yang Amat Berhormat itu dan kita sama-sama akan mengambil iktibar dan perhatian tentang perkara ini dan memang kita mempunya tanggungjawab setelah dipilih oleh rakyat untuk menjalankan tanggungjawab yang sewajarnya.

Dan satu lagi perkara ialah tentang standard jawapan soalan-soalan yang dikemukakan oleh ahli-ahli Dewan Rakyat di dalam Dewan yang mulia ini. Saya merasa kecewa, kadang-kadang jawapan-jawapan itu bukan sahaja seolah-olah mendidik ataupun menghina kepada ahli-ahli Dewan Rakyat tetapi langsung kita tidak boleh percayai. Saya membangkitkan perkara ini oleh kerana saya ada beberapa soalan yang diberi jawapan di mana mengenai peruntukan beberapa pembangunan di luar bandar dikatakan ada peruntukan dan akan dijalankan projek itu dan akan dilaksanakan secepat mungkin.

Tetapi, malangnya sehingga masa yang disebutkan itu berakhir, tidak ada juga pelaksanaan kelihatan mengenai perkara itu dan ini membimbangkan saya oleh kerana kita beritahu kepada rakyat bahawa kerajaan telah memberi peruntukan untuk membuat sesuatu projek dan memanglah rakyat terutama yang menjadi sasaran tentang pembangunan itu akan berbangga kepada projek yang dilaksanakan oleh kerajaan itu.

Tetapi yang malangnya ialah peruntukan ataupun projek itu tidak dilaksanakan. Maka, seolah-olah jawapan yang diberi di dalam Dewan yang mulia ini tidak mempunyai erti langsung dan ini jangan pandang ringan oleh kerana kalau kita sudah sampaikan kepada rakyat bahawa sesuatu projek itu telah diambil kira oleh kerajaan dan telah diumumkan di dalam Dewan yang mulia ini bahawa akan dilaksanakan padahal tidak akan sampai, maka rakyat sudah tentu tidak akan percaya apa yang dibahaskan di dalam Dewan yang mulia ini.

Jadi, akhirnya rakyat keseluruhannya tidak akan percaya lagi apa yang sedang berlaku atau apakah yang sebenarnya yang berlaku di dalam Dewan yang mulia ini. Jadi, saya harap, pihak kementerian akan memastikan kalau benar-benar peruntukan itu belum ada, jawablah belum ada tetapi kalau sudah ada dan dikatakan bahawa akan dilaksanakan, saya fikir adalah menjadi tanggungjawab kepada pihak kementerian yang berkenaan ataupun mana-mana menteri yang menjawab di Dewan ini memastikan supaya jawapan itu ditunaikan agar kewibawaan Parlimen ini tidak akan terjejas ataupun tidak akan dipandang rendah oleh kerana kalau Dewan yang mulia ini tidak dipercayai lagi oleh masyarakat ataupun rakyat, sudah tentulah kewibawaan pentadbiran kita ataupun kuasa Parlimen juga akan dikhuatiri oleh rakyat. Jadi, saya harap perkara itu akan diambil kira ataupun diambil perhatian.

Tuan Pengerusi, satu lagi perkara yang ingin saya sentuh ialah mengenai B.4 tentang Suruhanjaya Pilihanraya. Saya ingin menyentuh tentang pendaftaran pengundi. Saya sudah berkali-kali membangkitkan perkara ini oleh kerana kita tahu bahawa kita berada di dalam Dewan yang mulia ini oleh kerana kita diundi melalui proses pengundian tetapi satu perkara yang saya ingin bangkitkan di sini ialah mengenai bantahan daftar pengundi. Bantahan daftar pengundi adalah satu proses yang diperuntukkan di dalam Undang-undang Pilihanraya dan ianya seharusnyalah dilaksanakan menurut seperti yang diperuntukkan.

Malangnya, di Sabah kita seringkali mengemukakan bantahan, tetapi tidak ada hasil. Ada dua perkara mengapa ini tidak berhasil. Pertama, pihak pegawai Pendaftar nampaknya tidak tahu tentang undang-undang pendaftaran ataupun cara-cara mengendalikan bantahan pendaftaran pengundi itu. Yang kedua, ialah mereka tidak tahu berapa pentingnya kita mendaftar para pengundi yang hanya dihadkan kepada rakyat Malaysia sahaja. Justeru itulah kita diberi hak ataupun rakyat diberi hak untuk membantah.

Yang lebih menyedihkan lagi, Tuan Pengerusi, ialah pihak Suruhanjaya Pilihanraya sendiri tidak tahu ataupun tidak pasti sama ada pengundi di dalam senarai A itu boleh atau tidak dibantah. Tetapi cukup jelas di dalam peruntukan undang-undang, dan saya percaya sahabat saya Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri bersetuju bahawa tidak perlu diragu lagi bahawa senarai (list) A itu boleh dibantah berdasarkan kepada beberapa fakta. Tetapi pihak pendaftar ataupun pihak Suruhanjaya Pilihanraya tidak tahu tentang perkara ini. Jadi, saya kepada sahabat saya supaya mengkaji perkara ini, dan kalau boleh berilah kursus kepada para pendaftar pengundi supaya mereka tidak akan terkeliru di dalam hal ini.

Oleh kerana tidak difahamkan ataupun menerima satu penerangan daripada Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri baru minggu yang lalu mengenai perkara iaitu hanya tahun 1992 sahaja baru SPR membuat koordinasi dengan Jabatan Pendaftaran tentang kesahihan kad pengenalan para pengundi yang memohon untuk mendaftar. Ini bererti sebelum itu tidak ada penyemakan ataupun clarification daripada Jabatan Pendaftaran. Sejak tahun itu, mengikut Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri sebanyak tidak kurang daripada 75,000 nama pengundi telah digugurkan. Ini hanya dalam tiga tahun kebelakangan ini, bagaimana yang sebelum itu? Bukankah mungkin lebih banyak daripada itu yang telah mendaftar ataupun berada di dalam daftar pengundi, sedangkan mereka itu tidak layak?

Kita telah mengemukakan perkara ini beberapa kali kepada Suruhanjaya Pilihanraya, tetapi mereka kata tidak boleh lagi dibantah nama-nama yang ada di dalam senarai A itu, sekali apa pun alasan. Saya khuatir ada udang di sebalik batu di dalam hal ini. Saya minta agar perkara ini tidak akan dipandang ringan. Seperti yang dikatakan oleh salah seorang daripada Ahli Yang Berhormat di Dewan yang mulia ini, iaitu jika mereka ini dibiarkan terus berada di dalam daftar pengundi, suatu hari nanti ada kemungkinan orang yang seharusnya tidak berada di dalam Dewan yang mulia ini, akan berada di sini untuk menentukan masa depan negara kita. Jadi, saya percaya perkara ini kita tidak boleh pandang ringan.

Tuan Pengerusi, saya juga ingin menyentuh tentang Jabatan Perdana Menteri. Saya membangkitkan tentang peranan Economic Planning Unit dan juga JPPS. Kedua-dua organisasi ini mempunyai peranan yang penting, kita akui. Tetapi yang kita bangkitkan di sini ialah tentang peranan JPPS dalam pelaksanaan projek-projek terutamanya di luar bandar. Saya berpendapat bahawa JPPS ini kalau tidak boleh diperkemaskan, seharusnyalah dimansuhkan. Pelaksanaan projek-projek yang dibuat oleh Jabatan Perdana Menteri ataupun mana-mana kementerian seharusnyalah disalurkan kepada agensi-agensi Kerajaan Persekutuan di negeri-negeri ataupun agensi-agensi pelaksanaan di peringkat negeri.

Saya tidak nampak misalnya di Sabah apa sebabnya tidak dilaksanakan perkara ini sekarang memandangkan seharusnyalah hubungan rapat di antara Kerajaan Negeri dan Kerajaan Persekutuan sudah wujud, tetapi malangnya memang tidak wujud, sehingga Timbalan Perdana Menteri terpaksa pergi ke negeri Sabah untuk mengendalikan kursus solidarity oleh kerana tidak ada pesefahaman di antara pemimpin-pemimpin Barisan Nasional di peringkat negeri. Dan mungkin inilah satu sebab mengapa Sabah ini terus ketinggalan dari segi pelaksanaan projek-projek. Memang di lain-lain kawasan pun banyak juga rungutan mengenai perkara ini.

Maka oleh yang demikian, peranan JPPS itu haruslah diperkemaskan. Kalau tidak perlu diwujudkan oleh kerana dia hanya menjadi penghalang dan bukan menjadi pemangkin pelaksanaan projek-projek Persekutuan di peringkat negeri.

Tuan Pengerusi, Economic Planning Unit (EPU), saya berharap Jabatan Perdana Menteri akan mengambil peranan yang penting melalui EPU di dalam perancangan ekonomi di peringkat negeri-negeri supaya pelaksanaan ataupun perancangan projek-projek tidak akan dibuat mengikut cita rasa seseorang ataupun segelintir pemimpin, tetapi seharusnya dirancang mengikut keperluan jangka panjang negara ataupun negeri.

Saya berkata demikian oleh kerana ada beberapa perkara yang sampai kepada pengetahuan saya, misalnya pelaksanaan Sabah Port Authority yang baru yang berhampiran dengan yang ada sekarang, di mana tempatnya saya difahamkan tidak begitu sesuai, tetapi kerajaan negeri akan meneruskan pelaksanaan di Teluk Sapangar, walaupun tempat itu begitu sempit. Dan keperluan untuk jangka masa panjang tidak begitu sesuai atas sebab geographical factors dan juga keselesaan pengguna-pengguna nanti. Tambahan pula, pangkalan marin terbesar di Sabah nanti akan diletakkan di situ. Jadi, di mana logiknya kapal-kapal komersial dan juga kapal-kapal tentera berkemungkinan bertembung sesama sendiri. Adakah logik ini? Saya mintalah EPU akan membuat kajian sedalam-dalamnya mengenai perkara ini.

Saya fikir sahabat saya dari Beaufort menyokong kalau Sabah Port Authority (SPA) ini diadakan di Telok Kimanis. Di situ juga tidak kurang keselesaannya ataupun kesesuaiannya. Jadi, saya fikir ini yang lebih penting. Bukan saya menghalang Sabah Port Authority ini dilaksanakan di Telok Sepangar, oleh kerana ini berdekatan dengan kawasan saya, tetapi kita memikirkan tentang keberkesanannya untuk negeri dan negara di masa yang akan datang. Oleh kerana kita merancang segala prasarana untuk memenuhi keperluan apa yang kita rancang dalam satu masa dan juga untuk masa hadapan nanti.

Tuan Pengerusi, satu lagi perkara ialah mengenai Badan Pencegah Rasuah. Kita tahu bahawa Badan Pencegah Rasuah mempunyai peranan yang penting untuk membendung masalah rasuah yang, walaupun dikatakan tidak begitu membimbangkan dalam negara kita ini, tetapi perlu juga diambil perhatian dan saya berharap pegawai-pegawai di agensi ini tidak akan terpengaruh ataupun membiarkan diri mereka dipengaruhi oleh mana-mana pihak, baik oleh pemimpin-pemimpin politik atau pun pihak-pihak peniaga. Saya menyebut ini, oleh kerana ada dua laporan yang telah dibuat mengenai dua perkara di negeri Sabah. Satu daripadanya ialah penswastaan atau penjualan kereta kepunyaan negeri Sabah kepada sebuah syarikat yang dikatakan ada kaitan dengan pemimpin-pemimpin di dalam Kerajaan Negeri Sabah dan Kerajaan Negeri Sabah telah menjual kereta ini. Kemudian, sebaliknya, Kerajaan Negeri Sabah menyewa kereta ini daripada syarikat yang membeli kereta-kereta ini dan sewa yang dikenakan kepada Kerajaan Negeri Sabah bukannya murah. Tiap-tiap bulan Kerajaan Negeri Sabah akan membayar bagi setiap kereta di antara RM3,000 - RM5,000 mengikut keadaan kereta.

Pada hal, minyaknya, gaji pemandu dan juga segala maintenance akan ditanggung oleh Kerajaan Negeri Sabah dan syarikat ini tidak akan mengalami sebarang perbelanjaan. Jadi, untuk apa Kerajaan Negeri Sabah membuang duit untuk menyewa kereta ini? Sedangkan dahulu boleh dipakai, kerana ini adalah harta sendiri dan bukankah ada satu elemen rasuah di dalam hal ini? Tetapi sehingga sekarang, walaupun laporan telah dibuat, tidak ada pula tindakkan yang telah diambil setakat ini.

Saya tidak membuat sangkaan yang jahat bahawa tidak ada penyiasatan, tetapi saya harap supaya penyiasatan akan dilakukan secepat mungkin dan tindakkan juga diambil secepat mungkin agar perkara ini terus dihentikan sebelum kerajaan negeri mengalami kerugian yang besar.

Satu lagi perkara ialah mengenai Sabah Land Development Board, di mana pihak Lembaga Pengarah telah memberi kontrak kepada sebuah syarikat yang kewujudannya kita tidak tahu prestasinya, tetapi yang anehnya di fahamkan bahawa pemberian kontrak itu tidak melalui tender dan banyak bukti-bukti yang menunjukkan bahawa harga yang ditawarkan itu telah dimanipulasikan dan kerja-kerja tidak juga disiapkan mengikut justifikasi kerja. Jadi, saya harap pihak Badan Pencegah Rasuah akan mempercepatkan penyiasatan mengenai perkara ini, oleh kerana wang yang terlibat itu merupakan wang rakyat.

Dalam hal yang sama juga, iaitu mengenai SLDB ialah tentang penswastaan ataupun Public Listing yang akan dibuat oleh pihak pengurusan. Saya difahamkan banyak manipulasi yang dilakukan oleh pihak pengurusan, banyak manuvering di antara satu sama lain, walaupun boleh di'listing' secara langsung, tetapi perlu juga disalurkan ataupun dibuat penyenaraian di BSKL iaitu melalui beberapa syarikat. Kenapa perlu berbuat demikian? Apakah tujuan perkara ini dibuat sedemikian? Kalau betul-betul perlu disenaraikan di BSKL, buatlah terus

sahaja melalui syarikat yang wujud sekarang ini supaya tidak ada lagi perkara yang boleh berlaku, tetapi sekiranya ada unsur-unsur rasuah di dalam manipulasi ini, saya minta supaya pihak BPR menghentikan penyenaraian itu dan EPU haruslah membuat kajian, cara yang paling berkesan dan menguntungkan kerajaan negeri tentang penyenaraian ini supaya penyenaraian ini tidak akan menjadi satu cara kepada pihak-pihak tertentu untuk mendapat keuntungan bagi diri sendiri sahaja.

Jadi, Tuan Pengerusi, saya fikir itu sahaja yang saya ingin sumbangkan di bawah Jabatan Perdana Menteri ini. Sekian, terima kasih.

Tuan Pengerusi: Yan.

4.58 ptg.

Dato' Haji Badruddin bin Amiruldin [Yan]: Tuan Pengerusi, saya ingin membahas tentang Parlimen, B.1 - 010000.

Tuan Pengerusi, Dewan Rakyat adalah satu Dewan yang teragung di Malaysia dan sekarang ini menjadi tempat tumpuan pembesar-pembesar negara asing apabila mereka melawat Malaysia, perkarangan Dewan Rakyat akan menjadi tempat untuk mereka menerima tabik hormat dan juga diperkenalkan kepada para menteri, speaker dan juga pembesar-pembesar negeri.

Tuan Pengerusi, saya percaya banyak perlu di buat di Dewan Rakyat ini sendiri, terutama sekali di bahagian tandas yang agak uzur sedikit di mana ramai Ahli-ahli Dewan Rakyat merungut - tempat membuang air lain, tempat menyuci lain. Terpaksa kita bawa macam paip bomba pula - sebagai orang Islam kita terpaksa menyuci apabila kita melepas air.

Tuan Pengerusi, jadi, saya harap pihak Parlimen akan dapat memperbaiki tandas itu supaya menjadi bersih kerana seperti yang dilaungkan "kebersihan itu adalah separuh daripada iman" - kita hendak bersih. Jadi, kalau kita bersih, tempat kita buang air pun bersih, jadi, agak sesuai. Tetapi sekarang ini agak tidak sesuai dan sudah lama sedemikian. Jadi, saya berharap benda-benda macam ini, sungguh pun kadang-kadang orang kata remeh, tetapi kalau tidak bercakap di Parlimen ini di mana saya hendak bercakap? Di sinilah tempat saya hendak bercakap dan saya harap pihak Parlimen akan datang mengatasi masalah ini.

Lagi satu, gym kita di bawah. Saya hendak pergi exercise pun tidak berani seorang-seorang. Saya berasa macam gelap, dengan perkakas-perkakas lama, jadi, wakil-wakil rakyat ini pun, kadang-kadang hendak exercise di tempat lain tidak ada, balik ke kawasan kena buat kerja, di rumah pun orang dok mari, jadi, kalau kita datang di Dewan Rakyat ini, sesekali kita boleh juga turun. Kalaulah Dewan tangguh sampai malam, petang kita boleh turun di sana, exercise sedikit biar keluar peluh sedikit, kemudian sihat, kita dapat idea baru, bila naik boleh bersyarah lebih bagus. Jadi, saya harap gym kita itu dapat diperbetulkan dan diperelokkan.

Perkarangan dalaman kita ini pun ada, macam di tempat saya - tengok sampai tercabut benda ini. Kalau dia 'shot' aniaya Wakil Rakyat dari Lanang, hak saya sudah luruh 3, 4 kali, kemudian bila diubah, saya pun tidak tahu. Saya tekan nombor 1, tidak naik apa, tekan nombor dua dia jadi 'mike', kemudian tekan nombor 3, dia jadi speaker entah apa pula. Jadi, tidak diterangkan kepada wakil rakyat, kena berdiri. Jadi, kalau boleh terangkan sedikit kepada wakil-wakil rakyat ini.

Jadi, benda-benda yang ini kalau ada pun, kita tak erti buat, membazir duit rakyat, Tuan Pengerusi. Jadi, yang ini pun kita kena ingatlah.

Tuan Haji Badrul Hisham bin Abdul Aziz: *[Bangun]*

Tuan Pengerusi [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Yang Berhormat, ada yang bangun.

Dato' Haji Badruddin bin Amiruldin: Ya, ya, sila.

Tuan Haji Badrul Hisham bin Abdul Aziz: Tuan Pengerusi, penjelasan sedikit! Tadi Yang Berhormat ada menyebut fasal kemudahan termasuk kemudahan di gymnasium. Saya hendak bertanya kepada Yang Berhormat, apa pandangan Ahli Yang Berhormat, di sebelah gymnasium itu ada pejabat-pejabat pegawai-pegawai kita, Bentara, Pegawai Keselamatan tetapi, kalau Ahli Yang Berhormat lihat, pejabat mereka ini macam kotak-kotak sahaja. Apa pandangan Ahli Yang Berhormat, sedangkan kita satu bangunan yang gah tetapi pegawai-pegawai kita yang bertugas itu di tengah-tengah petak sahaja. Apa pandangan Ahli Yang Berhormat?

Dato' Haji Badruddin bin Amiruldin: Kira Yang Berhormat pun prihatin juga macam saya juga. *[Ketawa]* Saya pun selepas kes mike ini, saya pun hendak pi tang tulah sat lagi! *[Ketawa]*

Jadi, memang betul, Tuan Pengerusi, kita beginilah, tempat kerja ini kena selesa. Bila kita kata 'Parlimen' ini, Tuan Pengerusi, bukan benda main-main. Macam saya hendak mai dok tang ni

pun bukan mudah! Berapa puluh ribu rakyat sokong, calon saya baru saya boleh mai dok tang ni dan berapa million rakyat Malaysia yang boleh duduk dalam ini berapa orang sahaja?

Jadi, tempat yang paling tinggi ni, kita menggubal undang-undang, kita buat macam-macam di sini. Tetapi kalau keadaan tempat kita ini tidak berapa elok, Tuan Pengerusi, jadi kita dok buat rombongan mai. Kadang-kadng kita bawa orang kampung mai duduklah di atas itu, Tuan Pengerusi, depa berasa bangga. Ada yang nak mai Parlimen, Tuan Pengerusi, dua hari demam, dengar sahaja kata hendak mai Parlimen, depa takut! *[Ketawa]*

Sungguh pun, bukan melawak, orang kampung. Dia berasa seram sejuk, seram sejuk, mai dok dalam ni pun sejuk pula dah! *[Ketawa]*

Jadi, kita kena beri tempat ini, jadi satu tempat yang paling istimewa. Kita jangan kira sangat duit ringgit, Tuan Pengerusi. Begitu juga pegawai-pegawai Bentara-bentara kita itu. Beri tempat yang selesa kepada mereka. Saya bersetuju sangat, supaya mereka ini pun dapatlah selesa sedikit duduk dalam Dewan yang mulia ini.

Tuan Pengerusi, lagi satu, hak itu bab Parlimen. Ini saya hendak pergi pula satu Jabatan Perdana Menteri, Bahagian Jabatan Perkhidmawan Awam - B.8.

Saya mintalah kalau boleh Jabatan Perkhidmatan Awam ini ....

Tuan Lim Si Cheng: *[Bangun]*

Dato' Haji Badruddin bin Amiruldin: Ya, ya, sila.

Tuan Lim Si Cheng: Penjelasan! Tadi, apa yang dikatakan oleh Yang Berhormat, saya bersetujulah keadaan untuk kakitangan Parlimen dan sebagainya. Ada lagi satu saya hendak bertanya Ahli Yang Berhormat tentang kelakuan Ahli Yang Berhormat, sikap Ahli Yang Berhormat semasa berucap dan menyampaikan masalah rakyat lebih-lebih lagi kepada Ahli Yang Berhormat dari parti pembangkang. Saya hendak mendengar apa komen daripada Ahli Yang Berhormat.

Dato' Haji Badruddin bin Amiruldin: Hari ini Menteri mai dua orang sahaja, tak apalah, saya jawablah. *[Ketawa]*

Tuan Pengerusi, sebenarnya, memanglah Dewan Rakyat, tetapi kita berbahas. Macam pihak pembangkang, kerja depa membangkang, hak yang baik pun bangkang. Baru ini Ketua Pembangkang pun kita bawa pi tengok melancar no, di sana bawa pi, hendak tengok roket yang kita hantar itu berlain daripada 'roket' yang depa amal dalam DAP itu. Roket yang hak kita, Measat itu dia naik ke atas, hak DAP ini dia dok turun ke bawah. Jadi, kita bawa pi.

Cuma tulah, kita bangkang, macam saya bercakap, loghat Kedah! Saya tak upayalah, saya tak upaya hendak ubah, fasal saya sudah dilahirkan di Kedah, orang kampung. Tetapi, kita jangan berbahas dengan penuh perasaan, emotional, dengan izin, tak boleh. Kalau kita marah kat orang, saya takut nanti, bila umur depa lebih, depa boleh rebah kalau macam itu. Jelutong hari ini baguslah, tidak dahulu, sakan ni Jelutong ini. *[Ketawa]* Berapa kali kena hambat keluar, kan? Tetapi la ni dia bagus, dia pun 'kian becok' la kan? *[Ketawa]* Ubat pun 'kian' banyak kan? Tetapi dia berubah lain! Ha, jadi, bagus! Tidak, dengan saya, sampai tak boleh jumpa muka! *[Ketawa]* Tetapi la ni bagus!

Jadi, saya harap hak yang lain-lain, seperti Ketua Pembangkang pun, dia kena 'sober'lah sedikit, jangan dok provoke terlampau sangat, jadi memarah orang! Fasal kita manusia ini ada perasaan. Jadi, bila ada perasaan, kadang-kadang kita tak dapat mengawal perasaan, maka keluar dalam surat khabar, benda yang pelik-pelik.

Ha, lagi satu, Laporan Parlimen ini, Tuan Pengerusi, kita kena beritahu kepada rakyat, tidak, rakyat nanti kata: "Ni, wakil rakyat ini dia pi mana?" Katalah Budget Session ini, Tuan Pengerusi, kita akan ada di sini sampai bulan Disember, empat hari kita ada di Kuala Lumpur dan bakinya kita ada dalam kawasan. Itu pun yang balik kawasan, yang tak balik kawasan tak tahulah depa pi mana.

Tuan Pengerusi, jadi, Laporan Dewan Rakyat ini kena ada. Kita kena minta Jabatan Penerangan dengan kuasa yang ada pada Parlimen ini, supaya menyiarkan balik Laporan-laporan Dewan Rakyat.

Tuan Pengerusi, kadang-kadang orang kampung pun tak tahu, siapa dia Menteri di Jabatan Perdana Menteri, siapa dia Menteri Perusahaan Utama ataupun Menteri Perusahaan Awam ataupun Timbalan Menteri Perusahaan Utama, orang pun tak tahu! Jadi, kita kena beritahu. Jadi, laporan itu apa salahnya kita 'slot' setengah jam. Bawa keluarlah muka-muka yang dok ada ini, muka-muka yang ada ini pun bukan kata tak elok, elok-elok belaka.

Tuan Pengerusi sendiri pun janggut itu bukan senang hendak 'trim' pagi-pagi, Tuan Pengerusi, *[Ketawa]* kurang-kurang setengah jam baru boleh keluar, hendak 'trim' yang itu! Dak, betul pun! *[Ketawa]*

Tuan Pengerusi, jadi, Laporan Dewan Rakyat kena ada. Saya mintalah kalau boleh, Parlimen, Jabatan Perdana Menteri arah Kementerian Penerangan, bawa keluar balik apa yang kita suarakan, supaya rakyat faham, wakil rakyat yang mai di sini, kita buat kerja untuk rakyat.

Dato Haji Hanafi bin Ramli: Minta jalan, penjelasan sedikit!

Dato' Haji Badruddin bin Amiruldin: Ya, ya, sila.

Dato Haji Hanafi bin Ramli: Tuan Pengerusi, adakah Yang Berhormat bersetuju dengan pendapat saya, bahawa iras muka Tuan Pengerusi kita pun lebih kurang macam Nur Misuari, pemimpin di Filipina Selatan itu! *[Ketawa]*

Dato' Haji Badruddin bin Amiruldin: Hak ini, saya ingat saya beri jawapan bertulis kat Yang Berhormat no? *[Ketawa]*

Dr. Nungsari bin Ahmad Radhi: *[Bangun]*

Tuan Pengerusi [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Balik Pulau bangun ya.

Dato' Haji Badruddin bin Amiruldin: Ya.

Dr. Nungsari bin Ahmad Radhi: Tuan Pengerusi, penjelasan. Saya sangat bersetuju tentang apa yang dikatakan Yan dari segi liputan persidangan Dewan Rakyat yang kita dapati memang tak berapa berpuas hatilah. Tetapi, yang boleh kita 'control' itu daripada apa yang boleh dibuat menerusi Kementerian Penerangan, menerusi Jabatan Penerangan dan sebagainya, tetapi satu lagi, fasal dok bercakap fasal Parlimen ini, mungkin yang bersangkutan dengan media cetak ini, kalau Ahli Yang Berhormat hendak tambah sedikit apa Yang Berhormat tanya ini, bilik Press yang untuk Press core yang cover Parlimen ini pun agak dalam kedudukan yang daif. Mungkin sebab itu kot, depa yang Press core ini, depa punya coverage fasal Parlimen ini, satu muka ataupun setengah muka sahaja setiap hari, sebab mungkin keselesaan depa, kemudahan bilik Press itu pun cukup teruk.

Mungkin Ahli Yang Berhormat, kalau bersetuju dalam perkara ini, kita perbetulkan sedikit, bagi elok bilik Press itu. Teruk sangat nampaknya!

Dato' Haji Badruddin bin Amiruldin: Hak itu esok Press kena cover balik itu, bubuhlah gambar Yang Berhormat kita! *[Ketawa]* Gambar dia pun jarang-jarang naik! *[Ketawa]*

Tuan Pengerusi, jadi, memang betullah banyak! Macam Press makin sehari makin banyak. Jadi, tempat itu 'cramp'. Jadi, bila 'cramp' tempat macam itu, macam mana kita hendak buat kerja? Jadi, benda ini kenyataan, benda ini benda buat kerja dengan baik. Kadang-kadang kita tengok office pegawai, ketua eksekutif, kerusi dia itu 'berendam', fasal apa, hendak beri dia duduk senyap-senyap, dia boleh fikir idea mai. Kalau kerusi pun hok, hek, hok hek, dia tak boleh hendak fikir. Hendak jaga kerusikah, hendak fikirkah? Jadi, yang itu masalah. Jadi, kita kena perelok. Saya bersetuju dengan Press ini.

Tuan Pengerusi, sebenarnya, Press ini cover banyak di dalam Parlimen ini daripada TV. TV3 tak cover langsung Laporan Dewan Rakyat! Hai! Larut tengok, segak bukan main, sungguh pun tua, rambut ni, tetapi segak! Kan? *[Ketawa]* Ha!

Dato Haji Hanafi bin Ramli: Yan, boleh beri jalan lagi?

Dato' Haji Badruddin bin Amiruldin: Bangun lagi! Sila.

Tuan Pengerusi [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Ya. *[Ketawa]*

Dato Haji Hanafi bin Ramli: Tuan Pengerusi, adakah Yang Berhormat bersetuju bahawa Press ini mereka pun buat cover cukup banyak yang ditulis ini. Tetapi, bila mereka balik pi ke pejabat mereka, ruangan di surat khabar itu ada separuh sahaja daripada satu muka surat khabar itu yang dikhaskan untuk Laporan Parlimen. Saya pun bercakap 18 muka surat, isu tak ada apa pun! *[Ketawa]* Tetapi, tak apalah Tetapi, saya nasib baiklah, saya cyclostyle balik benda itu hantar semua kepada ketua-ketua cawangan apa yang saya bercakap. *[Ketawa]* Jadi, Yang Berhormat bersetuju atau tidak supaya kawan-kawan kita di Press ini kalau mai hendak lapor fasal Parlimen ini, berilah dua, tiga muka surat kepada mereka. Ini sekerat muka surat sahaja. Bersetuju atau tidak, Yang Berhormat? Kasihan kepada mereka. Mereka pun tulis segala berita, tetapi bila hendak balik ke sana, member di sana pukul 5.30 petang dia meeting sama-sama pengarang, dia kata: "Ini tak important, hak Yan sahaja yang important, hak yang lain tak important". Dia siar hak Yan sahajalah.

Dato' Haji Badruddin bin Amiruldin: Memang betul Tuan Pengerusi, benda sekerat ini Tuan Pengerusi, bukan sedap, dia tidak seronok. Jadi, buatlah kalau boleh satu muka, cover Persidangan Dewan Rakyat di semua surat khabar. Pertamanya orang akan beli, orang kampung akan beli, rakyat akan beli, hendak dengar apa persidangan hari ini, apa keputusan hari ini, apa menteri jawab hari ini?

Begitu juga dengan TV, kalau keluar saya kerat, saya pun akan 'book' 100 hantar ke cawangan, bagi kepada orang-orang kita di cawangan. Kita beli, kita bagi benda-benda macam ini, saya puashati dengan press tetapi kalau boleh perbesarkan lagi. *Tamil Nesan* pun bagus, dia cover, hak saya dia cover juga, sungguhpun saya tidak reti baca, saya cari translator....

Tuan Akbarkhan bin Abdul Rahman: *[Bangun]*

Tuan Pengerusi [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Yang Berhormat, Libaran bangun.

Dato' Haji Badruddin bin Amiruldin: Sibuk sedikitlah Tuan Pengerusi, tapi tidak apalah.

Tuan Akbarkhan bin Abdul Rahman: Terima kasih. Saya hendak bertanya kepada wakil rakyat, penjelasan. Apa pendapat Yan, berkenaan dengan masa yang singkat, yang diagih-agihkan kepada wakil rakyat, ada yang 3 minit, adalah yang 5 minit untuk membahas ucapan Belanjawan baru-baru ini? Terima kasih.

Tuan Pengerusi [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Lebih-lebih dari 5 minit Yang Berhormat. *[Ketawa]*

Dato' Haji Badruddin bin Amiruldin: Terima kasih, Tuan Pengerusi. Memang Tuan Pengerusi, kadang-kadang kami berasa kecil hati juga. Masalahnya Tuan Pengerusi, rakyat kata kami tidak buat kerja, sebab itu baru-baru ini pun dia adjust RM90 sahaja naik. *[Ketawa]* Rakyat kata eloklah RM90.00 sebab kita pun bukan buat kerja sangat.

Jadi, Tuan Pengerusi, kita beri peluang, saya bersetuju macam beri kepada ketua pembangkang 1 jam, ini sampai tiada had, cakap kadang-kadang sampai yang bukan-bukan pun dia cakap, jadi berilah kepada orang lain. Kalau 20 minit, Tuan Pengerusi, macam saya ini, 20 minit baru mukadimah, itu tidak sampai pokok lagi, baru mukadimah 20 minit. Sudah fesyen macam itu, macam Pokok Sena memang mengaji macam itu, sebelah Kedah ini kalau bercakap macam itu. Kalau Timbalan Menteri Kewangan, mukadimah dia pun setengah jam, itu Timbalan Menteri Kewangan. Jadi, Tuan Pengerusi, kita berilah sama rata, kadang-kadang kita pakai lompat Tuan Pengerusi, cukup teruk punya lompat. Tunjang lompat empat, lima hari, dapat sekejap, lepas itu surat khabar pula tidak cover, letih! Jerlun, letih Jerlun! Lompat 5 hari Tuan Pengerusi, boleh 20 minit, surat khabar tidak cover, embarassing close style. *[Ketawa].*

Jadi, Tuan Pengerusi, inilah nasib wakil rakyat. Jadi, saya haraplah Tuan Pengerusi, boleh atur elok-elok, kemudian beri masa sama, cukup 30 minit ke, kadang-kadang 10 minit. Tuan Pengerusi, 10 minit ini...

Wan Hanafiah bin Wan Mat Saman: *[Bangun]*

Tuan Pengerusi [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Yang Berhormat, Pokok Sena bangun.

Wan Hanafiah bin Wan Mat Saman: Tuan Pengerusi, saya hendak minta penjelasan dan pendapat dari Yan sebab dia sebut nama saya tadi. Berhubung dengan soalan tambahan, selain daripada ucapan, masa yang singkat, soalan-soalan dalam parlimen, kita diminta menghantar 20 soalan sebelum Parlimen bersidang, selepas itu sehari dekat 50, 60 soalan, yang dijawab hanya 10 soalan. Jadi, bagaimana pendapat Yang Berhormat Yan, kalau kita cadangkan supaya soalan ini kalau persidangan itu dua bulan, minta dalam seminggu, satu cukuplah. Tiap-tiap ahli hantar 8 soalan, jadi satu minggu satu soalan, jadi adalah peluang semua orang ini. Jadi, ini kadang-kadang soalan kita sampai nombor 50.

Lagi satu, saya hendak tanya Yang Berhormat, bagaimana pendapat Yang Berhormat tentang jawapan soalan-soalan tambahan. Adakah Yang Berhormat dalam keadaan sekarang ini, menteri jawab 2 soalan tambahan, sudahlah datang lama-lama sekali, kita mintalah supaya Standing Order kita itu ditukar, supaya apabila menteri jawab boleh 3 soalan tambahan, Timbalan Menteri - dua, Setiausaha Parlimen - dua, dan kalau Perdana Menteri datang, beri 4 soalan tambahan. Sebab saya sudah bangkit perkara ini, macam di England, bukan kita hendak itu, tetapi seminggu sekali, Perdana Menteri jawab satu jam, 'appoinment of the day'. Jadi, kita beri peluang sebab bila Perdana Menteri datang, masing-masing hendak tanya soalan. Macam mana pendapat Yang Berhormat?

Dato' Haji Badruddin bin Amiruldin: Saya memang bersetuju dengan Pokok Sena, Tuan Pengerusi. Lagi pun tidak setuju duduk sebelah dia, susah saya. Memang Tuan Pengerusi, memang macam itu, kadang-kadang Tuan Pengerusi, kita lompat, soalan baik, cuma kadang-kadang saya minta hendak jawab itu, kalau mereka tidak tahu hendak jawab, jangan kata perkara itu baik dan kita akan ambil tindakan ataupun pandangan Yang Berhormat itu baik dan kementerian akan ambil tindakan, tetapi tidak ambil pun. Lepas di sini sahaja, yang itu pula tidak kena.

Jadi, kita pun perit juga, kalau pekena sesama kawan, tidak patutlah. Jadi, yang mana boleh jawab, jawab, kalau tidak boleh jawab, beritahu sahajalah tidak bersedia dan inysa-Allah kita akan beri jawapan secara bertulis dan sebagainya. Kadang-kadang mereka 'prepare' tiga, satunya, soalan itu soalan yang baik, kementerian akan ambil tindakan. Satu lagi, pandangan Yang Berhormat itu, pandangan yang cukup baik, kita akan ambil tindakan. Dok buat macam itu, jadi, dia tidak berapa hendak kemas.

Jadi, Tuan Pengerusi, tidak apalah, di Parlimen pun banyak sudah bercerita, jadi saya hendak pergi kepada Bahagian Hal Ehwal Islam - 050000. Tuan Pengerusi, saya pertamanya mengucapkan syabas kepada Jabatan Perdana Menteri kerana hari ini telah banyak mempertingkatkan syiar Islam di tanah air kita ini. Cuma yang ingin saya tegaskan di sini ialah Tuan Pengerusi, dari segi untuk menyelaraskan Majlis-Majlis Agama Islam di peringkat negeri-negeri selaras dengan pusat supaya pentadbiran itu dapat berjalan dengan baik, peruntukan dapat disalur dengan secukupnya dan ini akan dapat memudahkan.

[Tuan Pengerusi (Tuan Ong Tee Keat) ***mempengerusikan mesyuarat]***

Kita katalah macam masalah poligami, Tuan Pengerusi, yang mana wanita-wanita membangkitkan tentang poligami. Jadi, benda ini Tuan Pengerusi, sudah tercatat dalam Al-Quran, kita tidak boleh pertikaikan langsung. Kalau kita mampu, adil dan sebagainya, kita layak. Yang orang perempuan, dok merungut hari ini kerana keadilan...

Dato' Dr. Haji Jamaluddin bin Dato' Mohd. Jarjis: *[Bangun]*

Tuan Pengerusi [Tuan Ong Tee Keat]: Yang Berhormat....

Dato' Haji Badruddin bin Amiruldin: Ya.

Tuan Pengerusi [Tuan Ong Tee Keat]: Rompin bangun.

Dato' Dr. Haji Jamaluddin bin Dato' Mohd. Jarjis: Saya hendak minta penjelasan dengan Yan tentang poligami, saya pun tidak pakar dalam perkara ini. Saya hendak tanya Yang Berhormat, adakah Yang Berhormat menyokong konsep poligami? Pertama. Kedua, adalah telah mempraktikkan sokongan terhadap poligami? *[Ketawa]*

Dato' Haji Badruddin bin Amiruldin: Tuan Pengerusi, sebenarnya macam yang saya kata tadilah, dalam Islam dia boleh dengan syarat-syarat; pertamanya, mampu, adil dan sebagainya. Setengah dia kata, dia sudah menikah dengan yang tua 25 tahun, jadi menikah muda ini kena kerap di rumah muda kerana 25 tahun duduk hak tua, ini hendak balance bagi adil balik. Bukan macam itu! *[Ketawa]* Bukan macam itu, dia hendak cover 25 tahun yang muda, yang tua itu aniayalah.

Jadi, saya masih "seorang" Tuan Pengerusi, saya hendak beritahulah, hendak declare saya punya ini, saya "seorang". *[Ketawa]* Jadi, makna declare aset sayalah, "seorang". Jadi, Tuan Pengerusi .....

Tuan Pengerusi [Tuan Ong Tee Keat]: Yang Berhormat, diminta padatkan ucapan. Sebab kita berada di peringkat jawatankuasa.

Dato' Haji Badruddin bin Amiruldin: Ya, dalam Jawatankuasalah.

Tuan Pengerusi [Tuan Ong Tee Keat]: Sudah lama Yang Berhormat berucap.

Dato' Haji Badruddin bin Amiruldin: Yang ini pun Tuan Pengerusi, kalau peluang yang baik, boleh, Tuan Pengerusi, empat Tuan Pengerusi. Jadi, Tuan Pengerusi, dia macam ini, saya hendak Jabatan Agama Islam, mahkamah-mahkamah syariah ini, depa kena cepatkan kes.

Saya simpati, Tuan Pengerusi, saya simpati dengan orang perempuan. Kadang-kadang bila suami itu tinggal, dia nyong pi lagu tu aje, makan minum anak tidak ambil tahu. Kadang-kadang tinggal anak sampai empat, lima, emak ini hendak suap dengan apa? Kalau ada ibu bapa - silalah Y.B. Menteri - ketua wanita sudah masuk - jadi, saya kena cerita semula, saya hendak bela wanita, Tuan Pengerusi. *[Ketawa]*

Jadi, Tuan Pengerusi, kena adil. Sebenarnya Islam sudah kata, Islam ini agama yang paling baik, jadi keadilan ada, cuma kadang-kadang manusia itu sendiri yang membuatkan benda itu jadi haru-biru.

Jadi, kadang-kadang Tuan Pengerusi, bila kes cerai-berai ini, mahkamah syariah untuk menyelesaikan kes itu makan sampai empat, lima tahun. Hendak pergi cari orang itu tidak dapat, hendak cari suami itu tidak dapat, hilang pergi mana. Sedangkan hari ini, kalau kita kata kita tidak boleh trace orang itu dari mana Tuan Pengerusi, cukup pelik pasal apa, kita pergi EPF, kita beri nombor kad pengenalan, kita tekan komputer, dia keluar dia tahu dah, orang ini kerja di mana.

Jadi, yang menjadi mangsa ini isteri dan juga anak-anak. Inilah, bila anak-anak, rumahtangga haru-biru, anak-anak pun mulalah terlibat dengan dadah dan sebagainya. Jadi, jenuhlah Kementerian Belia dan Sukan hendak buat segala Rakan Sukanlah, rakan itu, rakan ini.

Jadi masalahnya, masalah rumahtangga. Jadi, saya harap kalau boleh Jabatan Agama Islam percepatkan kes ini, jangan tangguh-tangguh, ataupun saya mencadangkan kalaulah suami itu hendak tinggal isteri, hendak ceraikan isteri dia, sebelum hendak keluar surat cerai itu, Pejabat Agama itu kena 'confirm'lah, pendapatan awak banyak mana, tiap-tiap bulan hendak beri pada isteri, anak-anak sekian banyak, minta kelulusan daripada jabatan tempat dia kerja itu siap-siap. Jadi, kalau dia tinggal pun, kawan ini boleh hidup, kalau dia tidak boleh hidup macam mana Tuan Pengerusi, haru-biru. Katalah anak biasa makan nasi sehari 2, 3 kali. Bila bapak tinggalkan mak, tidak ada apa, macam mana hendak beri anak dia makan. Jadi, ini kalau jadi macam itu, tidaklah ada keadilan, sedangkan Islam itu adalah agama yang cukup baik, adil dan sebagainya.

Jadi, sebenarnya tentang poligami ini tidak usah kita pertikaikan, tetapi yang kita hendak pertikaikan adalah pentadbiran supaya pentadbiran ini dapat dijalankan dengan sebaik mungkin, supaya keadilan dapat kita beri, maka tidak wujudlah segala kerja yang tidak elok.

Tuan Pengerusi, saya hendak mengucapkan berbanyak terima kasih kepada Yang Amat Berhormat Menteri Besar Perlis bekas Member of Parliament kawasan Arau. Dia menjadi Menteri Besar terus dia melantik Mufti Negeri Perlis duduk sebagai Exco dalam kerajaan negeri dan menasihati (advise) dia. Hari ini Perlis dari segi perkembangan syiar Islam cukup baik. Jadi, Tuan Pengerusi, saya berharap negeri-negeri lain macam itulah - lantiklah Yang di-Pertua Majlis duduk sebagai Exco untuk menasihati pentadbiran kerajaan bagaimana kita hendak mentadbirkan supaya dia tidak lari daripada konsep Islam sebagai agama rasmi negara kita ini.

Tuan Pengerusi, pentadbiran perlu diperkemaskan, kalau tidak sampai bila orang-orang perempuan dia tidak benarkan suaminya bernikah seorang lagi, dia tidak beri, dia takut kita tinggal. Tetapi kalau sudah adil macam ini, dia kata 'tidak apalah abang hendak pergi - pergilah ataupun "cik" tolong cari satu lagi beri pada abang'. Kita pun lapanglah dada. Ini kadang-kadang dengar kawan kita bernikah dua, televisyen di rumah kita pecah dah! Itu kawan yang bernikah, belum kita lagi. *[Ketawa]* Ha! Saya tidak apa orang rumah saya understanding, Tuan Pengerusi, tetapi saya disiplin, saya hormat isteri saya. Macam Yang Berhormat dari Parit kata, kalau kita tidak mahu beri isteri cemburu, kita selalu manjakan isteri kita. Kalau di masa muda kita boleh hidup dengan dia, mengapa bila sudah 'ranum' kita hendak tinggalkan dia. *[Ketawa]* Jadi, kita kena bersamalah dengan dia.

Seorang Ahli: Ranum apa?

Dato' Haji Badruddin bin Amiruldin: 'Ranum' itu 'tua'. *[Ketawa]* Cuma Tuan Pengerusi, kadang-kadang,.....

Seorang Ahli: *[Menyampuk]*

Dato' Haji Badruddin bin Amiruldin: .....kadang-kadang, Tuan Pengerusi, orang lelaki ini bukan apa, dia hendak ringankan beban isterinya, itu sebabnya dia bernikah seorang lagi. Itu sahaja, Tuan Pengerusi, hendak meringankan. Sepatutnya isteri kena fahamlah.....

Tuan Pengerusi [Tuan Ong Tee Keat]: Yang Berhormat saya rasa, yang itu cakap dasar.

Dato' Haji Badruddin bin Amiruldin: Dasarlah ini.

Tuan Pengerusi [Tuan Ong Tee Keat]: Tetapi sekarang ini kita berada dalam peringkat Jawatankuasa. *[Ketawa]*

Dato' Haji Badruddin bin Amiruldin: Dasar rumahtangga, Tuan Pengerusi. *[Ketawa]*

Tuan Pengerusi [Tuan Ong Tee Keat]: Okaylah itu.

Dato' Haji Badruddin bin Amiruldin: Okay, Tuan Pengerusi, fasal nikah tidak boleh cakap banyak.

Tuan Pengerusi, lagi satu saya hendak sentuh agama Islam iaitu projek-projek agama, pengubahsuaian masjid dan sekolah-sekolah agama. Seperti yang kita tengok kadang-kadang sekolah-sekolah agama ini agak ketinggalan dan kita dapati banyak sekolah agama rakyat ini terbakar di sana-sini dan sebagainya. Jadi, saya berharaplah pihak kementerian khasnya Jabatan Perdana Menteri akan memberi peruntukan yang lebih. Kita perelokkan sekolah-sekolah ini, kerana saya percaya penuh kalau kita dapat serapkan pendidikan Islam yang sebaik-baiknya kepada anak-anak muda kita, anak-anak kita di sekolah ini, insya-Allah apabila mereka besar, mereka akan menjadi anak yang baik, mereka

tidak akan 'rambu' tidak akan huru-hara, tidak akan hisap dadah dan sebagainya kerana asas agama itu ada.

Tuan Pengerusi, setiap agama dia tidak ajar atau menyuruh penganutnya membuat perkara yang tidak elok, semua suruh buat perkara yang elok. Jadi, kalau di sekolah itu sendiri tidak diberi satu keselesaan, maka yang susah nanti adalah anak-anak ini. Mereka mengatakan kalau kita pergi kepada pendidikan agama, masa depan kita tidak akan ke mana. Kita tidak boleh menjadi pengarah ataupun tidak boleh menjadi ketua eksektif itu, ini kerana terhad. Bagi saya kalau seorang itu mempunyai pendidikan agama yang baik, katakanlah pergi ke Universiti Islam Antarabangsa atau di universiti Islam di tempat lain, apabila dia keluar, kita hantar dia berkursus setahun di INTAN dia akan menjadi seorang pegawai tadbir yang cukup baik, kerana dia ada background pendidikan agama. Dia tahu, takut, tahu tanggungjawab dia, khidmatnya kerana Allah S.W.T., dia akan dipersoalkan, macam Yang Berhormat dari Larut dia berpendidikan Kolej Islam, tengok bila dia naik jadi Pemangku Tuan Yang di-Pertua, 'cenggeh' bukan main, tetapi tegas.....

Seorang Ahli: Alim!

Dato' Haji Badruddin bin Amiruldin: ..... alim. Cuma hendak perbetul sahaja 'jual karpet besar, trade in karpet kecil'. Itu silap besar dia bercakap macam itu. *[Ketawa]*

Lagi satu, Tuan Pengerusi, masjid-masjid ini perlulah diberi perhatian, kadang-kadang kita tengok masjid-masjid ini yang berada di kawasan-kawasan bandar macam di Kuala Lumpur atau di bandar-bandar besar peruntukannya banyak. Kalau hari Jumaat mereka sorong kotak itu boleh dapat beratus ringgit, beribu pun ada. Kalau macam di kampung saya Tuan Pengerusi, sorong tong itu bunyi 'keceng-keceng' duit syiling yang bising, tidak upayalah, mereka buat bendang, pergi ke laut hendak cari duit macam mana? Mereka kata hendak makan pun tidak cukup, jadi mereka hendak derma pun tidak mampu. Oleh itu, saya berharaplah Jabatan Agama Islam ini untuk memperelokkan masjid, macam di kawasan saya itu masih banyak masjid yang perlu dibina tetapi peruntukan terhad. Jadi, saya kira perkara ini pun perlu kita pertingkatkan. Tuan Pengerusi, Kerajaan Negeri Kedah hari ini dia hendak buat masjid sebagai tempat budak-budak atau students ini pergi belajar, kerana kalau orang susah ini rumah dia kecil, tidak selesa untuk anak-anak belajar. Jadi kita hendak beri budak-budak ini belajar di kelas malam di masjid dan gunakan masjid itu sepenuhnya. Adakan khutubkhanah dalam masjid supaya budak-budak ini akan dapat belajar mentelaah pelajaran mereka dengan baik dan mendekati masjid. Jadi, masjid ini boleh kita guna, banyak boleh digunakan masjid supaya ia akan membawa satu manfaat kepada rakyat. Oleh yang demikian, kita perlu beri peruntukan yang sebaiknya kepada masjid.

Tuan Pengerusi, berkaitan dengan perumahan Polis DiRaja Malaysia Maksud P.7, Butiran 08500. Kita kadang-kadang melihat polis ini kalau tidak ada mereka negara kita tidak aman, orang berniaga pun tidak boleh berniaga dengan elok. Kalau mereka tidak jaga keselamatan, orang akan kidnap anak orang-orang kaya habis! Jadi, kalau polis tidak berdiri di pekan Kuala Lumpur ini "jam" habis, walaupun ada traffic light, ada komputer itu-ini, dia kena ada polis juga. Tetapi Tuan Pengerusi, kadang-kadang kita kasihan pada polis ini, rumah mereka di Kuala Lumpur di kawasan-kawasan besar, hendak gaji berapa banyak? Jadi saya haraplah supaya kerajaan memperbanyakkan rumah-rumah untuk pegawai-pegawai polis yang tidak berpangkat dan sebagainya supaya mereka dapat tempat yang selesa sedikit. Kadang-kadang kita naik kereta diwaktu hujan, tetapi mereka duduk di tengah-tengah hujan, kontrol trafik, bila tengahari 'dik - dik' dalam panas, Tuan Pengerusi.

Seorang Ahli: Bik! Bik!

Dato' Haji Badruddin bin Amiruldin: Kemudian terkena asap kereta, lori dan sebagainya. Jadi, perkara ini Tuan Pengerusi, kita kena timbang dan saya harap kalau boleh Jabatan Perdana Menteri, peruntukan untuk perumahan Polis DiRaja Malaysia ini perlu dipertingkatkan. Bila kita ada Ibu Pejabat Kontinjen Polis, kita beri cukup perumahan mereka. Kadang-kadang mereka pergi menyewa rumah di kampung, kalau terjadi emergency hendak panggil mereka mana dan! Mereka tinggal di rumah kampung macam di kawasan saya itu, rumah tidak ada lagi, jadi dia duduklah di ceruk sana, di ceruk ini. Bila ada emergency hendak kena panggil orang itu.

Jadi, Tuan Pengerusi, perumahan mereka itu berilah cukup supaya polis akan merasa puashati, seronok. Bila mereka seronok bekerja kita boleh tengok keamanan akan berterusan di negara kita ini, mereka telah banyak berkorban. Begitu jugalah tentera. Tentera ini kita nampak sudah banyak perubahan, rumah-rumah mereka sudah banyak kerajaan buat.

Tuan Pengerusi, satu yang last mengenai JPA. JPA ini saya haraplah kalau kita buat skim gaji mereka, berilah sama rata. Macam doktor, macam engineer kadang-kadang mereka ketinggalan dari skim gaji, kenaikan pangkat dan sebagainya. Kadang-kadang PTD itu dia fikir hak dia sahaja, dia terlupa, bukan dia tidak fikir, dia terlupa sebab ramai. Jadi, kita pun kasihanlah pada mereka itu, itulah sebabnya kadang-kadang doktor dia sanggup tinggalkan khidmat jadi doktor ini, dia buka klinik sendiri ataupun dia kerja dengan swasta kerana pendapatan mereka lebih lumayan. Kita rugi, Tuan Pengerusi, sebab kita didik mereka, kita hantar mereka belajar luar negeri, kemudian bila sudah qualified balik berkhidmat dan cukup term pinjaman mereka, mereka pun berhenti. Jadi, sampai bila kita kena asuh ini, akhirnya Tuan Pengerusi, kita kena ambil doktor dari luar, jururawat dari luar negara kita. Kadang-kadang mereka tidak tahu bercakap bahasa kita, bila tidak tahu bahasa, maklumlah kalau di sebelah pekan ini, kita bolehlah faham, tetapi di sebelah kampung Tuan Pengerusi, dia suruh nganya mulut, kawan ini sua telinga.

Jadi, tidakkah kelam kabut? Jadi, hak ini yang menjadi masalah, Tuan Pengerusi. Macam hospital daerah saya, ini sepatutnya doktor ada sepuluh, la ni tinggal lima. Mana nak dan cover! Hak mana out-patient, hak mana in-patient, hak mana yang nak beranak, hak mana yang macam-macam. Jadi, ini masalahnya dan saya harap kalau boleh skim gaji depa ini kalau tidak boleh sama, kita buat skim gaji macam polis, tentera - ada skim gaji dia. Guru-guru ini buat skim gaji guru, khas untuk guru-guru supaya mereka pun mendapat nikmat daripada pertumbuhan ekonomi negara kita ini.

Saya juga mencadang, Tuan Pengerusi, kalau boleh Pegawai Pentadbir Negeri ini kita mansuh. Kita jadikan satu sahaja, Pegawai Pentadbir Persekutuan supaya senang kita menyelaraskan. Kalau dia ada di bawah Perkhidmatan Negeri, ini kadang-kadang susah kita nak control dia. Dia dengan kepala angin dia, kadang-kadang pukul 3.45 petang dah usung kayu golf, kita hendak tegur - depa pegawai tinggi. Hak dalam Parlimen ini daklah, tentu mereka mai kerja sampai pukul 8.00, 9.00 malam, saya pun terima kasih. Tidak ada mereka pun kita susah. Setengah-setengah di pejabat daerah, D.O, Tuan Pengerusi, pukul 3.45 petang sudah hantar. Duduk di Alor Setar berkhidmat di Yan atau pun duduk di Alor Setar - rumah di Alor Setar berkhidmat di Sungai Petani berulang; kalau ada mesyuarat di Alor Setar, petang tak pergilah ke pejabat. Orang kampung tunggu hendak jumpa, last sekali mereka maki wakil rakyat, sedangkan yang tidak pergi kerja - pegawai. Jadi, wakil rakyat ni dok jadi punching back, dok tahan sahajalah, tidak tahan pun - kerajaan.

Jadi, yang inilah saya harap selaraskan, pegawai tadbir selaraskan seluruh Malaysia supaya kita dapat selaraskan perjalanan sistem kerajaan kita hari ini.

Jadi, itulah Tuan Pengerusi, saya harap macam MARA semakin hari semakin besar la ni. Tenaga kerja, dok banyak tu juga, bila kita nak minta tambah, JPA kata "yang nu tak kenalah, yang ni.....", kemudian hendak lulus satu-satu tu pasal pegawai makan masa sangat. Zaman la ini, Tuan Pengerusi, zaman moden dah, zaman Internet dan macam-macam, takanlah kerana zaman itu, kita hendak rekrut seorang-orang pun susah sangat. Macam MARA ini, Tuan Pengerusi, sudah berkembang cukup besar perlu tambahkan, jadi JPA yang dok jaga staf-staf ini kalau tidak cukup, kena berilah.

Bila kakitangan tidak cukup ia akan timbul masalah, masa itu perkhidmatan dia tak akan elok. Bila perkhidmatannya tak elok rakyat marah, bila rakyat marah - marah pada siapa? Pada kerajaan. Jadi, yang ini kita kena tegurlah sedikit, keseluruhannya saya merasa puas hatilah dengan JPA cuma kalau boleh pihak JPA, student-student kita di luar negeri itu penaiklah sikit elaun depa. Depa pun teruk, setengah-tengah kawasan, biasa bawa teksi untuk cari duit tambah. Atau depa kerja di fast food restaurant atau menjadi bell boy dan sebagainya. Jadi, kita kadang-kadang merasa pelik juga, bila kita pi satu-satu negara orang kata "Malaysia bagus" - tidak tahu student kita angkat beg orang di hotel di luar negeri. Dia angkat-angkat rupanya beg kita, " Encik mai mana?" tengok macam muka Melayu Malaysia, dia habak dia mai dari Malaysia. "Awat kerja ini?" "Tak cukup", dia kata.

Dan saya biasa, Tuan Pengerusi, bila saya sebut kepada satu pegawai, bila saya kata suruh penaik sikit, ini pegawai dari Kementerian Kewangan. Saya hendak habaklah, saya biasa dok dalam 'board'; bila saya kata kena penaik sikit. Dia kata, "Suruhlah mak, pak hantar semua, hendak harap kerajaan semua, mana boleh?" Tuan Pengerusi, kalau mak, pak dia pergi ke laut, buat bendang, menoreh getah, tanam sayur kampung, Tuan Pengerusi, agak-agak berapa paun boleh hantar anak dia ke London. Dia hendak makan tengah hari sat ni pun tak tentu lagi, kalau laut tak elok.

Jadi, kita pegawai kadang-kadang kita ada sedikit keprihatinan, kadang-kadang kita merasa bila kita berpangkat besar - kita lupa dah, kita berasa kita dah besar, kita rasa kita dah jadi orang yang boleh membuat keputusan dan kita tidak mahu dengar cakap pegawai-pegawai bawah. Jadi, yang ini pun masalah, Tuan Pengerusi. Dia jadi kepala besar. Bila jadi kepala besar, saya takut satu hari nanti dia besar-besar betul dia terangkat naik kepala tu.

Jadi, saya haraplah dengan pegawai-pegawai ini, tahun ini dapat bonus bagus. Sebenarnya, bonus Tuan Pengerusi saya seronok, bila pegawai-pegawai kerajaan dapat bonus, pasai yang ini khidmat mereka kepada rakyat, khidmat mereka pada kerajaan. Dan kebanyakan pegawai yang dapat bonus tu dia bukan nak belanja apa, Tuan Pengerusi, dia nak beli baju anak-anak sekolah. Dia bukan nak pi mana.

Jadi, saya harap tahun depan pun kalau ada rezeki buat kerja elok-elok, kerajaan untung bagus depa naik bonus. Kami wakil rakyat ni sokong banyak kalau bagi bonus pada pegawai kerajaan ini; tang wakil rakyat tak dapat bonus tak apa. Sebenarnya kita tak kira sangat asalkan pegawai-pegawai kerajaan dapat bonus, guru dapat bonus, tang kami kalau penaik elaun sikit, buat pilah. *[Ketawa]* Tak banyak, sikit-sikitlah. Bila-bila nak sambut puasa ini, puasa dah hampir dekat dah. Bila puasa dekat maklumlah, Tuan Pengerusi, kenduri tiap-tiap malam buka puasa dan bila saya bercakap ini termasuk Tuan Pengerusi sendirilah.

Tuan Pengerusi [Tuan Ong Tee Keat]: Yang Berhormat, sila gulung. Walau pun tidak ada had masa lagi. Ambil masa begitu panjang, Yang Berhormat.

Dato' Haji Badruddin bin Amiruldin: Baru mukadimah. Ini masalah rakyat, Tuan Pengerusi. Jadi, hak tu lah saya pun tak mau cakap panjang, Tuan Pengerusi pun cukup adil dengan saya. Jadi, saya haraplah apa yang saya sarankan ini, Tuan Pengerusi, adalah untuk kebaikan dan saya harap semua pegawai-pegawai kerajaan kita berkhidmatlah dengan jujur dan ikhlas kepada kerajaan dan pentingnya ialah rakyat. Kita di sini, kita ada kementerian kerana rakyatnya menyokong kita. Kerajaan kita adalah kerajaan rakyat - kerajaan yang berjiwa rakyat. Jadi, kita kena balas balik budi rakyat, bila pegawai kerajaan dapat bonus, Tuan Pengerusi, hak yang pi ke laut dia tak ada bonus. Kot hujung tahun ikan nak dapat lebih - tak dak. Kot ikan nak timbul banyak kerana pegawai kerajaan dapat bonus, depa dapat bonus, dengan itu ikan banyak - dak. Hak buat bendang kalau sepuluh relung pun belum tentu dia dapat.

Jadi, kita bersyukur jangan dok kompelin lagi kerana apa yang kita dapat ini adalah rahmat daripada Tuhan kat kita. Jadi, Tuan Pengerusi, saya dengan mengucapkan terima kasih.

Tuan Pengerusi [Tuan Ong Tee Keat]: Jelutong

5.30 ptg.

Tuan R. Karpal Singh [Jelutong]: Terima kasih, Tuan Pengerusi. Tuan Pengerusi, saya rujuk kepada Maksud Bekalan 7, Butiran 010000, 020000, 040000 dan 060000, dan dengan itu saya mengambil Maksud Bekalan 7, Butiran 150000 - Mahkamah Persekutuan.

Tuan Pengerusi, apabila menjawab ucapan-ucapan yang dilafazkan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat dalam Dewan yang mulia ini, pada 13hb. bulan ini, apabila Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri atas ucapan kes Arulpragasan, atas ucapan yang ada dibuat oleh beberapa Ahli-ahli Yang Berhormat termasuk saya, tetapi apabila jawab di muka surat 51 Penyata Rasmi Parlimen, beliau rujuk kepada apa yang dinyatakan oleh Yang Berhormat dari Machang. Di sini, ada hanya dua perenggan, dua perenggan di mana Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri merujuk kepada kes Arulpragasan. Apa yang ada dikatakan oleh dia adalah hasrat kerajaan melalui Jabatan Peguam Negara, dan ini ada dicadangkan oleh Jabatan Peguam Negara bahawa bagi *prima facie,* kembali kepada tafsiran yang ada dalam Kanun Acara Jenayah.

Saya hairan bagaimana Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri, seorang yang bukan lawyer, walaupun ada beberapa orang lawyer di kalangan menteri - ada seorang yang duduk di sana, tidakkah ada apa-apa nasihat diberi kepada Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri.....

Tuan Noh bin Omar: *[Bangun]*

Tuan Pengerusi [Tuan Ong Tee Keat]: Yang Berhormat Tanjong, nanti sekejap ya. Tanjong Karang bangun atas point of order. Sekejap ya. Yang ke berapa, Yang Berhormat?

Tuan Noh bin Omar: 35(6).

Tuan Pengerusi [Tuan Ong Tee Keat]: Sebutkan.

Tuan Noh bin Omar: "Seseorang Ahli tidak boleh bercakap berkenaan dengan apa-apa perkara yang ada dalamnya faedah kewangan yang tepat bagi dirinya (selain daripada perkara-perkara gaji

menurut apa-apa syarat dalam Perlembagaan) jika tidak diterangkannya sebanyak mana faedah bagi dirinya dalam perkara itu."

Tuan Pengerusi, saya mendapat tahu kes Arulpragasan ini, Yang Berhormat dari Jelutong menjadi Peguam yang terlibat di dalam kes ini, jadi sudah tentu dia ada interest kewangan. Jadi, macam mana dia boleh bercakap tanpa declare interestnya di dalam kes ini? Saya hendak minta order daripada Tuan Pengerusi.

Tuan Pengerusi [Tuan Ong Tee Keat]: Ya, saya akan buat keputusan.

Tuan R. Karpal Tuan R. Karpal Singh: Tuan Pengerusi....

Tuan Pengerusi [Tuan Ong Tee Keat]: Yang Berhormat dari Jelutong, nanti dahulu. Saya hendak bertanya Yang Berhormat, sama ada apa yang didakwa oleh Yang Berhormat dari Tanjung Karang itu benarkah atau tidak, Yang Berhormat ada terlibat di dalam kes perbicaraan yang berkenaan?

Tuan R. Karpal Singh: Tuan Pengerusi, kes itu sudah tamat. Rayuan sudah berjaya dan Arulpragasan sudah terselamat daripada tali gantung, habis! Kes itu sudah habis.

Tuan Pengerusi [Tuan Ong Tee Keat]: Baik.

Tuan R. Karpal Singh: Tidak ada apa-apa percuniary interest masa sekarang. Tidak ada.

Tuan Pengerusi [Tuan Ong Tee Keat]: Yang Berhormat menyentuh kepada jawapan Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri, itu saya benarkan, tetapi Yang Berhormat jangan sentuh apa-apa sahaja yang bersabit dengan kepentingan kewangan peribadi seperti mana yang dibangkitkan tadi.

Tuan R. Karpal Singh: Tidak ada sangkut-paut, Tuan Pengerusi.

Tuan Pengerusi [Tuan Ong Tee Keat]: Ya, saya beri peringatan.

Tuan R. Karpal Singh: Tidak bersangkut. Tidak payah memberi peringatan kepada saya, Tuan Pengerusi.

Tuan Noh bin Omar: *[Bangun]*

Tuan Pengerusi [Tuan Ong Tee Keat]: Ya, Tanjong Karang bangun lagi.

Tuan Noh bin Omar: Tuan Pengerusi, ini point of order. Macam mana seorang peguam dan seorang yang lama di dalam Parlimen boleh bercakap macam itu dengan Tuan Pengerusi? Keputusan Tuan Pengerusi itu muktamad.

Tuan Pengerusi [Tuan Ong Tee Keat]: Saya sudah buat keputusan, Yang Berhormat.

Tuan Noh bin Omar: Tetapi Yang Berhormat dari Jelutong nampaknya dia macam mengenepikan sahaja keputusan Tuan Pengerusi. Tak bolehlah macam itu.

Tuan Pengerusi [Tuan Ong Tee Keat]: Yang Berhormat, sekiranya beliau tidak akur keputusan yang dibuat itu, sudah tentu saya akan memberhentikan ucapan beliau. Ya.

Tuan R. Karpal Singh: Jawapan yang diberi oleh Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri, apa yang saya nyatakan tadi, nampaknya tidak ada apa-apa nasihat yang diberi kepada Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri kerana jika apa yang dinyatakan olehnya di muka surat 51 dan 52 tidak ada apa-apa makna langsung!

Beliau menyatakan:

"Yang Berhormat dari Machang membangkitkan soal burden of proof atau standard of proof dalam prosedur kehakiman dan keadilan di negara kita. Ini adalah akibat dari kes Mahkamah Persekutuan kes Arulpragasan dan selepas itu, apa yang dicadangkan oleh Peguam Negara dan kerajaan ialah kes tafsiran dan takrif prima facie ini dikembalikan kepada takrif yang asal."

Langsung tidak memahami prinsip dalam kes Arulpragasan! Ini adalah nasihat yang diberi kepada Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri oleh Peguam Negara atau oleh sesiapa menteri yang menjadi peguam atau timbalan menteri - seorang peguam ada di sana. Adakah itu yang diputuskan oleh Mahkamah Persekutuan?

Tuan Pengerusi, apa yang diputuskan dalam kes Arulpragasan adalah keputusan oleh 4 orang hakim. Majoriti 4 minoriti 3 pada 27hb. Julai. Selepas kes ini, ada beberapa kes rayuan dalam Mahkamah Persekutuan yang menunggu keputusan ini. Keputusan ini ada di'reserve'kan, jika saya tidak tersilap, pada 7hb. Februari. Akhirnya, 27hb. Julai kita mendapat keputusan yang ditunggu-tunggu oleh semua badan kehakiman, termasuk peguam.

Apabila kes rayuan dijalankan selepas menunggu keputusan ini dan saya menjadi peguam di dalam kes-kes itu, kali yang pertama selepas keputusan ini, kes rayuan yang dikendalikan oleh Mahkamah Persekuatuan. Apa yang terjadi adalah, Timbalan Pendakwaraya bagi Pendakwaraya sebelum kes

rayuan ini berjalan, ada membuat permohonan bahawa Jabatan Peguam Negara memerlukan 3 bulan untuk meneliti dan memahami keputusan ini. Apa yang menjadi isi kandungan di dalam keputusan yang dibuat oleh 7 orang hakim ini.

Tuan Pengerusi, pada 24hb. Disember 1993, dalam satu kes Khoo Hi Chiang, di sini ada 5 orang hakim yang memutuskan satu isu yang sama. Tidak ada apa-apa perbezaan dengan isu yang ada di hadapan 7 orang hakim ini di dalam kes Arulpragasan. Tidak ada apa-apa yang dibuat oleh Peguam Negara pada masa itu bagi mengadakan keputusan ini. Keputusan oleh lima orang hakim ini tidak sah.

Prosedur itu yang sama dengan Arulpragasan ada menggunakan faedah yang diberi kepada rayuan-rayuan lain dan ada beberapa rayuan yang berjaya di dalam Mahkamah Persekutuan. Kenapa tiga tahun selepas kes Khoo Hi Chiang, terjadi satu krisis di mana 400 kes dibekukan. Tidak ada perbicaraan kerana satu kenyataan umum ada dibuat oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri. Kenapa Yang Amat Berhormat Perdana Menteri membuat keputusan untuk menyatakan bahawa apa yang diputuskan dalam kes Arulpragasan tidak boleh diterima?

Tuan Pengerusi, apa yang diputuskan adalah diputuskan oleh hakim-hakim yang dilantik oleh kerajaan. Kenapa? Adakah apa-apa yang berbau politik dalam perkara ini? Kenapa Yang Amat Berhormat Perdana Menteri, apabila keputusan yang sama diputuskan di dalam kes Arulpragasan dan Khoo Hi Chiang, apabila Khoo Hi Chiang tidak ada apa-apa aduan? Di dalam kes Arulpragasan, Yang Amat Berhormat Perdana Menteri sendiri campur tangan. Ini tugas Peguam Negara untuk membuat satu pengumuman, bukan tugas Yang Amat Berhormat Perdana Menteri. Kenapa dia campur tangan?

Apa yang menghairankan adalah, selepas saya mendapat 6 keputusan daripada 7, kerana Hakim Besar Malaya, Hakim Anuar, sampai hari ini tidak memberi apa-apa alasan kehakiman. Tetapi ada 6. Saya ada menghantar keenam-enam ini ke majalah udang-undang *MLJ, AMR* dan *CLJ,* tetapi sampai hari ini tidak ada diterbitkan oleh mana-mana majalah undang-undang.

Saya mahu mendapat tahu adakah kerajaan campur tangan di sini?

Adakah apa yang terjadi dalam tahun 1986, dalam kes itu di mana saya pun menjadi peguam bagi pihak seorang bernama Daeng Bahar Ismail yang dihentam oleh Tengku Mahmud Iskandar Ibni Sultan Ismail dan anaknya Tengku Ibrahim Ismail. Dalam kes ini satu penghakiman adalah diberi oleh Hakim Yang Arif Harun, saya ada hantar ini kepada majalah undang-undang. Ini tidak ada di 'repeat'kan kerana masa itu Tengku Mahmud Iskandar menjadi Yang di-Pertuan Agong, oleh itu sampai hari ini alasan kehakiman ini tidak masuk dalam buku undang-undang.

Dan adakah dalam perkara Arulpragasan, adakah kerajaan campur tangan untuk menentukan kes ini? Kes ini tidak masuk dalam majalah undang-undang kerana keputusan ini tidak diterima oleh kerajaan. Bagi kepentingan orang ramai, apa yang ada diputuskan dalam kes Arulpragasan ada diputuskan dalam kes Public Prosecutor vs. Chin Yoke pada 20hb. Oktober 1939, saya pun belum lahir. Ini ada dalam buku undang-undang. Prinsip dalam Chin Yoke adalah bahawa satu kes beyond reasonable doubt harus dibuktikan oleh pendakwaan barulah pembelaan boleh dipanggil. Ini bukan satu perkara yang luar biasa. Beyond reasonable doubt kerana ini kes-kes seperti 39(B). Kes-kes pembunuhan melibatkan nyawa, oleh itu beyond reasonable doubt.

Dalam Islam, kes rogol, khasnya, untuk membuktikan satu kes rogol, apa yang saya difahamkan adalah bukti daripada.....

Datuk Haji Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: *[Bangun]*

Tuan Pengerusi [Tuan Ong Tee Keat]: Yang Berhormat, Tasik Chenderoh bangun.

Tuan R. Karpal Singh: Ya.

Datuk Haji Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Tadi, Ahli Yang Berhormat dari Jelutong menyebut berkenaan dengan kes Public Prosecutor lwn. Chin Yoke pada tahun 1939. Ahli Yang Berhormat mengatakan dalam keputusan itu bahawa kaedah yang diambil ialah beyond reasonable doubt. Adakah ini betul? Kalau tidak, boleh Ahli Yang Berhormat sebutkan kes itu kerana saya rasa agak lain sedikit kerana dalam kes Chin Yoke ini *prima facie* sebenarnya.

Tuan R. Karpal Singh: Dalam kes Chin Yoke, apa yang berbangkit ialah tafsiran seksyen 173(f) Kanun Acara Jenayah yang adalah sama dengan seksyen 180 Kanun Acara Jenayah. Sama kerana apa yang melibatkan seksyen 173 dalam mahkamah rendah di mahkamah tinggi adalah seksyen 180. Dalam kedua-dua kes, kes Khoo Hi Chiang dan juga

kes Arulpragasan, Chin Yoke prinsip dalam Chin Yoke ada diikuti. Saya memberi reference 1949 *Malayan Law Journal*, page 47. Barangkali rakan saya di sana boleh meneliti kes ini kerana kes ini ada dirujuk oleh.....

Tuan Noh bin Omar: *[Bangun]*

Tuan Pengerusi [Tuan Ong Tee Keat]: Ya Yang Berhormat, Tanjong Karang bangun.

Tuan R. Karpal Singh: .....oleh ketujuh-tujuh hakim dalam Arulpragasan dan juga dalam Khoo Hi Chiang.

Tuan Pengerusi [Tuan Ong Tee Keat]: Ya, Tanjong Karang.

Tuan Noh bin Omar: Tuan Pengerusi, saya hendak tanya dua perkara mengenai point of order ini. Yang pertama ini 36.....

Tuan Pengerusi [Tuan Ong Tee Keat]: Nanti dulu Yang Berhormat, Yang Berhormat bangun atas point of order?

Tuan Noh bin Omar: Point of order.

Tuan Pengerusi [Tuan Ong Tee Keat]: Peraturan mesyuaratkah ataupun hendak minta penjelasan?

Tuan Noh bin Omar: Peraturan mesyuarat.

Tuan Pengerusi [Tuan Ong Tee Keat]: Ya, baik. Yang keberapa?

Tuan Noh bin Omar: Peraturan mesyuarat yang pertama sekali saya hendak tanya 36(1) - isi-isi ucapan. Saya mendengar ucapan yang diberi oleh Ahli Yang Berhormat dari Jelutong tadi. Itu, sudah banyak bercakap pasal dasar. Dalam jawapan Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri sudah menyatakan bahawa CPC 180 ini akan dipinda. Jadi, itu sesuailah. Tunggulah kita pinda seksyen 180 barulah kita bercakap kes ini. Ini, seolah-olah saya duduk dalam mahkamahlah, Tuan Pengerusi. Kes-kes yang disebut ini kes-kes hujah yang dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat dari Jelutong dalam kes Arulpragasan. Jadi, termasuk balik seksyen peraturan mesyuarat 35(6), dia masih ada interest lagi dalam kes ini. Jadi saya hendak dapat order daripada Tuan Pengerusi, sama ada isi ucapannya ini ada kaitankah dengan butiran-butiran yang disebut tadi?

Tuan Pengerusi [Tuan Ong Tee Keat]: Baik, saya akan buat keputusan. Nampaknya ada dua peraturan mesyuarat ya. 36(1) dan juga 35(6). Saya rasa kalaulah Ahli Yang Berhormat dari Jelutong sekadar bangkitkan contoh, rasanya saya akan izinkan tetapi janganlah Ahli Yang Berhormat huraikan contoh demi contoh, saya rasa itu akan mengambil masa yang panjang. Masa memang tidak mengizinkan tetapi berbalik kepada 35(6) itu saya rasa kalau kes yang berkenaan telah pun tamat dan Yang Berhormat tidak menyentuh secara langsung kepentingan kewangan yang melibatkan diri sendiri, itu tidak jadi soal. Yang Berhormat diingatkan kita berada dalam peringkat Jawatankuasa dan baliklah ke butiran yang berkenaan dan jangan Yang Berhormat huraikan secara detail ataupun terperinci contoh-contoh yang dibangkitkan tadi itu. Tidak payahlah.

Tuan R. Karpal Singh: Tuan Pengerusi, oleh kerana perkara ini amat serius, penting. Barangkali Ahli Yang Berhormat dari Tanjong Karang tidak memahami apa yang saya cakap.....

Tuan Noh bin Omar: *[Bangun]*

Tuan Pengerusi [Tuan Ong Tee Keat]: Ya, dia bangun.

Tuan R. Karpal Singh: Ya, dia tidak tahu.

Tuan Pengerusi [Tuan Ong Tee Keat]: Nanti, Yang Berhormat.

Tuan R. Karpal Singh: Mengapa ini? Penjelasan ataupun point of order?

Tuan Noh bin Omar: Saya hendak minta penjelasan sebab dia kata saya tidak faham, saya fahamlah saya bercakap ni.

Tuan R. Karpal Singh: Kalau dia hendak minta penjelasan tidak payah buang masa.

Tuan Noh bin Omar: Tunggulah kita bahas dalam.....

Tuan R. Karpal Singh: Hendak bangkit perkara yang sama dua, tiga kali tentang pecuniary interest tadi. Saya sudah menjelaskan tadi.

Tuan Pengerusi [Tuan Ong Tee Keat]: Yang Berhormat, Yang Berhormat, saya sudah buat keputusan. Ahli Yang Berhormat dari Jelutong balik kepada butiran yang berkenaan.

Tuan R. Karpal Singh: Ya, saya mahu balik, dia kacau lagi.

Tuan Pengerusi [Tuan Ong Tee Keat]: Yang Berhormat itu pun hak dia juga kalau dia hendak minta penjelasan.

Tuan R. Karpal Singh: Hak untuk kacau?

Tuan Pengerusi [Tuan Ong Tee Keat]: Bukan kacau, Yang Berhormat. Dia hendak minta penjelasan.

Tuan Noh bin Omar: *[Menyampuk]*

Tuan Pengerusi [Tuan Ong Tee Keat]: Yang Berhormat, Yang Berhormat. Sebelum Yang Berhormat .....

Tuan R. Karpal Singh: Langsung tidak faham. Never, he has never defend the fact in his life.

Tuan Pengerusi [Tuan Ong Tee Keat]: Sebelum Yang Berhormat bangun hendak bercakap, minta izin dulu. Ya, Ahli Yang Berhormat dari Jelutong.

Tuan R. Karpal Singh: Dia kacau kerana tidak faham.

Tuan Pengerusi [Tuan Ong Tee Keat]: Jangan terpesong jauh sangat Yang Berhormat.

Tuan R. Karpal Singh: Saya ada di sini, jika mahu Arulpragasan keputusan ada di sini, baca dulu baru bangun.

Tuan Pengerusi [Tuan Ong Tee Keat]: Tapi kalau tidak silap saya Yang Berhormat, tadi Yang Berhormat menyentuh ataupun cuba hendak huraikan kes.....

Tuan R. Karpal Singh: Chin Yoke?

Tuan Pengerusi [Tuan Ong Tee Keat]: ...yang dibangkitkan.

Tuan R. Karpal Singh: Ya, oleh kerana Timbalan Menteri ingin mendapat tahu.

Tuan Pengerusi [Tuan Ong Tee Keat]: Cukuplah, Yang Berhormat.

Tuan R. Karpal Singh: Langsung tidak faham di sini.

Tuan Pengerusi [Tuan Ong Tee Keat]: Sekadar memberi penjelasan, itu saya izinkan.

Tuan R. Karpal Singh: Siapa pun tidak faham, Timbalan Perdana Menteri pun tidak faham, Perdana Menteri langsung tidak tahu apa yang diputuskan di dalam kes Arulpragasan. Di sana langsung tidak masuk mahkamah untuk membela sesiapa. Mahu kacau di sini. Baca dulu.

Tuan Pengerusi [Tuan Ong Tee Keat]: Yang Berhormat, janganlah asyik hendak menggunakan perkataan 'kacau' itu. Itu tidak timbul.

Tuan R. Karpal Singh: Ya, kerana apa yang dia tanya tidak langsung.....

Tuan Noh bin Omar: *[Bangun]*

Tuan Pengerusi [Tuan Ong Tee Keat]: Ya, Ahli Yang Berhormat dari Tanjong Karang bangun ni.

Tuan R. Karpal Singh: Hendak apa? Penjelasan atau apa?

Tuan Noh bin Omar: Penjelasan.

Tuan R. Karpal Singh: Tidak payah oleh kerana.....

Tuan Noh bin Omar: Takut!

Tuan R. Karpal Singh: Bukan takut.

Dato' Haji Abu Zahar bin Dato' Nika Ujang: *[Bangun]*

Tuan Noh bin Omar: *[Menyampuk]*

Tuan Pengerusi [Tuan Ong Tee Keat]: Nanti dulu, nanti dulu. Ada seorang lagi.

Tuan Noh bin Omar: *[Menyampuk]*

Tuan Pengerusi [Tuan Ong Tee Keat]: Nanti dulu. Yang Berhormat, sabar.

Tuan R. Karpal Singh: Dia tidak faham. Bila kita memberi jalan, dia duduk.

Tuan Pengerusi [Tuan Ong Tee Keat]: Yang Berhormat, nanti dulu. Ada seorang lagi.

Tuan R. Karpal Singh: *[Menyampuk]*

Tuan Pengerusi [Tuan Ong Tee Keat]: Kuala Pilah bangun ini.

Dato' Haji Abu Zahar bin Dato' Nika Ujang: Tuan Pengerusi, point of order.

Tuan Pengerusi [Tuan Ong Tee Keat]: Ya, yang keberapa?

Dato' Haji Abu Zahar bin Dato' Nika Ujang: Izinkan sekali lagi saya merujuk kepada peruntukan 35(6). Jelaslah Tuan Pengerusi telah membuat keputusan. Di sini, yang kita hendak bangkitkan ialah persoalannya "seorang ahli tidak boleh bercakap berkenaan dengan apa-apa perkara yang ada dalamnya faedah kewangan yang tepat bagi dirinya". Dalam perkara ini, Tuan Pengerusi sebut tadi, kes Arulpragasan Ahli Yang Berhormat dari Jelutong ialah peguambela dan beliau tidak ada menyatakan beritahu kepada Dewan yang mulia ini interestnya dan tadi dia sudah janji.

Yang keduanya juga, Tuan Pengerusi, kes ini telah diputuskan oleh mahkamah dan keputusan itu terpaksa kita patuhi, yang hendak dibangkitkan dalam Dewan yang mulia ini membuang masa dan ini tidak melambangkan kematangan Ahli Yang Berhormat dari Jelutong .....

Tuan Pengerusi [Tuan Ong Tee Keat]: Baiklah, Yang Berhormat.

Dato' Haji Abu Zahar bin Dato' Nika Ujang: ....yang kononnya telah lama dalam Dewan ini yang pakar dari segi perundangan....

Tuan R. Karpal Singh: Tuan Pengerusi, ini bukan point of order.

Dato' Haji Abu Zahar bin Dato' Nika Ujang: Tuan Pengerusi, saya masih lagi berada di sini, saya minta tolong Tuan Pengerusi beri, saya masih berdiri di tempat saya. Minta tolong Ahli Yang Berhormat dari Jelutong duduk dahulu.

Tuan Pengerusi [Tuan Ong Tee Keat]: Duduk dulu ya.

Dato' Haji Abu Zahar bin Dato' Nika Ujang: Duduk dulu.

Tuan R. Karpal Singh: *[Menyampuk]*

Tuan Pengerusi [Tuan Ong Tee Keat]: Nanti dulu, Yang Berhormat.

Dato' Haji Abu Zahar bin Dato' Nika Ujang: Saya masih lagi menjelaskan point of order Tuan Pengerusi.

Tuan Pengerusi [Tuan Ong Tee Keat]: Yang Berhormat... .

Tuan R. Karpal Singh: *[Menyampuk]*

Tuan Pengerusi [Tuan Ong Tee Keat]: Ahli Yang Berhormat dari Jelutong, duduk sebentar dan saya akan buat keputusan.

Tuan R. Karpal Singh: Sudah buat tadi, tiga kali sudah buat.

Tuan Pengerusi [Tuan Ong Tee Keat]: Nanti dulu Yang Berhormat, sebab yang ini baru dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat dari Kuala Pilah. Saya kena buat satu ruling. Baik Yang Berhormat. Walaupun apa yang dibangkitkan itu adalah sama dengan Ahli Yang Berhormat dari Tanjong Karang dan saya memang sudah buat keputusan bersabit dengan peraturan mesyuarat 35(6) tetapi sukalah saya hendak ingatkan Yang Berhormat sesuatu yang baru iaitu sebarang kes perbicaraan yang telah diputuskan, saya rasa Yang Berhormat dinasihatkan janganlah ungkit-ungkit kembali hendak mempertikaikan keputusannya secara teknikal. Saya rasa Yang Berhormat tahu juga ya, kes semacam ini memang tidak dibenarkan dalam perbahasan yang lampau.

Kalau sekadar hendak memberi contoh, biasanya saya izinkan. Tetapi janganlah cuba hendak mengupasnya kembali. Tidak ada masa, Yang Berhormat.

Tuan R. Karpal Singh: Dukacita, Tuan Pengerusi pun langsung tidak faham. *[Ketawa]*

Tuan Pengerusi [Tuan Ong Tee Keat]: Yang Berhormat!

Tuan R. Karpal Singh: Langsung tidak faham.

Tuan Pengerusi [Tuan Ong Tee Keat]: Yang Berhormat, saya hendak minta Yang Berhormat tarik balik apa yang disebut tadi.

Tuan R. Karpal Singh: Tidak faham!

Tuan Pengerusi [Tuan Ong Tee Keat]: Ini satu tanda yang saya rasa....

Tuan R. Karpal Singh: Tuan Pengerusi, bukan contoh, ini kes....

Tuan Pengerusi [Tuan Ong Tee Keat]: Ini satu tanda kurang pengajaran, Yang Berhormat.

Tuan R. Karpal Singh: Bukan kurang pengajaran. Kurang faham oleh....

Tuan Pengerusi [Tuan Ong Tee Keat]: Kurang Pengajaran dan peradaban. Yang Berhormat, saya cukup sabar dan saya cuma hendak tolong Yang Berhormat memberi nasihat dan janganlah Yang Berhormat sanggup bertindak sedemikian.

Tuan R. Karpal Singh: Tuan Pengerusi, bukan itu, tidak faham, thats my worry, nobody understand.

Tuan Pengerusi [Tuan Ong Tee Keat]: Kalau Yang Berhormat tetap hendak cakap macam itu, saya kena memberhentikan Yang Berhormat daripada berucap.

Tuan R. Karpal Singh: Tuan Pengerusi,....

Tuan Pengerusi [Tuan Ong Tee Keat]: Saya sudah buat keputusan tadi cukup jelas, dan saya memang beri peluang kepada Yang Berhormat untuk mengambil bahagian dalam perbahasan, tetapi janganlah berdegil-degil, Yang Berhormat.

Tuan R. Karpal Singh: Bukan saya berdegil-degil, Tuan Pengerusi. Di sini adalah akta yang penting, ini bukan contoh yang saya memberi. Ini bukan contoh.

Tuan Pengerusi [Tuan Ong Tee Keat]: Tentang contoh itu saya beri...

Tuan R. Karpal Singh: Ini adalah satu kes yang tidak diterima oleh kerajaan dengan sebab yang tidak munasabah.

Tuan Noh bin Omar: *[Bangun]*

Tuan Pengerusi [Tuan Ong Tee Keat]: Nanti dahulu, Yang Berhormat, ada peraturan mesyuarat. Nanti dahulu, duduk sebentar.

Tuan Noh bin Omar: Tuan Pengerusi, point of order!

Tuan Pengerusi [Tuan Ong Tee Keat]: Peraturan Mesyuarat yang ke berapa?

Tuan Noh bin Omar: Tuan Pengerusi, keputusan Tuan Pengerusi, adalah muktamad. Ini point of order. Tuan Pengerusi sudah buat keputusan suruh dia tarik balik kerana dia mengatakan Tuan Pengerusi tidak faham.

Tuan Pengerusi [Tuan Ong Tee Keat]: Nanti dahulu Yang Berhormat, saya akan uruskan.

Tuan Noh bin Omar: Dia sudah tarikkah belum, saya tidak dengar dia tarik, Tuan Pengerusi.

Tuan Pengerusi [Tuan Ong Tee Keat]: Kalau bersabit dengan perkataan yang dia sebutkan tadi, saya memang hendak kekalkan keputusan saya. Yang Berhormat,...

Tuan Noh bin Omar: Lagi satu 36(1). Saya minta supaya Yang Berhormat dari Jelutong betul-betul menghayati 36(1), tumpukan kepada isi ucapan kepada butiran-butiran yang tertentu. Bukan hendak membahaskan apa Yang Berhormat bercakap dalam mahkamah. Ini bukan mahkamah. Kita bukan buat undang-undang.

Tuan Pengerusi [Tuan Ong Tee Keat]: Cukup Yang Berhormat. Yang Berhormat, tak payah mengulas.

Tuan Noh bin Omar: Jadi, saya minta 36(1) ini tolong faham sedikit.

Tuan Pengerusi [Tuan Ong Tee Keat]: Yang Berhormat dari Jelutong, balik pada apa yang disebutkan tadi itu, saya rasa Yang Berhormat kena tarik balik.

Tuan R. Karpal Singh: Itu boleh tarik balik, itu perkara yang kecil, tak mengapa. Apa yang penting adakah Ahli-ahli Yang Berhormat di sini termasuk Tuan Pengerusi faham apa yang saya mahu bangkit ini.

Tuan Pengerusi [Tuan Ong Tee Keat]: Yang Berhormat, jangan cuba hendak libatkan Kerusi dalam perbahasan ini. Kena faham.

Tuan R. Karpal Singh: Tuan Pengerusi, dengan hormat. Tuan Pengerusi bukan seorang lawyer, *[Menyampuk]* tidak faham isu yang ada berbangkit dalam Arulpragasan.

Tuan Pengerusi [Tuan Ong Tee Keat]: Nanti dahulu, Yang Berhormat. Takkan Yang Berhormat hendak harapkan semua Ahli Dewan ini terdiri daripada peguam sahaja.

Tuan R. Karpal Singh: Ya, kerana ini kes undang-undang. Jika langsung tidak tahu undang-undang, bagaimana mahu memahami. Oleh itu,....

Tuan Pengerusi [Tuan Ong Tee Keat]: Yang Berhormat, saya buat keputusan dahulu ya, dan saya tidak akan ulangi sekali lagi. Saya bertegas, kalau Yang Berhormat cuba hendak mengupas secara detail lagi, saya rasa itu tak kena.

Tuan R. Karpal Singh: Perkara penting untuk saya mengulas dengan detail, Tuan Pengerusi, kerana di sini adalah satu isu penting kerana kerajaan tidak mahu terima keputusan Mahkamah Persekutuan ini, dan membuat pindaan kepada Kanun Acara Jenayah. Pindaan-pindaan yang ada far reaching consequences. Bukan satu contoh.

Datuk Haji Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: *[Bangun]*

Tuan Pengerusi [Tuan Ong Tee Keat]: Yang Berhormat, Chenderoh bangun.

Datuk Haji Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Yang Berhormat, ini soal penting. Saya hendak Yang Berhormat beri penjelasan. Sebab fahaman saya dalam hujah Yang Berhormat tadi, iaitu mengikut Yang Berhormat, dalam kes public prosecutor lawan Chin Yoke tahun 1939, kadeah yang digunakan di bawah seksyen 173F itu must prove beyond reasonable doubt ataupun *prima facie*? Sebab fahaman saya, semenjak kes inilah kita menjadi asas bahawa di peringkat itu kita hanya menggunakan kaedah *prima facie* sahaja. Jadi, saya hendak Yang Berhormat jelaskan di sini?

Tuan R. Karpal Singh: Tuan Pengerusi, seksyen 173F berbunyi, tidak ada perkataan *prima facie* dalam seksyen ini atau dalam Kanun Acara Jenayah. Apa yang seksyen itu berbunyi adalah "If it found taking all the evidence during the court refer to that is the evidence for the prosecution, the court find that no case against the accuse that he made out which his found rebutted would warrant his conviction because the record and order equal to."

Tafsiran bagi seksyen ini, perkataan *prima facie* langsung tidak ada dalam Undang-undang Kanun Acara Jenayah.

Datuk Haji Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Saya tahu seksyen 173F tidak ada perkataan *prima facie* ataupun beyond reasonable doubt. Tetapi bukankah keputusan yang dibuat dalam kes Chin Yoke ini, mereka mengambil keputusan, iaitu if

unrebutted itu maknanya menggunakan kaedah *prima facie* sahaja, bukan beyond reasonable doubt at the end of the prosecution case, dengan izin. Sebab ini penting. Kalau dalam seksyen 173F ini bahawa kita menggunakan kaedah "at the end of the prosecution case," kalau ada *prima facie* case, itu bermakna bahawa telah lebih daripada beberapa puluh tahun kita telah pun menggunakan kaedah ini. Cuma yang tukarnya pada tahun 1993 sahaja dalam kes Khoo Hi Chiang. Jadi, sebab itu saya hendak bertanya Yang Berhormat, kerana fahaman saya Yang Berhormat berucap tadi seolah-olah semenjak tahun 1939 lagi dalam keputusan, kita mengambil kaedah beyond reasonable doubt. Saya ingat itu salah.

Tuan R. Karpal Singh: Yang Berhormat, itu bukan salah. Dalam kes Khoo Hi Chiang yang ada dilaporkan barangkali Yang Berhormat boleh sebut kes ini. Rujukan adalah 1994 1/*MLJ* page 265, dan mukasurat 267 ada. *Cases referred to Chin Yoke vs. Public Prosecutor 1940 Malayan Law Journal*, page 47 as follows. Barangkali Yang Berhormat mahu melihat ini. Itu bermakna dalam kes Chin Yoke. Dalam kes Chin Yoke apa yang diputuskan adalah tafsiran bagi 173F adalah beyond reasonable doubt at the closed of the prosecution case. Itu ada diikuti dalam kes Khoo Hi Chang dan dalam kes Arulpragasan.

Datuk Haji Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Kalau Ahli Yang Berhormat sebut dalam kes Chin Yoke ini sudah digunakan kaedah beyond reasonable doubt, mengapa perlu dalam kes Khoo Hi Chiang hendak pastikan bahawa kaedah yang sepatut digunakan ialah beyond reasonable doubt? Tak perlu ada keputusan di atas Khoo Hi Chiang. Sebab kita guna *prima facie*lah, sebab itu dalam kes Khoo Hi Chiang ini berbangkit. Pada tahun 1993 baru keputusan dibuat, digunakan iaitu kaedah beyond reasonable doubt. Saya ingat Yang Berhormat jangan misslive the Dewan.

Tuan R. Karpal Singh: Itu satu pertuduhan yang serius, misslive the House. Tidak boleh sebut seperti itu. Tuan Pengerusi, ini dalam tahun 1939. Tetapi dalam tahun 1981 di Singapura dalam kes Haw Tua Tau. Timbalan Menteri langsung tidak pergi ke mahkamah, dia tidak tahu ini, semua dia tidak tahu. *[Ketawa]* Dalam tahun 1981 kes Haw Tua Tau, dalam kes itu, apa yang diputuskan adalah "at the closed of the case for the prosecution all that has to be shown if that is some evidence, not inhiddently incredible which it believed would warrant a conviction." Tetapi kes Singapura itu ada diikuti dalam satu kes Ragunathan. Nama pun 'Ragu' dalam tahun 1984. *[Ketawa]* Dan selepas itu, dalam kes Munusamy vs. Public Prosecutor. Selepas itu kes Tan Boon Kean virsus Public Prosecutor. Selepas itu jadi Khoo Hi Chiang dalam tahun 1994.

Beberapa Ahli: *[Menyampuk]*

Tuan R. Karpal Singh: Baik macam ini, dapat penjelasan dan faham apa yang dinyatakan oleh saya.

Datuk Haji Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Yang Berhormat kata kes Haw Tua Tau di Singapura. Kemudian tahun 1981 kita ikut kes ini dalam kes Ragunathan. Yang Berhormat kata Ragunathan pun ragu-ragu. Jadi, apakah Yang Berhormat kata pada ketika itu hakim yang mengambil keputusan itu Raja Azlan, Salleh Abas dan Hamid ini memang hakim ini tidak bergunakah, sehinggakan keputusan yang mereka buat dalam kes Ragunathan ini diragu-ragukan?

Tuan R. Karpal Singh: Soalannya bukan ada guna atau tidak guna. Kes itu ada diikuti dalam kes Munusamy, ada diikuti dalam kes Tan Boon Kean, tetapi dalam kes Khoo Hi Chiang, dalam tahun 1993 - 24hb. Disember, 5 orang Hakim iaitu Abdul Hamid, Lord President Jamuri Sarjan, Chief Justice Borneo Edgar Joseph Jr, Eusoff Chin dan Mohamad Saidin, sebulat suara.....

Tuan Noh bin Omar: *[Bangun]*

Tuan Pengerusi [Tuan Ong Tee Keat]: Nanti dahulu, Yang Berhormat. Ada Peraturan Mesyuarat.

Tuan R. Karpal Singh: Ini orang tidak ada kerja lain untuk kacau. *[Ketawa]*

Tuan Pengerusi [Tuan Ong Tee Keat]: Nanti dahulu.

Tuan R. Karpal Singh: Timbalan Menteri ada faham sedikit, tetapi ini.....

Tuan Pengerusi [Tuan Ong Tee Keat]: Yang Berhormat, jangan buat sangkaan macam itu.

Tuan Noh bin Omar: Tuan Pengerusi, 36(1). Sebab itu tadi saya berkali-kali menegaskan. Kita ini di dalam peringkat Jawatankuasa, kena pegang Peraturan Mesyuarat 36(1) - berucap dengan yang berkaitan. Saya tidak menafikan apa yang dicakapkan itu. Kita pun belajar juga. Kalau saya tidak belajar, macam mana saya boleh menjadi lawyer. Sama-sama belajar, tetapi tunggulah. Bila kita pinda CPC nanti bolehlah kita hendak bahaskan isu ini. Di sini ramai kawan-kawan yang bukan

lawyer, mereka hendak bercakap. Mereka boring mendengar ini. Ini bukan mahkamah, ini Dewan, kita hendak buat undang-undang.

Tuan Pengerusi [Tuan Ong Tee Keat]: Cukuplah Yang Berhormat. Peraturan Mesyuarat 36(1) itu saya rasa kurang tepat tetapi saya sudah ingatkan Yang Berhormat Jelutong tadi. Saya tidak benarkan Yang Berhormat huraikan kes demi kes sepertimana yang dibuat dalam mahkamah. Ini bukan mahkamah.

Tuan R. Karpal Singh: Ini lebih tinggi dari mahkamah.

Tuan Pengerusi [Tuan Ong Tee Keat]: Ini bukan kira status, Yang Berhormat.

Tuan R. Karpal Singh: Lebih tinggi, undang-undang di buat di sini.

Tuan Pengerusi [Tuan Ong Tee Keat]: Saya hendak ingatkan Yang Berhormat. Sila gulung, Yang Berhormat.

Tuan R. Karpal Singh: Di sini langsung tidak faham undang-undang.

Tuan Pengerusi [Tuan Ong Tee Keat]: Yang Berhormat, sila gulung. Kalau Yang Berhormat tidak ada isi kandungan yang lain yang hendak.....

Tuan R. Karpal Singh: Saya mahu jawab apa yang dia tanya tadi.

Datuk Haji Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Saya mahu minta penjelasan. Saya mahu tanya balik.

Tuan R. Karpal Singh: No, no. Saya hendak jawab apa yang dia tanya tadi.

Datuk Haji Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Nanti beri balik.

Tuan R. Karpal Singh: Boleh, boleh. Beri jalan. At least you have some sense in your head, unlike that man over there. Dalam kes Khoo Hi Chiang, cases refer to.....tadi, saya ada menyatakan Chin Yoke - followed, Ragunathan lwn Pendakwa Raya - not followed, Munusamy vs Public Prosecutor - not followed dan Junaidi bin Abdullah - not followed. Adakah semua ini di 'overruled'? Tidak faham? Adakah diketahui bahawa kes itu ada di 'overruled' oleh Khoo Hi Chiang dan Arulpragasan?

Datuk Haji Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Pertama, saya hendak tanya Yang Berhormat. Tadi Yang Berhormat cakap unanimous dalam kes Arulpragasan ini, tetapi yang saya tahun 4-3 - majoriti.

Tuan R. Karpal Singh: Dalam kes Khoo Hi Chiang - lima?

Datuk Haji Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Tan Boon Kean tahun berapa? Kes Tan Boon Kean tahun 1995. Bermakna dia tolak Khoo Hi Chiang. Jadi, saya hendak menyatakan di sini bahawa, walaupun Arulpragasan punya kes 4-3, bukan unanimous, ini bermakna bahawa 4-3 bukan satu perkara yang unanimous. Hakim adalah manusia. Keputusan mereka pun kadangkala tidak betul. Sebab itu kerajaan berhak. Kalau daripada tahun 1939 kita telah menggunakan kaedah *prima facie* dan di negara-negara Commanwealth yang lain pun mengikut kaedah yang sama, mengapa Yang Berhormat terlalu marah sangat kalau kita merasakan kes ini banyak bercanggah perbezaan pendapat, maka ini yang terbesar sekali dalam Malaysia, seperti Yang Berhormat cakap, maka kita mengambil keputusan untuk memperjelaskan perkara yang tidak jelas di kalangan hakim-hakim. Apa salahnya?

Tuan R. Karpal Singh: Walaupun majoriti 4-3.....

Datuk Haji Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: What is wrong?

Tuan R. Karpal Singh: No, no, bukan what's wrong, dalam kes UEM, majoriti 3-2, masa itu boleh diterima oleh kerajaan kerana jikalau tidak terima, Tengku Razaleigh barang kali mengambil kuasa dalam UMNO masa itu, oleh itu atas political consideration, walaupun 3-2 itu majoritinya lebih, itu boleh diterima. Tetapi 4-3, langsung tidak mahu diterima. Ini bukan soal majoriti atau unanimous. Ini satu keputusan oleh satu badan kehakiman tertinggi dalam negara. Dalam pilihan raya boleh menang dengan satu undi, itu satu kemenangan dan tidak boleh dipersoalkan. Ada faham?

Datuk Haji Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Saya ingat dia ini orang tua, tidak faham. Kalau kita guna amalan semenjak tahun 1939, amalannya itu berpuluh tahun kita guna. Ini satu perkara yang penting, bukan macam kes UEM - keputusan di atas perkara-perkara yang tidak ada kaitan dengan peruntukan di dalam akta seperti ini. Ini amalan yang kita guna semenjak tahun 1939 sampai tahun 1993. Jadi bermakna tidak ada sesuatu yang dikatakan sebagai persepakatan berkenaan dengan kaedah yang harus diguna. Bila tidak ada, bermakna kita harus kembali kepada amalan yang telah kita lakukan selama lebih daripada 30 tahun. Jadi, sebab itu, kalau perkara ini kita telah gunakan selama 40 tahun dan ia merupakan kaedah yang baik, tiba-tiba pula hakim mempunyai pandangan yang lain

pada tahun 1993, itu pun pada tahun 1993 - tukar balik seperti dalam kes Tan Boon Kean, kemudian appealed balik, bermakna mereka sesama mereka sendiri tidak ada kata putus.

Oleh kerana itu, bukankah Yang Berhormat sebut tadi, Dewan sebagai tempat yang lebih tinggi daripada mahkamah, mengambil keputusan bahawa perkara yang menjadi pertikaian di kalangan hakim-hakim perlu kita perjelaskan dan kita undang-undangkan supaya ianya tidak lagi menjadi pertikaian. Adakah kita tidak ada hak untuk berbuat demikian? Hanya untuk memperundang-undangkan amalan yang telah kita lakukan selama lebih daripada 40 tahun? Adakah itu salah?

Tuan R. Karpal Singh: Itu bukan amalan. Chin Yoke adalah tafsiran atas Seksyen 173(F) yang *in pari materia* with Seksyen 180. Itu satu tafsiran, bukan amalan.

Datuk Haji Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Apa beza Seksyen 180 dengan Seksyen 173?

Tuan R. Karpal Singh: Bukan amalan.

Datuk Haji Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Satu diguna di Mahkamah Tinggi, satu di Lower Court, tidak ada perbezaan.

Tuan R. Karpal Singh: Bukan perbezaan, ada dua seksyen. Bagi Mahkamah Rendah - Seksyen 173(F) dan Seksyen 180 adalah bagi Mahkamah Tinggi, tetapi dalam tahun 1940, Chin Yoke bukan amalan. *Ratio decidendi* dalam kes itu.

Tuan Pengerusi [Tuan Ong Tee Keat]: Yang Berhormat, saya rasa kes Chin Yoke tadi itu sudah cukup untuk Yang Berhormat membahaskan. Kalau sekadar hendak memberi contoh, saya beri....

Tuan R. Karpal Singh: Dia tanya penjelasan tadi.

Tuan Pengerusi [Tuan Ong Tee Keat]: Cukuplah, Yang Berhormat.

Tuan R. Karpal Singh: Saya ingat Tuan Pengerusi pun tidak faham. Tidak payahlah, habis di situ.

Tuan Pengerusi [Tuan Ong Tee Keat]: Yang Berhormat.

Tuan R. Karpal Singh: Itu sahajalah, tidak payah.

Tuan Pengerusi [Tuan Ong Tee Keat]: Yang Berhormat, cukup. Jelebu.

6.20 ptg.

Tuan Yunus bin Rahmat [Jelebu]: Tuan Pengerusi, saya hendak menyentuh tentang B.7 - Jabatan Perdana Menteri di bawah Butiran 030000, 020000, 050000, 070000 dan 130000 yang disentuh secara sekali gus.

Tuan Pengerusi, saya tidak mahu memanjangkan masa, membuang masa seperti macam Ahli Yang Berhormat dari Jelutong tadi, sehinggakan kita ternganga-nganga sebab dia tidak mengerti cakap Melayu, tak faham!

Tuan Pengerusi, saya ingin menyentuh Unit Penyelarasan dan Pelaksanaan, Jabatan Perdana Menteri. Kita mengucapkan tahniahlah di atas kerja-kerja yang telah ditunjukkan oleh seluruh kakitangan kerajaan yang berjumlah lebih dari 850,000 orang sepanjang tahun yang lepas dan tahun ini dan pencapaian yang telah diberikan dan ditunjukkan di dalam usaha untuk menggerakkan dasar-dasar kerajaan.

Tuan Pengerusi, dalam pada itu kita haruslah menekankan bahawa Unit Penyelarasan dan Pelaksanaan, Jabatan Perdana Menteri ini haruslah dapat menyempurnakan pemerhatian dan juga pengesanan ke atas kakitangan-kakitangan yang didapati tidak dapat menjalankan program-program yang telah diatur dan telah diluluskan di peringkat negeri dan juga daerah, kerana apa yang kita dapati terkadang-kadang projek-projek yang telah diluluskan tidak dapat dilaksanakan dengan baik dan teratur, banyak permasalahan yang berlaku, masalah tanah, masalah kelulusan pelan dan sebagainya.

Jadi, saya berharaplah unit ini akan dapat mengesan dan menyelaraskan tugas-tugas di peringkat bawahan dan saya yakin dan percaya UPP yang mempunyai kakitangan yang begitu ramai akan dapat mengesan permasalahan dan juga kelemahan yang berlaku terutamanya di peringkat pejabat-pejabat pembangunan di peringkat daerah dan juga negeri.

Tuan Pengerusi, apa yang berlaku, kadang-kadang kakitangan-kakitangan di peringkat daerah ini macam tak tahu buat kerja. Terdapat kadang-kadang kelulusan-kelulusan peruntukan yang telah diberikan tidak dapat dilaksanakan dengan baik. Permasalahan kecekapan kakitangan di peringkat bawah juga masih berlaku, walaupun pelbagai pekeliling perkhidmatan kerajaan telah pun dikeluarkan, satu demi satu sejak tahun 1991 yang lalu, tetapi masih terdapat lagi kakitangan yang membuat tindakan sambil lewa sehingga kita terpaksa menegur dalam mesyuarat-mesyuarat

pembangunan daerah dan sebagainya. Contohnya peruntukan Ahli Parlimen yang kita sokong untuk kelulusan daripada pejabat pembangunan negeri, sehingga kelulusan itu telah diturunkan sejak bulan Ogos, tetapi bulan November masih lagi tidak diberitahu kepada pemohon-pemohon, yang mereka harapkan ialah pemohon datang berjumpa dengan mereka hari-hari.

Jadi, ini tak kena. Kita kena aturkan, kita kena cipta satu sistem pemberitahuan, biasanya permohonan itu dijawab dengan menyatakan permohonan tuan dalam tindakan atau pemerhatian, apabila telah lulus, kita kena beritahu balik, adalah formatnya, tak payahlah kita hendak ajar.

Jadi, inilah yang merupakan faktor-faktor kelewatan di sesuatu permohonan itu dilaksanakan dan projek-projek kecil Ahli Parlimen itu lambat dilaksanakan. Dan saya haraplah UPP akan dapat menekankan dan melihat perkara-perkara yang sedemikian di peringkat bawahan dan pegawai-pegawai daerah ataupun penolong pegawai daerah bahagian pembangunan haruslah begitu peka dan seharusnya melihat perkara ini supaya perbelanjaan yang sepatutnya dibelanjakan pada tahun kewangan yang berkenaan tidak akan terbabas sehingga tahun yang selepasnya.

Tuan Pengerusi, jadi, ini kita khuatir kesannya akan datang kepada wakil-wakil rakyat. Kononnya, ada tohmahan dan tuduhan bahawa wakil rakyat tidak menjalankan kerja dengan baik. Sebenarnya, sistem yang dijalankan di pejabat-pejabat daerah dan pejabat-pejabat pembangunan ataupun di pejabat-pejabat pembangunan negeri, tidak begitu cekap. Jadi, saya ingin menekankan supaya UPP akan menekankan perkara ini dan berharap kerja-kerja yang ditumpukan oleh pegawai-pegawai akan dapat dikesan dengan lebih baik.

Tuan Pengerusi, mengenai dengan Unit Perancang Ekonomi. Saya terlebih dahulu merakamkan ucapan terima kasihlah kepada pihak MARA kerana meluluskan peruntukan RM20 juta untuk pembaikan dan pembesaran Maktab Rendah Sains MARA di Jelebu. Pada tahun 1997 kerja-kerja akan dimulakan, tetapi apa yang menyedihkan, sehingga hari ini, pelan yang dikemukakan oleh pihak MARA untuk kelulusan daripada pihak EPU masih belum turun lagi, masih belum diluluskan.

Tuan Pengerusi, RM20 juta ini banyak untuk dibelanjakan. Jadi, saya khuatir dengan kelewatan ini setelah peruntukan diluluskan pada bulan Julai yang lalu, saya khuatir kerja-kerja tidak akan dapat dibuat berdasarkan kepada perancangan yang diaturkan. Jadi, saya berharaplah Unit Perancang Ekonomi akan dapat melihat balik perkara ini kalau belum diluluskan, mintalah disegerakan, kalau sudah, terima kasih! Sebab, makluman yang saya dapat dari Pejabat Daerah Jelebu, kerja-kerja ini terpaksa ditangguhkan dahulu kerana kelulusan pelan daripada pihak EPU untuk kali keduanya belum lagi diterima.

Tuan Pengerusi, selain daripada itu Bahagian Hal Ehwal Agama Islam. Saya bagi pihak rakyat di Jelebu merakamkan ucapan teirma kasih dan tahniah kepada kerajaan terutamanya Bahagian Hal Ehwal Agama Islam kerana telah memilih Jelebu untuk dibangunkan Pusat Pemurnian Akidah yang mana kerja-kerjanya telah pun bermula dua minggu yang lepas.

Mengikut kelulusan dalam Rancangan Malaysia Ketujuh, kelulusannya sebanyak RM5 juta tetapi saya lihat untuk tahun 1997 dan peruntukan keseluruhannya hanya RM2.5 juta. Jadi, saya pun tak tahu yang mana satu, saya minta penjelasan dari Yang Berhormat Dato' Menteri yang berkenaan.

Tuan Pengerusi, saya berharap Bahagian Pusat Pemurnian Akidah ini akan dapat dibangunkan dengan kadar yang segera kerana masalah yang berlaku sekarang ini, mengenai salah maklumat ataupun salah ikutan ataupun bertentangan dengan akidah Islam kita, telah banyak dan berleluasa berlakunya.

Jadi, kita haraplah dengan terdirinya pusat latihan ataupun Pusat Pemurnian Akidah ini, akan dapat ditempatkan. Walaupun Jelebu sebagai tempat latihan mereka ini, kita akan sanggup menerimanya dan saya menganggapkan bahawa projek yang dibuat oleh Kerajaan Pusat ini telah dapat membantu ke arah pembangunan Jelebu di masa yang akan datang.

Tuan Pengerusi, di samping itu mengenai dengan jawatan Penggerak Masyarakat Orang Asli yang dilantik oleh Bahagian Hal Ehwal Agama Islam. Pusat ini akan dapat lebih menjalankan tugas dan tanggungjawabnya ke arah memberikan dakwah dan juga memberikan petunjuk kepada masyarakat Orang Asli yang telah memeluk agama Islam.

Tuan Pengerusi, apa yang berlaku pada hari ini, ramai di kalangan penduduk ataupun masyarakat Orang Asli yang telah memeluk agama Islam, tetapi apa yang menyedihkan ialah mereka ini tidak langsung diberikan latihan, kursus dan sebagainya. Walaupun kemasukan mereka ke dalam agama Is-

lam, mereka memeluk agama Islam, melalui perkahwinan dengan orang-orang Islam ataupun dengan kerelaan sendiri, namun mereka ini tidak dirancangkan kursus dan latihan untuk mendalami hal ehwal agama bagi melengkapkan lagi syarat-syarat mereka sebagai penganut agama Islam.

Saya khuatir perkara ini akan menjadi masalah yang begitu besar di mana masyarakat Islam ataupun golongan saudara baru ini tidak akan menerima agama Islam ini sebagai agama rasmi negara ini yang perlu diikuti kerana permasalahan teknikal yang sendiri tidak disedari oleh jabatan-jabatan berkenaan.

Saya mohonlah supaya Bahagian Hal Ehwal Agama Islam ini akan dapat mengarahkan dan menyarankan kepada pejabat-pejabat agama Islam daerah ataupun negeri supaya merancangkan program-program yang khusus kepada saudara-saudara baru. Dan saya berharap Penggerak Masyarakat Orang Asli ini akan lebih bertanggungjawab untuk menjalankan tugas-tugas bagi menjalankan dakwah-dakwah di kalangan Orang-orang Asli.

Tuan Pengerusi, apa yang berlaku sekarang terdapat di kalangan pegawai-pegawai yang diamanahkan tidak langsung menjalankan tanggungjawab. Mereka lebih senang duduk di luar daripada duduk di dalam kawasan perkampungan Orang Asli yang sepatutnya mereka ditempatkan di kawasan perkampungan Orang Asli itu sendiri. Rumah telah disediakan oleh JOA, namun mereka enggan dan gagal tinggal di tempat-tempat berkenaan dan gagal menjalankan tugas dan tanggungjawab.

Jadi, saya berharap apabila perkara-perkara ini dibangkitkan kepada Bahagian Hal Ehwal Agama Islam ianya akan dapat diambil tindakan yang bersesuaian dan kalau perlu mereka ini akan dapat lebih kerap diseliai oleh pejabat agama Islam negeri ataupun daerah supaya tugas-tugas mereka akan dapat mencapai matlamat dan sebagainya.

Tuan Pengerusi [Tuan Ong Tee Keat]: Yang Berhormat, hari sudah suntuk Yang Berhormat.

Tuan Yunus bin Rahmat: Tuan Pengerusi, sambung besok?

Tuan Pengerusi [Tuan Ong Tee Keat]: Ya, Yang Berhormat diminta sambung besok ya!

Tuan Yunus bin Rahmat: Terima kasih.

Majlis Mesyuarat bersidang semula.

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Ong Tee Keat]: Majlis Mesyuarat ditangguhkan hingga jam 2.30 petang esok.

Dewan ditangguhkan pada pukul 6.30 petang.